



PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2473]

**MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYU-
ARAT 18:**

Peristiwa Mengamuk Askar-Polis di Johor Bahru [Ruangan 2530]

PENERANGAN Y.B. MENTERI PERTAHANAN:

Peristiwa Pergaduhan di Johor Bahru [Ruangan 2532]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 2536]

USUL UNTUK MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG
AHLI PERSENDIRIAN:

Rang Undang-undang Kod Peraturan Jenayah (Pindaan), 1980 [Ruangan
2537]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1978 dan 1979):

Jawatankuasa—

Jadual Pertama:

Maksud B. 2, B. 4, B. 7, B. 8, B. 9, B. 11 dan B. 14 [Ruangan
2541]

KANDUNGANNYA—(Samb.)

Maksud B. 15, B. 18 dan B. 20 [Ruangan 2541]

Jadual Kedua:

Maksud B. 4 dan B. 8 [Ruangan 2541]

Maksud B. 15 dan B. 18 [Ruangan 2574]

USUL-USUL

Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4), 1979:

Jawatankuasa—

Maksud P. 15 [Ruangan 2574]

Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1980:

Jawatankuasa—

Maksud P. 15 [Ruangan 2574]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ **Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P., (Kubang Pasu).**

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).

„ **Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).**

„ **Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**

„ **Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**

„ **Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K., S.S.I.J. (Tenggaroh).**

„ **Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).**

„ **Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).**

„ **Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).**

„ **Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).**

„ **Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).**

„ **Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).**

„ **Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**

„ **Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**

„ **Menteri Penerangan, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).**

„ **Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, S.P.M.P. (Lumut).**

„ **Menteri Perusahaan Utama, DATO PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).**

„ **Menteri Perusahaan Awam, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).**

- Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).**
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.J.M. (Muar)
 - “ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungei Siput).
 - “ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO' MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
 - “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
 - “ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K. J.P. (Bentong).
 - “ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.L.D. (Tampin).
 - “ Timbalan Menteri Kesihatan, DR. SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
 - “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
 - “ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
 - “ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
 - “ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
 - “ Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
 - “ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
 - “ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
 - “ Timbalan MENTERI PENERANGAN, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
 - “ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.B. (Besut).
 - “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
 - “ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
 - “ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
 - “ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN MAK HON KAM, J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
 - “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
 - “ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
 - “ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
 - “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK CHIN HON NGIAN (Renggam).
 - “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, **TUAN JAWAN ANAK EMPALING**, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, **DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR**, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, **DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA**, D.P.M.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, **TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD** (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, **TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD**, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, **TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR**, S.M.T., S.M.S. P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, **TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF**, A.M.P., A.M.N., (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, **TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK**, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, **TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN** (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, **TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD** (Machang).
- „ **TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH** (Bandau).
- „ **TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA** (Jasin).
- „ **TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH**, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ **TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR** (Kulim-Bandar Bahru).
- „ **TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD** (Pasir Mas).
- „ **DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB**, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ **TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ** (Tanjung Karang).
- „ **DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR**, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ **TUAN ALIAS BIN MOHD. ALI**, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ **TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR** (Kimanis).
- „ **TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON**, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- „ **DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH**, P.G.D.K. (Marudu).
- „ **TUAN AU HOW CHEONG** (Telok Anson).
- „ **TUAN AWANG BIN JABAR**, P.J.K. (Dungun).
- „ **TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM**, A.M.P. (Batang Padang).
- „ **TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS** (Simunjan).
- „ **TUAN CHAN TECK CHAN** (Kota Melaka).
- „ **TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT** (Sungai Besi).
- „ **DR CHEN MAN HIN** (Seremban).
- „ **DATO MICHAEL CHEN WING SUM**, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ **TUAN CHIAN HENG KAI** (Batu Gajah).
- „ **TUAN CHIENG TIONG KAI** (Sarikei).
- „ **PUAN CHOW POH KHENG**, S.M.S. (Ulu Langat).
- „ **TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI** (Serian).
- „ **TUAN PETER PAUL DASON** (Bukit Bendera).
- „ **TUAN V. DAVID** (Damansara).

- Yang Berhormat TUAN EDWARD ESNEN UNANG (Mukah).
 „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
 „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
 „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
 „ TUAN V. GOVINDARAJ (Pelabuhan Kelang).
 „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
 „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
 „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
 „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
 „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Ayer Hitam).
 „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
 „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
 „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
 „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
 „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
 „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
 „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
 „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
 „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
 „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
 „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
 „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
 „ TUAN LEE KAW (Kluang).
 „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
 „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
 „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
 „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
 „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
 „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
 „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
 „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
 „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
 „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
 „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
 „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
 „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
 „ TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
 „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
 „ TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
 „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
 „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).

- Yang Berhormat DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S., P.S.D., K.M.N.
(Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MOHD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZE TU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungei Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD JANI, P.I.S.,
B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Jumaat, 13hb Jun, 1980

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

BARANG KELUARAN JEPUN—
PENURUNAN HARGA

1. Tuan Karpal Singh minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah barang-barang keluaran Jepun yang lain yang telah menjadi murah akibat penurunan harga kereta-kereta Jepun dan nyatakan perbezaan tersebut.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, penurunan harga kereta-kereta Jepun baru-baru ini adalah disebabkan oleh kejatuhan nilai pertukaran matawang Yen. Barang-barang Jepun yang lain selain daripada kereta yang dipasang di negara ini ialah barang-barang elektrik seperti TV, peti sejuk, dapur gas, kipas angin dan lain-lain.

Local content barang-barang tersebut berbeza-beza di antara 13% hingga 65%. Untuk mendapat faedah penurunan nilai matawang Jepun barang-barang yang dipasang itu mestilah mempunyai import content yang tinggi seperti kereta yang mempunyai lebih daripada 90% import content. Walau bagaimanapun, oleh kerana local content bagi barang-barang tersebut berbeza-beza maka faedah yang didapati adalah sukar untuk ditentukan lebih-lebih lagi memandangkan harga barang-barang itu adalah jauh lebih rendah daripada harga kereta, tambahan pula barang-barang ini tidak tertakluk kepada price supervision.

"FLYING DOCTOR SERVICE"

2. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kebanyakan hospital di Sabah memerlukan perkhidmatan helikopter untuk membawa pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan segera kerana jalan-jalan di Sabah tidaklah sebaik seperti di Semenanjung Malaysia, dan jika ya, bilakah perkhidmatan sedemikian akan diadakan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Jawan anak Empaling): Tuan Yang di-Pertua, suka saya memaklumkan bahawa "flying doctor service" telah sedia wujud di Sabah dan ianya meliputi lebih-kurang 160 buah kampung pada masa ini (on a regular basis). Di samping itu, perkhidmatan penerbangan kecemasan (emergency flying services) iaitu melalui helikopter diberikan bagi pemindahan kecemasan pesakit-pesakit apabila diminta oleh dispensari-dispensari, hospital daerah polis dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mohd. Khir Johari.

Tuan Hashim bin Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ketiga.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda.

PEGAWAI KERAJAAN DALAM
AKTIVITI PERNIAGAAN

3. Tuan Hashim bin Endut (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri bahawa memandang kepada banyaknya kejadian pegawai-pegawai Kerajaan, secara terus atau sebaliknya, melibatkan diri mereka di dalam perniagaan, menyatakan apakah tindakan tegas yang telah diambil oleh Kerajaan bagi

memberhentikan perbuatan itu, dan menyatakan hasil tindakan itu setakat ini. Dan juga menyatakan apakah badan berkenaan yang mengawasi perkara itu bagi pihak Kerajaan.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu pegawai-pegawai Kerajaan adalah ditegah dari melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti perniagaan. Perintah Am Bab 'D' 1969 tidak membenarkan Pegawai Kerajaan membuat pekerjaan-pekerjaan luar daripada tugas-tugas rasminya kecuali dengan kebenaran Ketua Jabatannya, tetapi tindakan ini terhad kepada kegiatan yang tidak bertelingkah dengan kepentingan Jabatan dan kepentingan Kerajaan keseluruhannya. Tindakan-tindakan tegas telahpun diambil ke atas kakitangan-kakitangan Kerajaan yang telah terbukti didapati melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti perniagaan itu termasuklah meminta mereka yang terlibat itu bersara daripada Perkhidmatan Awam.

Jabatan Perkhidmatan Awam yang mengawasi perkara ini bekerja rapat dengan Biro Siasatan Negara dan Bahagian Pendaftaran Syarikat-syarikat, Kementerian Perdagangan bagi mengesan penglibatan pegawai-pegawai Kerajaan dalam aktiviti-aktiviti perniagaan dan mencegah berlakunya perkara ini.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri adakah beliau sedar bahawa pegawai-pegawai dari bumiputra adalah merupakan orang Melayu Kelas Satu dalam kepintaran dan kepandaiannya. Sekiranya pegawai-pegawai Kerajaan seperti ini menceburkan diri secara tidak langsung dalam perniagaan dan tidak menjejaskan dalam tanggungjawabnya sebagai pegawai Kerajaan apakah pihak Kerajaan boleh membenarkan demi mencapai peringkat Desar Ekonomi Baru.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kita mempunyai bumiputra yang cukup untuk melibatkan diri dalam perniagaan dengan tidak payah melibatkan kakitangan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Shariffah Dorah binti Mohammed.

Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang keempat.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar.

BANK RAKYAT—KADAR FAEDAH PINJAMAN

4. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Pertanian menyatakan, memandangkan bahawa keseluruhan bank-bank Kerajaan dan swasta yang terdapat di negara ini dalam memberikan pinjaman mengenakan kadar faedah yang paling maksima tidak lebih daripada 10 peratus tetapi Bank Rakyat mengenakan kadar faedah yang paling tinggi di antara 12 hingga 14 peratus, adakah Kementerian yang berkenaan bercadang untuk menurunkan kadar faedah yang ada itu seperti yang dikenakan oleh bank-bank lain supaya rakyat benar-benar dapat menggunakan segala kemudahan yang sentiasa diharapkan dari bank tersebut.

Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa Bank Rakyat sahaja yang mengenakan faedah yang paling tinggi iaitu di atas 12% hingga 14%. Kebiasaannya bank-bank tidak menetapkan kadar faedah yang maksima dan mengenakan kadar faedah yang lebih dari 10% ke atas pinjaman-pinjaman berdasarkan kepada kos kewangan bank-bank tersebut, kedudukan kredit peminjam, cagaran yang dikemukakan, tempoh dan cara bayaran balik pinjaman itu.

Kadar faedah yang dikenakan oleh Bank Rakyat pada masa ini adalah berpatutan jika dibandingkan dengan bank-bank lain di negara ini. Bank Rakyat sentiasa mengkaji kadar faedah ke atas pinjaman-pinjamannya dari masa ke semasa sesuai dengan kos kewangan, kos pentadbiran dan keuntungan yang wajar kepada Bank Rakyat.

PARTI-PARTI PERKAUMAN

5. Tuan V. David minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kebanyakan parti-parti komponen Barisan Nasional adalah parti-parti perkauman dan

bolehkah beliau memberi jaminan bahawa perpaduan kebangsaan akan dicapai dengan membubarkan semua parti-parti bersatu dan menubuhkan sebuah parti berbilang kaum untuk menggantikan UMNO, MCA dan MIC sekarang ini.

Timbalan Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju dengan anggapan Ahli Yang Berhormat itu yang mengatakan bahawa parti-parti komponen Barisan Nasional adalah parti perkauman yang menghalang perpaduan. Saya yakin Ahli Yang Berhormat sendiri tahu akan sejarah yang menyebabkan wujudnya parti-parti ini dan juga pembentukan Barisan Nasional yang dahulunya dikenali sebagai Perikatan, yang telah melahirkan satu barisan bersatu yang membolehkan kita mencapai kemerdekaan. Tindakan itu adalah satu langkah yang progresif kerana walaupun parti-parti ini berasaskan kepada keturunan kaum tetapi dengan usaha bersama, semangat kerjasama dan dengan sentiasa mengutamakan kepentingan negara mereka dapat membina sebuah negara.

Sekiranya pada masa itu tidak ada percantuman antara ketiga-tiga buah parti itu, besar kemungkinannya kita tidak dapat mencapai kemerdekaan dan juga kemajuan negara. Pembentukan Barisan Nasional adalah satu langkah lanjutan kepada konsep bekerjasama ke arah perpaduan negara yang lebih luas di kalangan rakyat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Damansara, apa yang menjadi penghalang kepada usaha-usaha Kerajaan untuk memupuk perpaduan bukanlah kerana adanya parti-parti politik yang berasas kepada kaum tetapi adalah kerana timbulnya sentimen-sentimen perkauman akibat tindakan parti-parti politik yang bermain politik perkauman untuk kepentingan satu-satu kaum sahaja dan semata-mata untuk memancing undi.

Di samping itu, terdapat parti yang mendakwa ianya sebagai parti perpaduan dan berbilang kaum, seperti DAP. Tetapi yang sebenarnya parti itu mempunyai fahaman dan pandangan perkauman yang sempit sehingga tidak ada satu perkara pun yang tidak dibahaskan dari kacamata dan sudut perkauman yang ketat.

Oleh yang demikian, Kerajaan tidak bercadang untuk membubarkan semua parti-parti bersatu dan menubuhkan sebuah parti berbilang kaum.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, negara kita telah mendapat kemerdekaan lebihkurang 23 tahun, yang ada nampak generasi baru di Malaysia tetapi bagaimanakah cadangan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri hendak membawa integrasi di dalam Malaysia bila satu-satu kaum meminta membangun suara dia kata bangsa ini meminta itu, dengan itu macam mana kita mahu bawa integrasi. Bolehkah Yang Amat Berhormat memberikan satu contoh bagaimana kita boleh bawa integrasi dalam Malaysia, satu bangsa ataupun satu negara.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, satu cara yang tepat, baik dan berkesan sekali ialah dengan pembubaran DAP (*Tepuk*) dan tidak lagi dibangkit perkara kaum di dalam Dewan ini.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Dato' Seri sebagaimana kenyataan yang diberikan tadi bahawa DAP merupakan parti yang menghalang kepada perpaduan negara yang kita pupuk selama ini. Jadi, apakah pihak Kerajaan bercadang untuk mengharamkan parti yang gambarannya berbilang kaum tetapi sebenarnya adalah perkauman seperti DAP itu.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, di peringkat ini kita belumlah bercadang untuk mengharamkan parti DAP kerana kita yakin kepada kedewasaan rakyat di dalam negara kita ini dan cara kita mengatasi perkauman yang dibawa oleh DAP ialah dengan mendedahkan segala sikap yang menghalang perpaduan yang terdapat di kalangan ahli-ahli DAP.

Tuan Lee Kaw: Tuan Speaker, adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yakin dan percaya parti DAP adalah satu parti perkauman dan jikalau parti ini perkauman sebab apa tindakan tidak diambil supaya DAP diharamkan.

Tuan Yang di-Pertua: Jawapannya tadi sudah diberi oleh Yang Berhormat (*Ketawa*). Beliau tidak kata parti perkauman, parti

yang membangkitkan perkauman. Kalau ada hendak jawab dan ada hendak tambah, Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tidak ada.

Tuan V. David: Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bolehkah memberitahu Dewan ini berapa parti dalam Barisan Nasional yang tidak ada parti perkauman. Fasal apa. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Parti apa?

Tuan V. David: Macam parti-parti dalam Barisan Nasional dia kata semua tidak perkauman. Sengaja dia percaya satu bahasa di Malaysia, bangsa Malaysia (*Disampuk*). Bolehlah beri penerangan tentang konsep itu, macam saya nampak semua parti dalam Barisan ada parti perkauman sebab dia main parti perkauman dan parti politik (*Disampuk*).

Tuan Yang di-Pertua: Berapa orang hendak bercakap ini?

Ahli Yang Berhormat dari Sandakan hendak bercakap juga? Kalau hendak bercakap, tanya!

Tuan Fung Ket Wing: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, teruskan.

Tuan V. David: Lagi satu macam politik. Apa yang UMNO ataupun MCA, MIC bila membangun suara dengan satu-satu bangsa itu bukan perkauman, DAP tidak

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahannya apa?

Tuan V. David: Saya hendak bertanya berapa parti dalam Barisan tidak perkauman, berapa parti dalam Barisan parti perkauman. Bolehkah bagi keterangan?

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, parti-parti dalam Barisan Nasional ini daripada segi keahliannya memanglah terhad kepada kaum tetapi daripada segi prinsip perjuangannya tidak terhad kepada satu kaum kerana kita tahu benar-benar bahawa UMNO juga telah mem-

pertahankan apa yang diperjuangkan oleh MCA dan MIC kerana MIC dan MCA juga biasa mempertahankan apa yang diperjuangkan oleh UMNO. Sebaliknya kita dapati tidak ada satu perkara yang dibangkitkan dalam Dewan ini oleh DAP yang tidak dipandang daripada segi kaum (*Tepuk*).

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sama ada beliau sedar bahawa ada sebilangan pemimpin yang mana mereka selalu membangkit-bangkitkan masalah perkauman sama ada dalam politik ataupun dalam kesatuan-kesatuan. Jadi, saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sama ada beliau bercadang untuk menasihati pihak DAP untuk menyingkirkan pemimpin yang berkenaan daripada DAP dan juga daripada kesatuan-kesatuan supaya DAP dan kesatuan-kesatuan ini akan dapat bergerak dengan lebih bersih lagi.

Tuan V. David: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh beri jawapan.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan ini kepada Yang Berhormat sendiri.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya dan rakan-rakan saya telah memberi nasihat tidak berhenti tetapi dengan orang ini tidak ada kesan sama sekali (*Ketawa*).

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, soalan asal macam mana Kerajaan hendak memberi tunjuk, satu contoh integrasi dalam negara kita, saya nampak soalan asal itu tidak lagi kita bincang dalam Dewan ini, kita sudah lari daripada soalan asal. Saya tidak boleh faham.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti. Sabar, sabar! Soalan tambahannya apa? Itu saya jaga.

Tuan V. David: Soal ini ada juga dalam suratkhobar, UMNO kata dalam Kongres Ekonomi, di kongres itu mengatakan tindakan mesti diambil untuk menyampaikan

maksima 51% ekonomi dalam Malaysia. Kita hendaklah takut kepada bangsa-bangsa lain. Kalau begitu dia takut MCA, MIC. Bolehkah beri keterangan di sini.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, sebabnya yang fikiran yang semacam itu dilahirkan di kalangan peserta-peserta kongres yang tidak semuanya terdiri daripada ahli-ahli UMNO ialah dengan kerana cakapan-cakapan yang biasa dikeluarkan oleh DAP tentang hak-hak mereka sahaja.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat dari Damansara menunjukkan bahawa perpaduan yang wujud sekarang dalam Kerajaan Barisan Nasional tidak tepat dan tidak sesuai dan bahawa beliau mempunyai teori yang lebih sesuai lagi. Soalnya ialah adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bersedia hendak menerima teori-teori yang sekiranya ini baik dari pihak Wakil Rakyat dari Damansara untuk dipergunakan untuk menggantikan apa yang ada sekarang?

Tuan Yang di-Pertua: Itu tak payahlah dijawab, di luar soalan asal.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Dato Seri memanglah benar pemimpin DAP dan juga Wakil dari Damansara tidak begitu faham tentang parti satu kaum dengan amalan perkauman yang dilakukan oleh DAP sendiri. Adakah setakat ini parti DAP telah memenangi pilihanraya di kawasan majoritinya bukan daripada kaum Cina sebagaimana yang dimenangnya sekarang?

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya tak pernah buat kajian mengikut kaum, cuma kajian untuk pengundi-pengundi sahaja.

“POHON STEVIA”—TANAMAN LUAS DI MALAYSIA

6. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada penyelidikan telahpun dijalankan oleh Instituti Pertanian untuk memastikan keuntungan dari segi perdagangan sekiranya “Pohon Stevia” di-

tanam dengan luasnya di Malaysia oleh sebab kandungan gulanya dan memandangkan kepada pengumuman baru-baru ini oleh sebuah syarikat tempatan iaitu pohon-pohon seumpama ini sesuai ditanamkan secara perdagangan.

Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, penyelidikan mengenai Pohon Stevia baru sahaja dijalankan oleh Jabatan Pertanian. Pemerhatian bagi mendapatkan maklumat-maklumat berhubung dengan tanaman tersebut baru sahaja dijalankan dan keputusannya belum lagi diketahui, dari itu belum dapat dipastikan lagi sama ada ianya sesuai atau tidak untuk ditanam secara meluas di Malaysia.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan apakah jumlah gula yang digunakan dalam negara kita dan apakah bahagiannya yang diimport dari negara luar.

Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain.

ORANG ASING MEMBELI RUMAH DAN TANAH DI MALAYSIA

7. Tuan Haji Yusof bin Malim Kuning minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah beliau sedar, bahawa salah satu faktor kekurangan rumah, adalah disebabkan Kerajaan membenarkan orang-orang luar di negeri jiran membeli rumah dan tanah di Malaysia. Jika sedar apakah tindakan selanjutnya akan diambil; dan adakah Kementerian ini bercadang hendak menyekat atau meneruskan penjualan rumah-rumah ini kepada orang asing.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar bahawa ada orang-orang asing membeli rumah dan tanah tetapi setakat ini jumlah pembelian tersebut tidak dapat dipastikan dan sama ada pembelian ini secara langsung menyebabkan kekurangan rumah-rumah yang dapat dibeli oleh rakyat Malaysia. Walau bagaimanapun, soal sama ada

orang-orang luar negeri boleh membeli atau sebaliknya di Malaysia adalah tertakluk kepada undang-undang tanah. Di dalam hal ini terserahlah kepada pejabat-pejabat tanah menentukannya. Di mana pembelian tanah atau pengambilan-alih oleh syarikat-syarikat secara besar-besaran, Kerajaan memang sudah mengawal perkara ini di mana semua pengambilan-alih syarikat ini dan pembelian tanah-tanah ini perlulah dirujuk-kan kepada Jawatankuasa Pelaburan Asing terlebih dahulu untuk mendapat kelulusan.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari keterangan Timbalan Menteri tidak menafikan bahkan sebaliknya mengakui adanya orang luar membeli tanah dan rumah di Malaysia; di Johor Bahru umpamanya kebanyakan daripada rakyat negeri jiran iaitu Singapura. Jadi soalan saya adakah Kerajaan akan menghadkan mulai dari sekarang atau menggotakan atau menghentikan langsung pembelian rumah-rumah di bandar-bandar seperti Johore Bahru oleh orang-orang daripada Singapura?

Dato' Haji Ramli bin Omar: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat di bawah Kanun Tanah Negara, 1965 tidak ada sekatan mengenai pembelian harta rumah atau tanah oleh warganegara asing, oleh itu mereka itu adalah bebas untuk membeli rumah dan tanah di Malaysia. Warganegara asing hanya tidak boleh membeli rumah-rumah atau tanah yang ada sekatan hak milik di atasnya atau di mana syarat-syarat telah dikenakan di atas hak milik tersebut dan tidak membenarkan tanah atau rumah tersebut dijual kepada mereka. Warganegara asing juga tidak boleh membeli tanah-tanah di bawah rancangan Group Area Settlement seperti rancangan FELDA dan sebagainya yang mana tanah-tanah hanya boleh dimiliki oleh warganegara Malaysia. Kawalan atas pembelian oleh warganegara asing bagi tanah-tanah yang luas adalah tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Pelaburan Asing. Mana-mana syarikat asing yang bercadang untuk mempunyai atau membeli tanah di Malaysia yang bernilai hendaklah terlebih dahulu mendapat kelulusan Pelaburan Asing.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, Saya dapat faham bahawa selain daripada orang-orang

bukan rakyat negara ini membeli rumah-rumah yang telah dimajukan di negara kita ada juga pemaju-pemaju perumahan yang terdiri daripada bukan warganegara ertinya rakyat asing. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan sama ada perkara ini benar berlaku atau ada pemaju-pemaju yang bukan warganegara yang memajukan tanah untuk perumahan di negara ini, dan kalau ada, berapa banyak dan bagaimana cara orang-orang itu boleh membeli tanah untuk dimajukan?

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana saya jelaskan tadi iaitu sesuatu tanah yang hendak dibeli mestilah dirujukkan kepada Jawatankuasa Pelaburan Asing itu terserah juga kepada pejabat tanah. Jadi Kementerian saya tidaklah dapat hendak menjawab ada atau tidak tetapi saya telah mengatakan di sini sedar dalam jawapan saya yang asal.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin: Tadi Timbalan Menteri mengatakan tidak ada sekatan dalam Kanun Tanah Negara kepada orang-orang asing untuk membeli atau memiliki rumah dan tanah di dalam negara kita. Jadi saya ingin tahu sama ada Kementerian Perumahan akan membuat perakuan kepada Kerajaan dan juga Kerajaan Negeri untuk meminda Kanun Tanah Negara sesuai dengan apa yang telah disebutkan tadi.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, masalah tanah ini sebagaimana kita semua sedia maklum, mengikut Perlembagaan negara kita di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Walau macam manapun, di atas pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu saya berpendapat eloklah rujukan kepada Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah sebab Kementerian saya hanya mengenai dengan hal perumahan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa antara salah satu faktor menyebabkan kekurangan rumah ialah kerana kegagalan termasuk kecuaihan pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk menjaga kepentingan rakyat untuk mendapat rumah yang cukup dengan satu polisi di mana tidak berlaku semacam sekarang di mana mereka yang miskin menghadapi kesulitan mendapatkan rumah?

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya menafikan atas kegagalan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Kerajaan Barisan Nasional buat rumah banyak pun masih lagi Ahli Pembangkang tidak puas hati. Hari ini kita sentiasa melaksanakan rancangan-rancangan perumahan dan kalau kita beri banyak dia kata begitu dan kalau kita tak beri dia kata begini. Jadi saya rasa tidak ada kegagalan dalam rancangan kemajuan perumahan.

BANK ASING—PENGAMBILAN PEGAWAI BUMIPUTRA

8. Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat setengah Bank-bank Perdagangan Asing di Negara ini masih mengamalkan dasar 'lip-service' dari segi pengambilan pegawai-pegawai Bumiputra di peringkat pertengahan dan pengurusan dan peluang serta layanan yang berbeza dilakukan di kalangan pegawai-pegawai Bumiputra dan bukan Bumiputra dalam peringkat jawatan yang sama dan jika sedar apakah tindakan yang akan dijalankan terhadap Bank-bank tersebut bagi memastikan supaya dasar yang mereka amalkan selaras dengan kehendak Dasar Ekonomi Baru.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat Kerajaan supaya pengambilan kakitangan sektor bank, termasuk bank-bank asing menggambarkan komposisi kaum di negara ini. Selaras dengan dasar ini Kerajaan telah menetapkan supaya sektor bank mengambil sekurang-kurangnya 30% pekerja-pekerja Bumiputra untuk semua peringkat. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, pada akhir bulan April, 1980, bank-bank asing telah mengambil seramai 2,542 pekerja Bumiputra atau 30.6 peratus daripada jumlah kakitangan keseluruhan bank-bank asing berbanding dengan 1,972 atau 27.5% pada tahun 1975. Pecahan pengambilan kakitangan Bumiputra di bank-bank asing mengikut peringkat jawatan pada akhir bulan April pula menunjukkan 25 orang atau 11.5 peratus adalah di peringkat pengurusan kanan, 265 orang atau 17.3 peratus di peringkat penyeliaan. Walaupun nisbah-nisbah di atas adalah tidak memuaskan, tetapi ia telah bertambah baik jika

dibandingkan dengan nisbah-nisbah pada tahun 1975 di mana masing-masingnya sebanyak 6.8 dan 12.3 peratus.

Di samping itu sukalah saya menjelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa bank-bank secara umum menghadapi masalah untuk mendapatkan kakitangan Bumiputra yang terlatih dan mengekalkan kakitangan Bumiputra yang dilatih di Bank-bank tersebut. Contohnya seramai 27 orang kakitangan Bumiputra di peringkat pengurusan kanan dan penyeliaan telah diambil bekerja pada tahun 1979, tetapi pada tahun yang sama seramai 29 orang pula telah berhenti kerana mendapat pekerja lain.

Sungguhpun begitu, semua bank perdagangan termasuk bank-bank asing sentiasa digesa untuk mengambil langkah yang sewajarnya ke arah mencapai satu struktur kakitangan yang sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru. Bank-bank perdagangan adalah juga diharapkan supaya memberi peluang-peluang yang sama kepada kakitangan Bumiputra dalam hal latihan dan kenaikan pangkat. Sebagai langkah untuk menambahkan bilangan eksekutif-eksekutif Bumiputra yang terlatih, bank-bank perdagangan telah diminta untuk memberi kutamaan dalam melatih dan meningkatkan lagi kepakaran Bumiputra dalam industri bank. Kerajaan tidak nampak bahawa terdapat sebarang diskriminasi yang diamalkan oleh bank-bank asing dalam hal ini. Walau bagaimanapun, sekiranya ada aduan tertentu mengenai diskriminasi sedemikian terhadap sesebuah bank, Bank Negara akan menjalankan penyiasatan yang rapi ke atas perkara itu.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas penerangan Yang Berhormat Mulia, tetapi dalam beberapa hal ada masih lagi berlaku sikap tidak memperdulikan semangat Dasar Ekonomi Baru, umpamanya, sebuah bank yang hanya mempunyai 33.3% modal dari Kerajaan India telah tidak mengikuti semangat Dasar Ekonomi Baru ini. Umpamanya, sebagai bukti, hanya ada seorang pengurus bumiputra dari 29 cawangan.

Kedua, tidak ada seorang pun bumiputra di kalangan 14 pengurus di ibu pejabat bank tersebut. Senior Executive ada 8, semuanya India dan hanya seorang sahaja warga-negara, mereka ini menerima gaji lebih

\$60,000 setahun dengan mendapat rumah kediaman percuma, kereta, pembantu rumah, elaun kerajaan dan sebagainya

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahannya apa Yang Berhormat.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Soalan tambahannya, Tuan Yang di-Pertua, ialah apakah tindakan yang akan dibuat terhadap bank seumpama ini yang umpamanya telah menumpukan projek usaha sama Malaysia-India. Jumlah tanggungan yang digunakan untuk kepentingan India adalah dalam usaha sama itu melebihi dari jumlah modal yang dibayar oleh Kerajaan India sendiri dan dari seramai executive rank ada lima, tiga Assistant Manager.

Tuan Yang di-Pertua: Ini bukan soalan tambahan Yang Berhormat?

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Yang tambahannya ini, Tuan Yang di-Pertua, maafkan saya terpaksa menerangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tetapi panjang sangat tidak mengikut peraturan.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Dari 201 orang pegawai-pegawai di UAB cuma 40 orang sahaja bumiputra dan di antara mereka hanya menerima gaji kira-kira \$1,000 walaupun mereka telah bekerja selama lebih lima tahun, apakah tindakan pihak Kerajaan?

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, bank-bank seumpama ini adalah digesa dan diminta mengemukakan rancangan pengambilan kakitangan mengikut susunan yang ditetapkan di bawah Dasar Ekonomi Baru dan kemungkinan ada pegawai-pegawai asing yang masih bertugas di situ atas cara kontrak dan mungkin belum lagi ada kekosongan untuk diisi dengan rakyat tempatan.

Memang pegawai-pegawai asing dibenarkan berkhidmat dalam bank-bank tertentu oleh kerana kelulusannya yang diberi oleh Kerajaan sementara waktu, tetapi ianya akan dipenuhi dengan rakyat terutama sekali bumiputra. Saya tidaklah dapat memberi penjelasan mengenai maklumat-maklumat yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat

tadi, tetapi saya akan selidiki atas perkara-perkara yang telah ditimbulkan dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita berpuas hati setakat ini atas langkah-langkah yang dibuat oleh Kerajaan tentang kakitangan dalam bank yang terdiri daripada bumiputra.

Satu perkara lagi yang saya ingin kemukakan soalan ialah tentang Ahli Lembaga Pengarah sebab mereka inilah yang membuat dasar dan membuat keputusan, adakah Kerajaan sudah mengambil langkah-langkah memastikan bahawa semua bank-bank ini akan mengandungi Lembaga-lembaga Pengarah yang terdiri daripada bumiputra.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, kita hanya boleh memberi nasihat dan garis panduan kepada bank-bank berkenaan untuk melantik bumiputra dan bukan bumiputra yang menjadi rakyat Malaysia menduduki Lembaga-lembaga Pengarah Bank, tetapi pada soalan keanggotaan Lembaga Pengarah ini terpulanglah kepada pemegang-pemegang saham yang akan menentukan perlantikan ahli-ahlinya di dalam Mesyuarat Agung tahunannya masing-masing.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan ada menerangkan kesulitan pihak-pihak bank perdagangan luar ataupun asing untuk mendapatkan pegawai-pegawai eksekutif bumiputra yang terlatih dalam bidang banking dan ada juga pegawai-pegawai yang telahpun bertugas dalam bank-bank ini berhenti kerana menjawat jawatan yang lain. Saya ingin tahu sama ada Kementerian Kewangan membuat penyelidikan sebab-sebab mengapa pegawai ini berhenti, adakah mungkin disebabkan oleh tekanan yang diberi oleh pihak pengurusan ke atas pegawai-pegawai bumiputra yang bekerja di bank-bank dan juga sama ada Kementerian Kewangan sedar setengah bank-bank perdagangan asing meminati mengambil pegawai pegawai eksekutif di kalangan bumiputra untuk jawatan pengurus perjawatan sahaja hanya sebagai suatu window dressing, tetapi tidak pula mempraktikkan perakuan-perakuan yang dibuat eksekutif tersebut, walaupun ia selaras dengan Dasar Ekonomi Baru dan.

Tuan Yang di-Pertua: Panjang sangat soalnya, sudah dua cukuplah dahulu.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin: Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, dua sahaja cukuplah!

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini pihak Kementerian saya ataupun Bank Negara belum lagi menerima aduan secara rasmi tentang tekanan-tekanan yang didakwakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pagoh itu terhadap pegawai-pegawai atau eksekutif bumiputra, kalaulah ada bolehlah kita mengambil tindakan terhadap bank-bank tertentu. Tetapi setakat yang terdapat pada masa ini kebanyakan daripada pegawai-pegawai bumiputra yang bekerja di bank-bank perdagangan di negara ini meninggalkan jawatan masing-masing kerana ada tawaran yang lebih lumayan dan juga kedudukan yang lebih tinggi di syarikat-syarikat perdagangan yang lain dan inilah yang menyebabkan tidak ramai kekal di dalam bank-bank perdagangan yang berkenaan.

Berbalik kepada soalan tambahan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pagoh tadi saya belum lagi menerima aduan mengenai window dressing yang dikatakannya bahawa bank-bank asing ataupun bank-bank yang tidak mempunyai ramai bilangan eksekutif bumiputra itu hanya mengambil pegawai-pegawai untuk menjawat jawatan kakitangan semata-mata. Oleh kerana mengikut apa kenyataan yang ada di sini banyak di antara bank-bank perdagangan ini telahpun mengambil eksekutif-eksekutif bumiputra untuk ditempatkan di dalam bahagian-bahagian yang lain selain daripada bahagian pentadbiran dan kakitangan.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Saya menyanjung tinggi di atas keterangan dan tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian terhadap bank-bank asing ini, tetapi saya juga mendapati bahawa di tempat saya terdapat bank-bank tempatan yang kepunyaan orang tempatan tetapi pekerja-pekerjanya terdiri daripada satu kaum sahaja. Soalan saya ialah apakah tindakan pihak Kementerian terhadap bank-bank tempatan yang pekerja-pekerjanya terdiri dari satu kaum sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Itu termasuk dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi. Ada hendak tambah lagi Yang Berhormat Menteri?

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tidak ada apa yang hendak ditambah lagi, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya katakan tadi bank-bank selalu digesa dan diminta mengemukakan penyatannya tiap-tiap tahun kepada Bank Negara untuk disemak tentang bilangan bumiputra dan bukan bumiputra di dalam bank-bank berkenaan.

PERJALANAN SAHAM

9. Tuan Wong Hoong Keat minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kelebihan 1% perjaianan saham telah menghalang rakyat-rakyat yang mempunyai simpanan kecil untuk melabur di syarikat-syarikat umum yang disenaraikan dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengurangkan bayaran broker ini kepada $\frac{1}{2}$ %.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, pembayaran komisen sebanyak 1% yang dikenakan oleh broker saham untuk membeli saham syarikat-syarikat umum yang disenaraikan dengan Badan Pertukaran Saham Kuala Lumpur tidaklah begitu berlebihan. Jika seseorang itu hendak membeli saham berharga \$2 seunit umpamanya maka harganya ialah \$2,000 bagi satu lot atau seribu unit saham dan pembayaran komisen hanyalah \$20 bagi pembelian tersebut. Jumlah pembayaran komisen ini adalah kecil dan bergantung secara langsung kepada harga saham yang ditentukan berdasarkan kepada penawaran dan permintaan saham tersebut dalam pasaran mengikut nilainya.

Sekiranya mereka boleh membeli saham ini maka pembayaran komisen tidak menimbulkan kesulitan kepada mereka yang ingin melabur wang simpanannya melalui Badan Pertukaran Saham. Bagaimanapun mereka yang mempunyai simpanan yang kecil tidak digalakkan melabur dalam pasaran saham ini oleh kerana harga saham sentiasa turun naik dan terdedah kepada risiko-risiko pasaran

péniagaan dan ekonomi. Mereka ini dinasihatkan supaya melabur dalam Amanah Saham yang dikendalikan oleh beberapa buah syarikat atau badan yang berkenaan seperti Amanah Saham MARA, MIC Unit Trust, Asia Unit Trust dan Tabung Pe abuan JOnor. Amanah Saham adalah merupakan jentera pelaburan yang ideal bagi pelabur-pelabur kecil oleh kerana pelaburan dalam bentuk ini mempunyai beberapa faedah atau kemudahan iaitu pengurus portfolio yang professional, portfolio saham dipelbagaikan, pengawasan oleh Pemegang Amanah Raya, senang dijual beli dan juga boleh dibeli dalam bentuk unit yang kecil sebanyak 50 unit.

UNDANG-UNDANG PENYELESAIAN TANAH KELANTAN

10. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada beliau sedar bahawa undang-undang Penyelesaian Tanah Kelantan 1955, sudah tidak sesuai lagi bagi negeri Kelantan yang inginkan pembangunan segera, bilangan tanah-tanah rakyat tidak dapat dimajukan dan dibangunkan selaras dengan pembangunan yang dijalankan oleh Kerajaan. Jika sedar, sama ada Kerajaan bercadang menghapus atau meminda undang-undang tersebut untuk membolehkan supaya tanah-tanah diurusniaga, dicagar dan dipecah lot untuk pembangunan dan perusahaan dan tidaklah dibekukan hingga beberapa tahun dan ada yang sampai sepuluh tahun lebih.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum sejak Kerajaan Barisan Nasional mengambil alih Kerajaan Negeri Kelantan dari PAS, masalah-masalah yang berkaitan dengan tanah yang dikuasai oleh Kerajaan Negeri telah mendapat perhatian keutamaan.

Soalan Ahli Yang Berhormat menunjukkan hasrat dan cita-cita Yang Berhormat supaya pembangunan negeri Kelantan menjadi lebih pesat. Inilah juga hasrat dan cita-cita Kerajaan Negeri dan Pusat.

Untuk mencapai matlamat ini maka pada tahun yang lalu satu pindaan telahpun dibuat kepada Seksyen 3 (a) Undang-undang tersebut

yang membolehkan tuan-tuan tanah yang telah menerima hakmilik tanah untuk membuat urusanniaga walaupun tanah-tanah berkenaan masih lagi diisytiharkan sebagai Kawasan Penyelesaian Tanah.

Pindaan kepada Peraturan 15 (a) pula memberi kuasa kepada Pegawai Jajahan untuk memberi kebenaran urusanniaga bagi tanah-tanah yang belum dikeluarkan hakmilik walaupun tanah berkenaan masih di dalam Kawasan Penyelesaian Tanah.

Oleh kerana Kerajaan Negeri inginkan kemajuan yang lebih pesat maka untuk menghapuskan halangan kepada sebarang pelaksanaan dan meminda Undang-undang dan peraturan yang diperlukan, satu Pasukan Petugas yang terdiri dari Pengarah Tanah dan Galian Negeri dan Pengarah Penyelesaian Tanah Kelantan telah ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri pada bulan lalu iaitu pada 14hb Mei, 1980 untuk mengkaji dan mengesyorkan pindaan-pindaan tambahan yang perlu ke atas undang-undang tersebut bagi memperbaikinya lagi. Ahli Yang Berhormat bolehlah mengemukakan pendapat-pendapat dan cadangan-cadangan kepada Pasukan Petugas ini.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sebenarnya pindaan yang dilakukan di bawah Undang-undang 3 (a) dan 15 (a) ini hanya boleh dilakukan untuk urusanniaga bagi pindah milik tetapi tidak diakui oleh pihak bank bagi membuat cagaran bagi pinjaman pembangunan.

Apa yang saya maksudkan di sini ialah tanah ini tidak dapat dicagar kepada bank bagi pinjaman pembangunan untuk dijalankan sebagai pembangunan awam bagi menyelaraskan dengan pembangunan yang akan dilakukan di kawasan Pasir Putih misalnya sebanyak \$1 juta yang akan dilancarkan untuk Lapangan Terbang TUDM. Jadi apakah pihak Kementerian Kemajuan Tanah ini memberhentikan pelaksanaan Penyelesaian Tanah ini buat sementara waktu sehingga kepada tahun 1990 nanti dilaksanakan semula supaya pembangunan awam dapat dicepat dan diselaraskan dengan pembangunan Kerajaan?

Tuan Sanusi bin Junid: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perkara ini juga telah pernah saya dengar ditimbulkan dan oleh sebab Jawatankuasa Pasukan Petugas ini baru ditubuhkan, saya sendiri dan saya berharap Ahli Yang Berhormat juga akan turut mengemukakan masalah ini supaya dapat dipertimbang dan diselesaikan.

GETAH MUTU MALAYSIA (SMR)

11. Tuan Ismail bin Said minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sejauh manakah kajian dibuat dan hasil yang tercapai setakat ini berhubung dengan kemungkinan menjadikan semua kilang getah mutu Malaysia (SMR) yang dipunyai oleh MARDEC sebagai syarikat perniagaan biasa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama (Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sememangnya mempunyai rancangan untuk menjadikan sebilangan kilang-kilang getah mutu Malaysia (SMR) yang dipunyai oleh Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia (MARDEC) sebagai syarikat perniagaan biasa yang mana saham-saham akan diberi kepada orang-orang awam terutamanya kepada pekebun-pekebun kecil getah.

Walau bagaimanapun seperti yang disedari oleh Ahli Yang Berhormat jika kilang-kilang MARDEC ini tidak teguh dan menguntungkan maka ia tidaklah menarik bagi penyertaan orang-orang awam itu. Oleh itu Kementerian saya telah berusaha untuk memperbaiki kekesan operasi MARDEC dan dalam hal ini MARDEC telah menjalani proses konsolidasi semenjak beberapa tahun yang lalu. Oleh sebab itu maka kebanyakan kilang-kilang MARDEC sedang mula menunjukkan hasil yang baik dan kita berharap keadaan ini akan berterusan.

Dalam pada itu juga MARDEC diarah untuk mengkaji sejauh mana penyertaan orang-orang awam boleh dilibatkan dalam keadaan ini. Kami akan menimbangkan perkara ini selanjutnya dan sambil itu kami ingin melihat bahawa faedah-faedah yang berbangkit setelah Operasi MARDEC diperbaiki diberi kepada pekebun-pekebun kecil getah dalam bentuk harga yang lebih baik dan bagi getah mereka.

Tuan Ismail bin Said: Saya ingin tahu apakah langkah-langkah yang khusus ataupun spesifik yang telah diambil oleh Kementerian beliau bagi mencapai matlamat sebagaimana yang terdapat dalam jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi?

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya belum ada lagi langkah spesifik yang diambil. Walau bagaimanapun Kementerian saya telahpun mengarahkan pihak MARDEC supaya menimbangkan dengan serius kemungkinan salah satu daripada kilang-kilang di bawahnya untuk dijadikan sebagai projek cubaan ke arah mencapai matlamat yang disebutkan tadi.

Tuan Haji Yusof bin Malim Kuning: Soalan tambahan, dalam penjelasan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi menegaskan bahawa kilang-kilang MARDEC mengutamakan hasil-hasil daripada pekebun-pekebun kecil. Soalan saya ialah saya ingin mendapat penjelasan sama ada MARDEC juga akan membeli getah-getah daripada FELDA?

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Itu boleh ditimbangkan.

PENUMPANG LEBIH DARI HAD MUATAN BAS

12. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah langkah dan ikhtiar untuk memberitahu bas operators (bas biasa/mini) yang mengambil penumpang lebih dari had muatan dan oleh kerana ternyata bahawa tindakan yang diambil tidak memberi kesan, sama ada boleh diaturkan supaya bas-bas itu sentiasa bergerak supaya penumpang-penumpang tidak menunggu begitu lama pada sesuatu perhentian terutama pada waktu pagi, tengah hari dan petang. Jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak tahun ini pegawai-pegawai Kementerian saya telah beberapa kali mengadakan dialog dengan pengusaha-pengusaha bas biasa dan bas mini untuk mencari jalan bagi menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi dalam perusahaan perkhidmatan pengangkutan awam.

Dalam dialog-dailog tersebut pengusaha-pengusaha bas telah diminta untuk memberi kerjasama dalam mematuhi peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang ditetapkan dalam lesen mereka termasuk syarat yang menetapkan bilangan penumpang yang dibenarkan.

Di samping itu tindakan penguatkuasaan selalu dijalankan oleh pegawai-pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan terhadap bas-bas yang membawa penumpang lebih daripada had muatan yang dibenarkan.

Sebenarnya masalah penumpang-penumpang yang menunggu bas yang begitu lama di perhentian bas adalah disebabkan oleh kekurangan bas khususnya pada jam-jam yang sebok. Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menggalakkan penambahan perkhidmatan bas dan Lembaga Perlesenan Pengangkutan Jalan sedia meluluskan permohonan dari pengusaha-pengusaha bas yang sedang berkhidmat untuk menambahkan bilangan bas berhenti-henti (stage bas) dalam simpanan mereka bagi membolehkan lebih banyak bas bergerak pada jam-jam yang sebok.

Selain daripada itu sekim lorong bas telah diterima dan dilaksanakan di beberapa tempat di Kuala Lumpur untuk membantu bas-bas bergerak dengan cepat ke tempat-tempat tujuan pada masa sebok iaitu antara 7.15 pagi sampai 9.00 pagi dan 4.30 petang sampai 6.30 petang. Pada masa sekim ini dikuatkuasakan hanya kenderaan bas sahaja yang boleh menggunakan lorong bas.

Tuan Lee Lam Thye: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa sebilangan syarikat-syarikat bas di Kuala Lumpur belum mengambil tindakan yang dikehendaki oleh Kerajaan untuk memberi perkhidmatan yang lebih efficient, yang lebih berkesan dengan menggantikan bas-bas yang lama dengan bas-bas baru, dan jika beliau sedar, apakah tindakan positif yang akan diambil terhadap perkara ini.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak menetapkan bahawa tiap-tiap bas yang berkhidmat haruslah bas yang baru. Kalau bas itu diluluskan pemeriksaan yang dijalankan dari masa ke semasa, bas itu dapat diizinkan, dijalankan. Walau bagaimanapun seperti Ahli Yang Berhormat sedia

maklum ada satu peraturan yang menghalang bas yang umurnya lebih daripada 12 tahun dipakai sebagai bas biasa. Peraturan ini dikuatkuasakan.

CUTI BAGI GURU-GURU— KEBENARAN

13. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada surat-surat kebenaran cuti bagi guru-guru di Kelantan yang meninggalkan sekolah kerana menghadiri mesyuarat Agong UMNO di Kuala Lumpur pada tahun 1979 yang lalu sudah dikeluarkan oleh pihak yang berkenaan; jika ya, bilakah surat kebenaran cuti itu dikeluarkan (untuk catitan rekod peribadinya) sama ada Kerajaan bercadang dan akan meminda peraturan-peraturan cuti am kepada pegawai-pegawai dan guru-guru supaya masalah seperti ini dapat diselesaikan.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, guru-guru yang telah mendapat kebenaran mengambil bahagian di dalam politik boleh diberi cuti sehari dua tanpa rekod jika dapat dilepaskan oleh ketua jabatannya menghadiri Mesyuarat Agong yang tersebut. Kebenaran ini boleh diberi oleh ketua jabatan jika tidak bercanggah dengan kepentingan perjawatannya. Oleh itu surat kebenaran cuti tidak perlu dikeluarkan.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, dari soalan dan jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri menunjukkan bahawa guru-guru di Semenanjung dibenarkan melibatkan diri dalam politik. Jadi soalan saya ialah pertama atas dasar apakah mereka ini dibenarkan, dan kedua adakah amalan seperti ini akan dipanjangkan ke Sabah dan Sarawak?

Dato' Chan Siang Sun: Mengikut dasarnya mereka mesti memohon mendapat kebenaran dahulu.

SUNTIKAN CACAR BAGI BAYI DAN PENGEMBARA

14. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kesihatan menyatakan mengapa bayi-bayi dan pengembara-pengembara wajib dicacar sedangkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah menyeru supaya urusan mencacar dimansuhkan.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, suka saya memaklumkan bahawa pengembara-pengembara yang masuk ke Malaysia tidak perlu suniikan cacar lagi mulai daripada 1hb daripada 1hb Januari 1980 dan suntikan cacar bagi bayi juga tidak payah diwajibkan lagi daripada 28hb Februari 1980 kerana penyakit cacar telahpun dihapuskan dari dunia ini.

Pengumuman akhbar telahpun dibuat dan pekeliing mengenai perkara ini telah dikeluarkan kepada semua Pejabat Kesihatan Negeri dan Institusi Persekutuan di bawah Kementerian pada 28hb Februari 1980 yang lalu.

TAHANAN YANG DITUDUH— SIASATAN

15. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah tegas yang diambil untuk menjamin tahanan yang tertuduh bagi siasatan polis tidak disiksa dan nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memperbaiki keadaan bilik tahanan di balai-balai polis.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shaha-buddin Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, untuk menjamin supaya tahanan yang dituduh bagi siasatan polis tidak disiksa iaitu Pejabat Polis di Raja telahpun mengeluarkan arahan-arahan untuk dipatuhi kepada semua peringkat pasukan polis tentang pengendalian suspect semasa soal siasat ataupun soal desak. Arahan-arahan tersebut adalah menghendaki supaya pegawai-pegawai pemerintah mengadakan pemeriksaan mengejut dari masa ke semasa sama ada di waktu siang ataupun malam di balai-balai polis. Tujuannya bukan sahaja untuk menentukan bahawa penyiksaan tidak berlaku tetapi juga untuk memastikan bahawa bahan-bahan yang boleh dianggap sebagai alat-alat penyiksaan tidak ada di balai-balai tersebut. Sekiranya di umpai dalam pemeriksaan itu maka ianya akan dianggap sebagai disimpan untuk tujuan yang tidak diingini dan tindakan yang setimpal dengannya akan diambil. Di samping itu semua anggota polis dari peringkat bawah hingga ke atas telah diberi amaran lagi bahawa mereka juga tidak terkecuali dari hukuman undang-undang dan akan dianggap sebagai lain-lain penjenayah jika mereka salah me-

ngendalikan suspect-suspect dalam masa menjalankan soal desak. Pendirian ini adalah jelas dibuktikan dalam satu kes yang baru ini di mana empat orang anggota polis termasuk seorang Pegawai Kanan Polis telahpun dihukum penjara kerana memukul seorang suspect semasa tahanan.

Berhubung dengan kebersihan dan juga kebaikan lokap-lokap maka lokap-lokap sentiasa dijagai kebersihannya dan dibaiki sekiranya ada kerosakan-kerosakan kepada lokap-lokap itu. Pada masa ini pembinaan semula balai-balai polis juga telahpun dibaiki lagi keadaan-keadaan serta juga kemudahan-kemudahan bagi lokap-lokap polis iaitu bagi menampung semua peringkat orang-orang tahanan termasuklah juga orang-orang tahanan perempuan. Lokap-lokap baru ini adalah dilengkapi dengan kemudahan tandas moden dan dibina mengikut keperluan kesihatan. Langkah-langkah seperti ini akan terus dijalankan dari masa ke semasa.

BEKALAN AIR UNTUK TANAMAN PADI

16. Tuan Abdul Rahman bin Daud minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau bercadang membina perigi-perigi besar di tengah-tengah kawasan sawah padi yang terbiar akibat ditenggelami oleh air selepas pembinaan Taliair; dan perigi ini boleh digunakan sebagai punca bekalan air bagi kawasan-kawasan sekitarnya.

Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak bercadang untuk membina perigi-perigi besar di tanah-tanah kawasan sawah padi kerana perigi-perigi ataupun kolam-kolam seumpama itu tidak dapat digunakan bagi maksud bekalan air untuk tanaman padi di kawasan-kawasan sekitarnya. Ini adalah disebabkan oleh punca-punca air dari kolam-kolam tersebut adalah terhad. Akan tetapi kolam-kolam tersebut mungkin boleh digunakan sebagai bekalan air bagi tanaman-tanaman selain daripada padi yang tidak banyak menggunakan air. Cañangan tersebut akan dikaji dengan teliti oleh Kementerian.

Pihak Jabatan Parit dan Taliair sedang berusaha menyediakan kemudahan-kemudahan parit-parit supaya mengeringkan

kawasan-kawasan yang ditenggelami oleh air itu. Jika usaha untuk mengeringkan kawasan tersebut tidak dapat dijalankan kerana kawasannya rendah, Kementerian ini akan mena'ihatkan tuan-tuan punya tanah supaya membina kolam-kolam ikan air tawar sebagai salah satu daripada sumber mata pencarian tambahan, Jenis-jenis tanaman paya yang boleh memberi hasil juga sedang difikirkan.

TEMPAT MELETAK MAYAT DI KAWASAN PROJEK PERUMAHAN

17. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau boleh mengarahkan pihak-pihak pemaju perumahan bagi kaum keluarga seseorang yang meninggal dunia dapat meletakkan mayat untuk menjalankan sesuatu upacara sebelum mayat itu diusung ke kubur sebagai mengatasi kekurangan kemudahan mengadakan upacara seperti ini di rumah-rumah pangsang.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat, saya tidak bercadang untuk mengarahkan pihak-pihak pemaju perumahan untuk menyediakan tempat-tempat meletakkan mayat dan sebagainya di dalam sesuatu projek perumahan oleh kerana perkara ini adalah berkaitan dengan kelulusan perancangan bagi sesuatu kawasan perumahan. Pihak-pihak berkuasa perancangan bandar apabila meluluskan sesuatu plan (lay-out) telah mengambil kira semua keperluan-keperluan ini dan perkara ini adalah terserah kepada pihak berkuasa perancangan bandar untuk dipertimbangkannya apabila meluluskan sesuatu cadangan projek perumahan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 18.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Bachok.

PENGGANAS KOMUNIS DI SEMPADAN—KERJASAMA MALAYSIA/THAILAND

18. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sejauh manakah berlakunya perubahan-perubahan yang positif dalam Kerajaan Malaysia/Thailand untuk menghapuskan pengganas komunis di sempadan kedua negara tersebut setelah negeri Thai dipimpin oleh Perdana Menteri-nya yang baru.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, saya telahpun memberi jawapan kepada soalan yang hampir sama iaitu pada 12hb kelmarin. Walau bagaimanapun, sukalah saya menerangkan lagi bahawa tidak ada apa-apa perubahan yang positif di atas kuasa persefahaman kerjasama Malaysia/Thailand bagi menghapuskan pengganas komunis di sempadan kedua-dua negara di bawah pimpinan Perdana Menteri Thailand yang baru.

Di sini sukalah saya menyatakan lagi di mesyuarat Jawatankuasa Am Sempadan ke-25 yang diadakan pada 12hb Mei, di Kuala Lumpur; kedua-dua negara telah juga bersetuju untuk mengadakan satu projek pembangunan sosio-ekonomi di kawasan sempadan masing-masing yang diselaraskan.

PUSAT LATIHAN BELIA— PENUBUHAN

19. Tuan Awang bin Jabar minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan adakah Kementerianya bercadang untuk menambah lagi pusat-pusat latihan belia, bagi melahirkan ramai lagi belia-belia berkemahiran di negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Luhut Wan): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar bahawa kemudahan yang ada di ketiga-tiga pusat masa kini tidak mencukupi untuk menerima lebih ramai di antara belia-belia yang memohon dan layak untuk mengikuti latihan di pusat-pusat tersebut. Oleh itu Kementerian ini telahpun merancang untuk mewujudkan beberapa pusat-pusat latihan belia seperti berikut:

(a) *Pusat Latihan Belia di Sepang, Selangor.*

Tindakan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan infrastruktur pusat latihan tersebut sedang berjalan.

(b) *Pusat Latihan Belia di Wakaf Tupai, Trengganu.*

Tindakan untuk mengambilalih (acquisition) tanah itu sedang dijalankan.

(c) *Pusat Latihan Belia Kuala Lumpur bagi Latihan Perniagaan. Akan diwujudkan dalam Rancangan Malaysia Ke 4.*

Selain daripada itu kemudahan-kemudahan di Pusat Latihan Belia Dusun Tua dan Pertak akan diperluaskan untuk membolehkan lebih ramai lagi belia-belia diambil mengikuti latihan di kedua-dua latihan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 20 hingga 54 adalah diberi di bawah ini).

PROJEK PEMBANGUNAN DI PULAU PINANG

20. Tuan Peter Paul Dason minta Perdana Menteri menyatakan sebab-sebab Kerajaan Pulau Pinang gagal melaksanakan dengan sepenuhnya projek-projek pembangunan yang dimatlamatkan untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Adalah tidak tepat untuk mengatakan bahawa Kerajaan Pulau Pinang telah gagal melaksanakan sepenuhnya projek-projek pembangunan yang telah dirangkaikan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Ini adalah kerana daripada analisa prestasi pelaksanaan projek-projek pembangunan bagi Negeri Pulau Pinang pada tiap-tiap tahun, adalah didapati bahawa kadar pencapaian bagi negeri ini adalah pada kadar yang tinggi dan sangat menggalakkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini Kerajaan Pulau Pinang adalah menyedari akan kesemua masalah-masalah yang terlibat di dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan. Oleh kerana itu Kerajaan Pulau Pinang sememangnya sentiasa berusaha untuk menjamin supaya

pelaksanaan projek-projek pembangunan dijalankan mengikut jadual bagi menentukan supaya projek-projek Rancangan Malaysia Ketiga dapat dilaksanakan sepenuhnya.

PETROL/DISEL/MINYAK TANAH— KENAIKAN HARGA

21. Datuk Lee Boon Peng minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar tentang arah aliran inflasi berekoran dari kenaikan harga petrol, disel dan minyak tanah baru-baru ini, dan apakah langkah kewangan, fiskal dan administratif yang telah diambil oleh Kerajaan untuk membendung kenaikan harga.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Saya telahpun menjawab satu soalan yang hampir sama yang dikemukakan oleh Ahli dari kawasan Mantin pada 11hb Jun, 1980. Oleh itu, tidaklah perlu bagi saya menghuraikan lagi perkara ini di Dewan ini.

KEJATUHAN HARGA KELAPA DAN KOKO

22. Tuan Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Menteri Pertanian menyatakan mengapa harga kelapa dan koko pada waktu akhir-akhir ini sangat rendah dan adakah ikhtiar telah dibuat untuk menaikkan harganya semula atau sekurang-kurangnya untuk menstabilkan harganya.

Menteri Pertanian (Dato' Shariff Ahmad): Harga kelapa kering tempatan telah menurun daripada \$55.50 sepikul semenjak Januari, 1980 hingga \$41.50 pada masa ini dan harga koko pula telah menurun daripada \$6.100 per metrik tan kepada \$4,100 per metrik tan pada masa yang sama.

Kejatuhan harga koko dan harga minyak kelapa dipasaran dunia telah mempengaruhi harga koko dan kelapa tempatan. Lebih kurang 70-80% keluaran minyak kelapa dan 80-90% keluaran koko di Malaysia adalah dieksport. Oleh itu, harga kelapa kering dan koko tempatan adalah sangat-sangat dipengaruhi oleh keadaan harga di pasaran dunia.

Harga minyak kelapa di pasaran antarabangsa (sama seperti kelapa kering) telah dipengaruhi oleh keadaan minyak dan lemak yang berlebihan di pasaran dunia terutama

minyak kacang soya. Minyak-minyak tersebut boleh ditukar ganti antara satu sama lain untuk kegunaan harian dan ini merupakan faktor penting dalam mempengaruhi harga dan penggunaannya. Faktor-faktor lain yang mempengaruhi minyak dan lemak di pasaran dunia ialah sekatan perniagaan yang telah dikenakan oleh Amerika terhadap Russia yang menyebabkan minyak kacang soya berlebihan di pasaran tempatan Amerika. Di samping itu keadaan ekonomi yang merosot di Amerika Syarikat dan kos yang tinggi bagi bayaran faedah akibat penyimpanan stok yang tinggi, telah menyebabkan kejatuhan harga minyak dan kelapa kering.

Mengenai penurunan harga koko pula, adalah disebabkan oleh pengeluaran telah melebihi daripada permintaan sebanyak 134,000 tan koko bagi musim 1979/80. Pengeluaran dunia telah bertambah dengan banyak tetapi permintaan dunia bertambah dengan sedikit disebabkan harga yang tinggi pada masa yang lepas.

Oleh kerana Malaysia ialah pengeluar dan pengeksport minyak kelapa dan koko yang kecil di pasaran dunia, kita tidak berupaya mempengaruhi harga pasaran dunia bagi komoditi tersebut. Sungguhpun demikian, harga kelapa kering dan koko telah bertambah baik dan diharap keadaan sekarang dapat dipertahankan.

FAMA sedang mengkaji kedudukan harga pasaran secara lebih "detail" dan akan menambahkan pembelian kelapa kering dan koko daripada pekebun-pekebun kecil dengan harga yang berpatutan selaras dengan keupayaannya jika keadaan harga semakin menurun.

ANGKATAN TENTERA MENGENAI SENJATA MODEN

23. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Pertahanan menyatakan memandangkan bahawa kebanyakan daripada alat-alat tentera senjata-senjata dan lain-lain bekalan sudah lama, sama ada Kementerian beliau bercadang untuk menggantikannya dengan yang moden selaras dengan keadaan negara ini pada masa sekarang, dan jika ya, bila, dan jika tidak mengapa.

Menteri Pertahanan (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud): Kementerian ini sentiasa mengkaji perkembangan peralatan tentera dan senjata-senjata untuk menentukan bahawa Angkatan Tentera kita dibekalkan dengan peralatan dan senjata-senjata yang moden dan "up-to-date". Langkah memanglah telah dan sedang kita ambil dalam menentukan yang peralatan dan senjata-senjata yang digunakan sekarang Angkatan Tentera kita sentiasa dibekalkan dengan peralatan dan senjata-senjata yang moden setanding dengan negara-negara maju. Kementerian saya juga sentiasa menjalankan ujian-ujian dari segala aspek termasuk ujian teknikal dan prestasi sebelum menentukan pembelian sesuatu jenis peralatan tentera termasuk senjata-senjata.

MURID-MURID TERLIBAT DALAM PENYALAHGUNAAN DADAH

24. Tuan Hussein bin Mahmood minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa ramaikah murid-murid sekolah bantuan penuh Kerajaan di negara ini yang telah dapat dikesan terlibat dengan penyalahgunaan dadah bagi tahun-tahun 1976, 1977, 1978, 1979 dan hingga 31-5-1980. Apahkah langkah-langkah yang dijalankan oleh Kementerian beliau untuk memerangi masalah penyalahgunaan dadah di sekolah-sekolah supaya ianya tidak merebak.

Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam): Bilangan murid-murid sekolah bantuan penuh Kerajaan di seluruh Malaysia yang telah dapat dikesan terlibat dengan penyalahgunaan dadah bagi tahun 1976, 1977, 1978, 1979 dan hingga 31-5-1980 adalah seperti berikut:

	Murid-murid yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah pada				
	1976	1977	1978	1979	1/1—31/5 1980
Seluruh Malaysia	135	58	31	13	Kosong*

* = un'uk jangka masa 1/1—31/5/1980—Kementerian Pelajaran menunggu maklumbalas dari sekolah-sekolah.

Kementerian Pelajaran telah mengambil beberapa langkah untuk mencegah penyalahgunaan dadah. Langkah-langkah ini termasuk pencegahan peringkat awal, rujukan dan seliaan.

Semua sekolah telah diberitahu melalui pekeliling-pekeliling ikhtisas yang berkaitan dengan dasar dan pendekatan-pendekatan yang akan dilaksanakan dalam mencegah salahguna dadah. Pekeliling-pekeliling ikhtisas memberi garis panduan tentang bagaimana untuk menghindarkan murid-murid dari menghisap rokok, kempen di sekolah mengenai apa yang "boleh" dan "tidak boleh" dibuat untuk mencegah penyalahgunaan dadah, mengenai tindakan-tindakan yang harus diikuti sekiranya terdapat murid yang disyaki mencuba dadah; pekeliling-pekeliling lain pula memerlukan pihak sekolah menghantar maklumanbalas setiap penggal mengenai murid-murid yang disahkan sebagai penagih dadah oleh dok or Kerajaan, maklumanbalas mengenai murid-murid yang dikesan sebagai di dalam keadaan berisiko tinggi penyalahgunaan dadah. Tindakan seliaan juga dilak-anakan oleh pihak sekolah bagi membantu kedua-dua kumpulan tersebut.

Melalui kursus-kursus dalam perkhidmatan, guru-guru panduan diajar mengenai pendekatan-pendekatan saiko-sosial yang positif untuk digunakan dalam pencegahan peringkat awal, mengesan dan rujukan murid-murid yang mungkin telah mencuba dadah supaya ia mendapat rawatan dan pemulihan, bagaimana bekas penagih dadah akan diintegrasikan/erima ke sekolah selepas selesai menjalani rawatan dan pemulihan.

Kursus-kursus telah juga dikelolakan untuk sasaran kumpulan penting supaya setiap kumpulan akan menyedari peranan yang boleh dimainkan dalam memerangi penyalahgunaan dadah. Oleh itu kursus-kursus untuk ahli-ahli PIBG, Guru Besar-Guru Besar, guru agama, guru asrama, kursus sivik untuk murid-murid sekolah menengah semuanya mengandungi komponen-komponen pencegahan salahguna dadah.

Untuk masa hadapan, pihak Kementerian Pelajaran telah merancang bagi memperbaiki dan menambah lagi perkhidmatan panduan dan rundingcara di peringkat sekolah-sekolah menengah, supaya kejadian penyalahgunaan dadah di kalangan murid-murid sekolah Kerajaan akan dapat dikurangkan dan seterusnya dibasmikan.

PENYUSUNAN SEMULA MAS— MELANTIK FIRMA PERUNDING

25. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Pengangkutan menyatakan setakat ini apakah usaha-usaha yang telah diambil oleh pihak Kerajaan dalam memilih sebuah firma perunding bagi mendapatkan pandangan-pandangan profesyenal berhubung penyusunan semula MAS supaya perkhidmatannya dapat diperbaiki dan syarikat diperkuatkan, jika firma berkenaan telahpun dipilih apakah nama syarikat itu, dan jika tidak, bilakah pemilihan itu akan dibuat, dan juga nyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menubuhkan satu Syarikat Penerbangan Swasta.

Menteri Pengangkutan (Dato' Lee San Choon): Pihak Kerajaan telah melantik Cresap, Mc Cormick dan Paget Incorporated, sebuah firma perunding pengurusan untuk mendapatkan pandangan-pandangan profesyenal berhubung dengan penyusunan semula MAS. Firma perunding antarabangsa ini mempunyai pusat pe'abatnya di Amerika Syarikat. Juruperunding daripada firma tersebut pada masa ini sedang menjalankan kajian.

Berhubung dengan soalan sama ada Kerajaan bercadang menubuhkan satu syarikat penerbangan swasta, saya sukalah memaklumkan bahawa pada masa ini Kerajaan memang telah ada membenarkan beberapa syarikat penerbangan swasta men'alankan perkhidmatan udara tidak berjadual dalam negeri. Syarikat penerbangan ini ialah:

1. Malaysia Air Charter.
2. Wira Kris.
3. Pan-Am Malaysia Air Cargo.
4. Bristow Helicopters.
5. South-East Asia Helicopters.
6. Airfoto.
7. Malaysia Sky Air Services.
8. Hornbill Skyways.
9. Borneo Skyways.
10. Penerbangan Sabah.
11. Genting Highlands Helicopters.

KILANG LEMBAGA PADI NEGARA, TELUK ANSON

26. Tuan Au How Cheong minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada beliau sedar bahawa beratus-ratus guni padi disimpan di luar sahaja di Kilang Lembaga Padi Negara Teluk Anson kerana kekurangan kemudahan-kemudahan menyimpannya yang mengakibatkan kerugian yang besar kepada Kerajaan; adakah kilang-kilang LPN di Negeri-negeri lain menghadapi masalah-masalah yang sama dan jika ya, berapakah kerugiannya dan apakah tindakan akan diambil untuk mengatasinya.

Menteri Perusahaan Awam (Dato' Abdul Manan bin Othman): Adalah menjadi dasar LPN untuk membeli kesemua padi yang dijual oleh petani di kompleks-kompleksnya dengan tujuan untuk menjamin harga padi di paras yang berpatutan. Oleh itu, di dalam keadaan di mana LPN masih lagi mempunyai keupayaan yang terbatas dari segi kemudahan setor dan jentera pengering serta pengilang, maka kerosakan seperti yang berlaku di Teluk Anson adalah tidak dapat dielakkan. Begitu juga di beberapa buah kompleks LPN yang lain.

Walau bagaimanapun, tindakan-tindakan telah diambil bagi mengatasi masalah tersebut dengan membina lebih banyak gudang-gudang serta mengadakan jentera-jentera mengering dan mengilang padi di tempat-tempat yang memerlukannya. Anggaran kerugian yang dialami akibat kerosakan ke atas padi di kompleks-kompleks tersebut ialah lebih kurang 5% sahaja.

UCAPAN DR MOHD. NOR GHANI DI KONVENSYEN UMNO MELAKA

27. Tuan Chan Teck Chan minta Perdana Menteri menyatakan apakah makna dan implikasi kenyataan yang dibuat oleh Ketua Pengarah, Unit Penyelidikan Sosio Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri, Dr Mohamad Nor bin Abdul Ghani di Seminar Ekonomi UMNO yang dirasmikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri di Melaka pada 26-4-1980, iaitu ' jika sekiranya matlamat Dasar Ekonomi Baru gagal, ianya akan meletakkan taraf Melayu lebih rendah, dan ia akan mengakibatkan kaum Melayu mengeneppikan prinsip demokrasi dan memulihkan kedudu-

kan sahnya sehingga membawakan kemungkinan suatu keadaan kekecohan dan porakperanda ', adakah beliau akan mengambil tindakan tegas terhadap ucapan yang berbau hasutan dan berapi-api ini, sila nyatakan apakah tindakan telah diambil oleh beliau untuk mencegah pegawai-pegawainan atau politikus daripada membuat kenyataan dan ucapan seperti itu.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Jawapan kepada soalan Ahli Yang Berhormat itu telahpun diberi semasa menjawab soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Petaling pada 10-6-80. Saya tidak bercadang menambah apa-apa kepada jawapan tersebut.

PERAKUAN JAWATANKUASA MAJLIS PERSATUAN PERUBATAN MALAYSIA

28. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kementerianya telah menerima serta mengkaji perakuan-perakuan yang dibuat oleh Jawatankuasa Majlis Persatuan Perubatan Malaysia untuk mencegah pengaliran cerdik pandai dari perkhidmatan Kerajaan, dan sama ada Kerajaan bercadang menaikkan gred profesional para doktor dan pakar-pakar dalam perkhidmatan Kerajaan supaya dapat menarik mereka menetap di dalam perkhidmatan dengan memberikan mereka gaji yang lumayan, prospek kenaikan pangkat yang lebih baik, perhubungan kerja yang lebih memuaskan serta juga prospek latihan kepakaran yang lebih baik.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Sebagaimana Ahli Yang Berhormat tentu maklum, laporan yang beliau rujuk itu telah dibuat oleh Jawatankuasa Majlis Persatuan Perubatan Malaysia, iaitu suatu persatuan profesional sahaja. Hingga kini, saya tidak menerima apa-apa perhubungan rasmi dari Persatuan ini sama ada laporan ini diterima oleh Persatuan ini keseluruhannya ataupun tidak. Saya difahamkan bahawa ianya sekarang adalah sedang diperbincangkan oleh Majlis Persatuan tersebut.

Lama sebelum laporan ini dikeluarkan, yang telah dibuat dengan menggunakan bahan tertentu yang dikeluarkan oleh Kementerian, kami sendiri sedar mengenai perlunya satu kajian semula dibuat terhadap susunan perkhidmatan iktisas ini. Ianya adalah termasuk

doktor-doktor, doktor-doktor pergigian, ahli-ahli farmasi dan lain-lain kakitangan professional lagi.

Kementerian telahpun berusaha mengambil tindakan di atas perkara ini di mana kedudukannya telahpun dikaji dengan meluas oleh Jawatankuasa Gaji Kabinet dalamana saya adalah merupakan salah seorang daripada ahlinya. Hasilnya, jawatan Ketua Pengarah Kesihatan yang dahulunya di Tingkatan Tertinggi "A", akan dinaikkan ke Tingkatan Turus III. Ini ialah untuk pertama kalinya Ketua Perkhidmatan Kesihatan diberikan Tingkatan Turus bagi membayangkan pengiktirafan Kerajaan mengenai taraf perkhidmatan-perkhidmatan ini. Selain dari itu, suatu jawatan baru iaitu Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan akan diwujudkan di Tingkatan Tertinggi "A". Lain-lain jawatan di dalam perkhidmatan ini sekarang adalah sedang dikaji bagi kenaikan taraf sejajar dengan keputusan ini.

Doktor-doktor dan pakar-pakar juga akan menerima faedah dari kenaikan gaji dan elaun-elaun keseluruhannya bagi kakitangan perkhidmatan awam yang akan bermula dari 1hb Julai, 1980. Sebagai suatu contoh, seorang pakar Tingkatan Tertinggi "G" bermula dari gaji bawah di dalam tanggagajinya dengan mendapat \$3,020 sebulan sekarang akan layak menerima \$4,250 sebulan di bawah gaji baru. Saya percaya Ahli Yang Berhormat bersetuju bahawa ini adalah suatu pertambahan yang besar. Lain-lain gred juga akan menikmati tambahan sedikit sebanyaknya.

Kementerian Kesihatan juga adalah sedang terus mengkaji rancangan-rancangan latihannya untuk memberi kemudahan-kemudahan yang lebih baik kepada doktor-doktor, sama ada di dalam ataupun di luar negeri. Perbincangan yang terus menerus sedang diadakan dengan badan-badan professional dan universiti-universiti tempatan mengenai bidang dan kandungan kursus-kursus perubahan ijazah lanjutan ini. Saya berharap suatu persetujuan akan diperolehi mengenai perkara ini tidak lama lagi. Kami berupaya untuk mengenali masalah-masalah perkhidmatan kita sendiri dan sedang berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mengatasinya.

AHLI-AHLI PARLIMEN— PERUNTUKAN \$100,000

29. Tuan Lee Kaw minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar beberapa kes penyalahgunaan dan penyelewengan telah berlaku yakni peruntukan sebanyak \$100,000 yang diperuntukan kepada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional untuk melaksanakan projek-projek dalam kawasan-kawasan mereka telah disalahgunakan untuk membeli dapur-dapur gas untuk Wanita UMNO dan mesin taip untuk cawangan-cawangan MCA; dan apakah tindakan yang telah diambil untuk mencegah dari berlakunya penyelewengan dan penyalahgunaan wang awam.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Peruntukan yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu bukan diberi kepada mana-mana Ahli Parlimen tetapi sebenarnya diberi kepada Pegawai Daerah berkenaan atau kepada Kementerian Wilayah bagi kawasan Wilayah Persekutuan. Saya tidak sedar tentang adanya penyalahgunaan dan penyelewengan yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Tuduhan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah terlalu umum dan dari itu adalah tidak wajar bagi saya menjawabnya.

PENCARUM KWSP—PENGELUARAN 75%

30. Tuan P. Patto minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan boleh membenarkan pencarum-pencarum kepada KWSP mendapat balik sehingga 75% daripada simpanan mereka tanpa mengenakan sebarang sekatan bagi maksud membeli rumah ataupun membina rumah di tanah sendiri, jika tidak, mengapa.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Sukalah saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa mengikut KWSP yang ada sekarang, caruman pekerja-pekerja cuma boleh dikeluarkan jika dapat memenuhi salah suatu syarat-syarat di bawah:

Pertama:

Pencarum berkenaan meninggal dunia; atau

Kedua:

Pencarum itu telah mencapai had umur 55 tahun; atau

Ketiga:

Pencarum itu tidak mempunyai keupayaan fizikal dan mental untuk meneruskan pekerjaan; atau

Keempat:

Pencarum itu akan meninggalkan Malaysia untuk selama-lamanya tetapi tidak menetap di Singapura.

Ahli Yang Berhormat tentu sedar bahawa Kerajaan sentiasa mengkaji kemungkinan untuk membenarkan pengeluaran caruman di masa lebih awal. Hasiinya Kerajaan telah meminda Ordinan KWSP, 1951 dalam tahun 1968, yang membolehkan pencarum-pencarum yang telah mencapai umur 50 tahun mengeluarkan 33% daripada caruman KWSP mereka. Pelonggaran di atas bertujuan untuk menolong pencarum-pencarum menggunakan wang tersebut bagi tujuan berfaedah seperti untuk membayar pendahuluan rumah. Bagaimanapun cadangan untuk mengeluarkan 75% dari caruman sebelum had umur mencapai 55 tahun adalah didapati bercanggah dengan objektif penubuhan KWSP untuk memberi sedikit jaminan kewangan semasa persaraan mereka. Cadangan untuk mengeluarkan 75%, jika dibenarkan, akan mengurangkan dengan banyaknya caruman mereka untuk masa persaraan dan seterusnya mengecewakan tujuan penubuhan KWSP. Mengenai pembiayaan kewangan untuk perumahan, pencarum-pencarum KWSP adalah dibenarkan untuk mengeluarkan caruman mereka sebanyak 10% dari harga rumah murah atau maksimumnya \$2,000, mana yang lebih rendah, untuk membeli rumah-rumah harga murah yang dibina oleh Malaysia Building Society Berhad (MBSB) dan Borneo Housing Mortgage Finance Berhad.

Berasaskan alasan-alasan di atas, Kerajaan tidak berhasrat untuk membenarkan pencarum-pencarum mengeluarkan 75% dari caruman mereka sebelum had umur mencapai 55 tahun.

PEMBESARAN LAPANGAN TERBANG DI BELAGA

31. Tuan Sibat Miyut anak Tagong minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) bila Kerajaan akan membesarkan lapangan terbang di Belaga; dan
- (b) sama ada beliau bercadang menambahkan bilangan penerbangan ke Belaga

sekurang-kurangnya tiga kali seminggu kerana pada ini terdapat hanya dua penerbangan dalam seminggu bergantung kepada cuaca.

Dato' Lee San Choon:

- (a) Lapangan terbang Belaga yang ada sekarang ini mempunyai landasan sepanjang 1,400 kaki dan boleh digunakan oleh kapal terbang jenis BN2. Oleh kerana ini adalah cukup untuk menampung keperluan pada masa ini, Kerajaan tidak ada rancangan untuk memperbesarkan lapangan terbang tersebut. Lagi pun lapangan terbang ini tidak dapat diperbesarkan lagi oleh kerana terdapat masalah keselamatan penerbangan atau "flight safety" disebabkan adanya bukit bukau di sekelilingnya.
- (b) Perkhidmatan MAS ke Belaga sebanyak 2 kali seminggu dengan pesawat BN2 adalah mencukupi untuk menampung terafik yang ada pada masa ini. Bagaimanapun sekiranya jumlah terafik ini bertambah pihak MAS bersedia menimbangakan penambahan penerbangan tersebut.

HUKUMAN BERAT KE ATAS PENCURI ELEKTRIK

32. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan adakah beliau sedar bahawa masih terdapat lagi banyak kejadian curi elektrik yang dilakukan oleh firma-firma besar dan memandangkan bahawa ini adalah suatu masalah nasional, adakah Kerajaan bercadang mengenakan hukuman yang seberat-beratnya dan adakah ini adalah satu daripada sebab-sebab tenaga letrik tidak dapat disalurkan ke luar bandar oleh kerana kekurangan bekalan letrik.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Leo Moggie anak Irok): Kejadian kecurian elektrik masih lagi berlaku di negara ini. Bagi mengatasi masalah ini dari kejadian bertambah berleluasa, maka baru-baru ini Kerajaan telah mengambil langkah yang positif dengan meminda Akta Letrik 1949. Pindaan ini telah diwartakan sebagai Akta

A 488 pada 29hb Mei, 1980 dan adalah dijangka bahawa dengan penambahan kepada penalti maksima daripada \$5,000 kepada \$100,000 itu akan dapat mengurangkan kejadian curi elektrik seperti yang didapati pada ketika ini.

Adalah tidak benar bahawa kecurian elektrik ini telah mengakibatkan tenaga elektrik tidak dapat disalurkan ke kawasan luar bandar oleh kerana kekurangan bekalan elektrik. Namun demikian, gangguan bekalan elektrik (break down) mungkin terjadi di sekitar kawasan di mana kecurian itu berlaku. Oleh kerana di dalam mengurangkan kejadian curi elektrik berlaku ada kemungkinan alat-alat yang digunakan itu boleh menyebabkan kerosakan-kerosakan berlaku.

BANTUAN SUBSIDI KEPADA NELAYAN

33. Tuan Haji Hashim bin Ghazali minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kejayaan untuk membangunkan masyarakat nelayan telah mula dilihat sekarang, jika ya, sejauh manakah bantuan telah diberi kepada nelayan-nelayan sehingga hari ini.

Dato' Shariff Ahmad: Saya sedar bahawa kejayaan dalam membangunkan masyarakat nelayan telah mula dapat dilihat. Ini adalah hasil usaha dari rancangan-rancangan Kerajaan untuk membangunkan masyarakat tersebut melalui bantuan subsidi yang berupa alat-alat menangkap ikan seperti in' in, pukut dan peti ikan yang telah dilaksanakan semenjak Rancangan Malaysia Ketiga dan masih lagi dilaksanakan hingga ke hari ini. Di dalam rancangan ini seramai lebih kurang 10,000 orang nelayan telah menerima bantuan tersebut yang telah menelan belanja berjumlah \$30 juta.

Dengan adanya program ini, bukan sahaja nelayan-nelayan telah dapat memiliki bot-bot dan alat menangkap ikan sendiri, malah pendapatan mereka juga telah meningkat ke paras yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan pendapatan sebelum mereka menerima bantuan. Daripada kajian yang pernah dijalankan oleh Jabatan Perikanan menunjukkan bahawa pendapatan purata peserta-peserta program ini telah meningkat ke paras \$300 sebulan.

OPERASI GONZALES II—KEJAYAAN

34. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) Sejauh manakah kejayaan telah dicapai atas pelancaran Operasi Gonzales II cara besar-besaran baru-baru ini; dan
- (b) Berapakah negara-negara yang terlibat dalam Operasi ini.

Datuk Amar bin Haji Abdul Taib Mahmud: Geladi Gonzales II yang dijalankan baru-baru ini telah meningkatkan lagi mutu cara-cara peperangan konvensional, terutama dalam aspek-aspek mara, serang, pertahanan dan serang balas. Juga latihan ini telah menghalusi sistem logistik satu Divisyen dalam keadaan negara kita. Geladi ini tidak melibatkan mana-mana negara lain, hanya unit-unit dalam Divisyen 3 Angkatan Tentera Darat Malaysia.

SOSIO-EKONOMI PENDUDUK KAMPUNG BARU

35. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah rancangan-rancangan positif yang telah beliau sendiri gariskan sejak mengambilalih atau memegang portfolio Jabatan Perumahan dan Kerajaan Tempatan berhubung mengatasi masalah sosio-ekonomi yang dihadapi oleh lebih kurang 465 buah kampung baru di seluruh negara dan memberikan satu harapan dan habuan yang sak-sama dalam pembangunan sosio-ekonomi untuk satu juta penghuni-penghuni kampung baru.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr Neo Yee Pan): Saya sedar tentang masalah-masalah sosio-ekonomi yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di Kampung Baru di seluruh negara. Saya akan sentiasa memastikan supaya projek-projek pembangunan kampung-kampung baru yang dilaksanakan akan memberi lebih faedah kepada semua penduduk-penduduk kampung baru supaya taraf hidup mereka dapat dipertingkatkan. Semenjak memegang portfolio Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan saya telah mengkaji dengan teliti masalah-masalah berkaitan dengan Pembangunan Kampung-kampung baru. Dengan ini saya terdapat bahawa ada beberapa perkara penting yang perlu diberi perhatian sertaina. Satu daripadanya ialah keadaan alam

sekeliling di kampung-kampung baru, terutamanya yang mengganggu kesihatan penduduk-penduduknya. Sebagai langkah pertama, saya telah mengarahkan supaya satu kajian mengenai Kesihatan dan Kebersihan Kampung-kampung baru dijalankan. Dari kajian ini saya terdapat bahawa masalah tiada tandas sempurna seperti tandas curah atau pump adalah satu masalah yang haruslah diatasi dengan segera kerana ianya boleh mengganggu kesihatan penduduk-penduduk di kawasan berkenaan. Bertepatan dengan ini saya telah mengarahkan supaya satu projek Printis untuk tandas curah dimulakan di Negeri Perak. Sekiranya ini diterima baik oleh penduduk kampung baru saya akan mencadangkan bahawa satu projek keseluruhan diadakan di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

GERAN PEMBANGUNAN UNTUK SARAWAK

36. Tuan Raymond Szetu Mei Thong minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah Geran-geran Pembangunan (tidak termasuk pinjaman) yang diperuntukkan kepada Sarawak oleh Kerajaan Persekutuan dari tahun 1963 hingga 1980; dan jumlah hasil yang didapati oleh Kerajaan Persekutuan dari Negeri Sarawak dalam bentuk cukai dan duti dalam tempoh tersebut.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Terlebih dahulu suka saya menjelaskan bahawa di dalam konteks pembiayaan projek-projek pembangunan, istilah 'geran pembangunan' adalah tidak sesuai digunakan bagi projek-projek yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan di negeri-negeri. Sebenarnya, pembiayaan projek-projek pembangunan di negeri-negeri ini adalah dibuat dengan mengadakan peruntukan setiap tahun didalam Anggaran Pembangunan Persekutuan. Jumlah peruntukan (tidak termasuk pinjaman) yang telah dibekalkan untuk Sarawak bagi maksud tersebut dari tahun 1963 hingga 1980 ialah sebanyak lebih kurang \$2,263.0 juta. Jumlah hasil yang telah diterima oleh Kerajaan Persekutuan daripada Sarawak dalam tempoh yang sama adalah dianggarkan sebanyak \$1,709.0 juta.

PENJELASAN:

Jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan di Negeri-negeri adalah tidak terhad kepada

perbelanjaan pembangunan sahaja tetapi termasuklah juga perbelanjaan mengurus yang mana pada kebiasaannya lebih daripada 2 kali ganda daripada perbelanjaan pembangunan. Mengikut Lapuran Ekonomi, Kementerian Kewangan mengenai perbelanjaan Kerajaan bagi tahun 1976 dan 1977 perbelanjaan pembangunan hanya merupakan 30% sahaja daripada jumlah perbelanjaan Kerajaan; manakala 70% lagi itu adalah perbelanjaan mengurus.

2. Jumlah peruntukan pembangunan sebanyak \$2,263.0 juta yang dinyatakan di dalam jawapan itu adalah termasuk peruntukan bagi projek-projek imbuhan (reimbursable projects) yang berjumlah lebih kurang \$115.0 juta. Oleh yang demikian jumlah peruntukan pembangunan yang tidak termasuk peruntukan projek-projek imbuhan ialah sebanyak lebih kurang 2,148.0 juta (\$2,263.0-\$115.0) bagi tempoh 1963 hingga 1980. Pembiayaan projek-projek imbuhan ini adalah dibuat oleh Kerajaan Negeri dan selepas itu diimbuhkan semula oleh Kerajaan Persekutuan atas perbelanjaan yang dilakukan. Kebanyakan daripada projek-projek imbuhan ini adalah terdiri daripada projek-projek parit dan taliair, pertanian dan lain-lain.

3. Jumlah hasil yang diterima daripada Sarawak yang dianggarkan sebanyak \$1,709.0 juta yang dinyatakan di dalam jawapan itu adalah terdiri daripada cukai-cukai pendapatan, pembangunan dan cukai-cukai kastam termasuklah cukai-cukai jualan. Walau bagaimanapun, jumlah hasil ini adalah tidak termasuk cukai pendapatan ke atas petrolium. Ini adalah kerana semua telaga minyak Sarawak Shell adalah terletak di atas 'Continental Shelf' yang dianggap sebagai kawasan Kerajaan Persekutuan. Hasil daripada petrolium ini adalah dianggarkan sebanyak \$1,582.0 juta.

DADAH JENIS "DIETHYLSTIL-DESTROL"

37. Tuan Omar bin Haji Ismail minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah benar penggunaan dadah jenis "Diethylstilboestrol (DES)" yang digunakan untuk menggemukkan binatang ternakan terutama ayam adalah sejenis hormon yang amat bahaya yang boleh menyebabkan kanser, leukemia dan ketumbuhan dan juga boleh menimbulkan

sifat-sifat kewanitaannya kepada lelaki, jika ya, adakah Kerajaan akan mengharamkan penggunaannya.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Saya difahamkan bahawa "Diethylstilboestrol (DES)" adalah ubat yang jarang sekali digunakan ataupun tidak digunakan langsung sekarang dalam perusahaan ternakan ayam oleh kerana ayam-ayam untuk perusahaan daging semuanya datang daripada baka (breed) yang baik yang tidak memerlukan lagi kegunaan hormon. Hormon itu tidak juga digunakan untuk ternakan yang lain lagi. Ubat ini adalah dikawal di bawah Ordinan Racun, 1952.

KAPALSELAM RUSSIA DI SELAT MELAKA

38. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada beliau sedar tentang kehadiran kapalselam Russia di Selat Melaka yang mengancam kedaulatan dan keselamatan negara kita dan jika ya, apakah pendirian Malaysia dan apakah tindakan yang telah diambil mengenai perkara ini.

Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud: Malaysia memang sedar tentang pembesaran aktiviti-aktiviti terbaharu Angkatan Laut Soviet terutama di sekitar Lautan Hindi, juga Malaysia sedar tentang kehadiran kapalselam Russia di Selat Melaka. Malaysia sudah tentu mengambil berat akan perkembangan ini, oleh kerana ianya akan mengakibatkan peningkatan persaingan dan ketegangan kuasa-kuasa besar di rantau ini dan mungkin menimbulkan ketidakstabilan serta mengancam keamanan dan keselamatan negara-negara yang berhampiran dengan Selat Melaka. Dan sebagai satu Kementerian yang bertanggungjawab atas keselamatan dan pertahanan negara, Kementerian Pertahanan memang sentiasa sedar dan mengikuti perkembangan politik dan ketenteraan di rantau ini dan membuat persediaan-persediaan tertentu.

PERTUBUHAN ANGKATAN SABILULLAH—ANCAMAN KEPADA NEGARA

39. Tuan Haji Hashim bin Endut minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada Kementerian beliau sedar yang

satu jenis penyakit masyarakat, pecah-belah, pulau-memulau di kampung adalah juga peranan yang dimainkan oleh pasukan sulit PAS (Pertubuhan Angkatan Sabilullah) yang ahli-ahlinya ada berselerak di dalam kawasan pendalaman. Jika ya, mengapa tidak mereka yang terlibat itu ditahan dan dibawa ke pengadilan, dan bukannya perbuatan mereka itu subversive dan sangat bahaya kepada negara.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Kerajaan adalah menyedari bahawa tindakan dan kegiatan-kegiatan Pertubuhan Angkatan Sabilullah telah menyebabkan berlakunya perpecahan dan pulau-memulau di kalangan masyarakat di Negeri Kedah terutamanya di kawasan Kota Setar yang bertujuan untuk menimbulkan keadaan huruhara. Memandangkan kegiatan ini boleh mengancam keselamatan negara dan ketenteraman awam maka Kerajaan telahpun mengambil tindakan menangkap dan menahan beberapa orang pemimpin dan ahli Pertubuhan Angkatan Sabilullah sebagaimana yang telah dijelaskan di Dewan Yang Mulia semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah pada 11-6-1980.

ROAD-DIVIDER DI BYE-PASS SUNGAI BAKAP

40. Tuan Karpal Singh minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam memberitahu Dewan ini mengapa road-divider yang sedia ada di sepanjang bye-pass Sungai Bakap dibina dengan cara yang demikian yang mengancam orang ramai di mana akibatnya dua orang telah mati. Apakah jumlah perbelanjaan yang dianggarkan untuk membina bye-pass tersebut; apakah Kerajaan bercadang membetulkan keadaan tersebut serta juga membayar wang gantirugi kepada keluarga orang-orang yang telah mati itu.

Datuk S. Samy Velu: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sukacita diberitahu bahawa Pembahagian Jalan (road dividers) serta tanda-tanda jalan yang lain di permukaan jalan (carriageway) telah direkabentuk dengan betul dengan tujuan untuk mencapai aliran lalu-lintas yang wajar terutamanya di ketiga-tiga persimpangan. Kajian yang teliti

di atas laporan-laporan kemalangan menunjukkan kemalangan itu disebabkan oleh kecuaiannya dan memandu dengan laju oleh pemandu-pemandu dan tidak ada sangkut paut dengan pembahagi jalan yang berkenaan. Lencongan Sungai Bakap ini digezetkan ke had laju 30 batu sejam. Anggaran kos lencongan tersebut ialah \$1,155,000 yang mana akan dikaji semula ke \$1,750,000. Jumlah perbelanjaan hingga ke hari ini ialah sebanyak \$904,237.59. Hasil dari kejadian kemalangan-kemalangan tersebut akan ditentukan di dalam Mahkamah. Oleh yang demikian, masalah gantirugi tidak timbul buat masa ini.

OPERASI ISI PENUH—DASAR PENGAMBILAN

41. Tuan Ting Chek Ming minta Perdana Menteri menyatakan angka pecahan mengikut kaum bagi calon baru di bawah "Operasi Isi Penuh" dan sama ada lebih ramai bukan Bumiputra diambil untuk membetulkan keadaan tidak seimbang mengikut kaum di pejabat-pejabat Kerajaan dan nyatakan bilangan pemohon-pemohon Bumiputra dan bukan Bumiputra yang diterima dan ditolak masing-masing.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Sebanyak 34,522 orang telah ditawarkan bagi mengisi semua jenis jawatan di dalam Kumpulan "A", "B", "C", "D", termasuk I.M.G., semenjak bulan Mei, 1979 hingga 29hb Februari, 1980. Sebahagian besar daripada jawatan-jawatan kosong Kerajaan telah dan sedang dibuat pengisiannya.

Mengenai pecahan calon-calon mengikut kaum, saya sukalah menegaskan sekali lagi bahawa pemilihan calon-calon adalah berdasarkan kelulusan, kelayakan dan kesesuaian calon sendiri. Prinsip ini adalah diikuti oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, bertahun-tahun sejak Suruhanjaya ini ditubuh. Dan Operasi Isi Penuh adalah dijalankan bagi pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan juga mengamalkan prinsip yang sama. Oleh yang demikian, soal untuk menyiapkan rekod-rekod mengikut kaum tidaklah berbangkit.

Satu lagi perkara yang sama pentingnya dan patut diberi perhatian juga ialah mengenai kedudukan jumlah permohonan-

permohonan itu sendiri. Adalah diperhatikan permohonan dari satu kaum yang tertentu amat terlalu banyak dan oleh yang demikian, bilangan yang akan dipanggil temuduga, selepas ditapis, juga tentulah ramai daripada kaum tersebut jika dibandingkan dengan kaum-kaum yang lain. Dalam hal ini juga, soal untuk menyiapkan rekod-rekod permohonan mengikut kaum tentulah tidak menasabah atau praktik dalam peringkat ini oleh kerana jumlah permohonannya yang terlalu banyak sehingga meningkat lebih daripada 1.5 juta permohonan.

Langkah seperti itu juga akan mengambil masa terutama di peringkat Kumpulan "D" dan I.M.G., dan akan hanya melewati segala usaha untuk mengisi kekosongan-kekosongan jawatan Kerajaan di dalam suatu masa yang singkat, sesuai dengan hasrat dan matlamat Operasi Isi Penuh.

Dalam hal ini juga, soal untuk mendaftar pemohon-pemohon yang diterima atau ditolak mengikut kaum tidaklah berbangkit. Tindakan yang lebih penting dan lebih mendesak ialah untuk memproses segala permohonan, membuat penapisan calon-calon untuk ditemuduga, menjalankan urusan temuduga, memilih calon-calon yang berkecualan, serta menawarkan jawatan-jawatan kosong kepada calon-calon yang berjaya itu secepat mungkin.

Mengenai komposisi kaum di pejabat-pejabat Kerajaan pula, saya sukalah menegaskan di sini bahawa boleh dikatakan tiap-tiap Jabatan Kerajaan sedia mempunyai kakitangan-kakitangan yang terdiri daripada berbilang kaum, iaitu hasil daripada usaha-usaha pengambilan yang berpandukan kepada faktor-faktor seperti yang saya sebut di atas tadi. Oleh yang demikian, saya tidaklah nampak mengapa Kerajaan patut mengubah dasar pengambilannya yang tersebut itu. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa mengambil perhatian supaya kakitangan perkhidmatan awam akan mencerminkan masyarakat Malaysia yang berbilang keturunan.

PELARIAN PHILIPINA DI SABAH

42. **Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan jumlah orang-orang pelarian Philipina di Sabah yang telah diberikan:

- (a) taraf warganegara,
- (b) taraf penduduk tetap.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Sandakan bahawa tidak ada orang-orang pelarian Philipina di Sabah yang telah diberi taraf warganegara, mahupun taraf penduduk tetap.

BUMIPUTRA DALAM PERNIAGAAN— SUMBER KEWANGAN

43. **Tuan Patrick anak Uren** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar keperluan memiliki modal yang banyak dan tegoh oleh Bumiputra yang ingin menceburi bidang perniagaan bersama agensi-agensi Kerajaan sepertimana yang dikehendaki di dalam permohonan mereka tidaklah mendorong pertambahan penyertaan Bumiputra dalam perniagaan.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Saya sedar bahawa Bumiputra hendaklah mempunyai sumber-sumber kewangan yang tegoh untuk menjalankan perniagaan usahasama dengan agensi-agensi Kerajaan. Ini sudah semestinya dalam mana-mana bidang perniagaan yang hendak dijalankan. Sungguhpun begitu jumlah modal yang diperlukan daripada seseorang usahawan Bumiputra itu akan bergantung kepada jenis perniagaan yang hendak dikendalikan oleh usahasama tersebut. Semakin besar usahasama itu maka semakin banyak pulalah modal yang terpaksa disumbangkan oleh Bumiputra yang berkenaan. Jumlah sebenar yang terpaksa disumbangkan oleh Bumiputra akan bergantung juga kepada persetujuan di antara pihak-pihak yang hendak menjalankan usahasama itu.

KAMPUCHEA—PERBINCANGAN PERDANA MENTERI—PRESIDEN SUHARTO

44. **Tuan V. David** minta Perdana Menteri menyatakan bolehkah beliau menerangkan kepada Dewan tentang mesyuarat dengan

Presiden Suharto dari Indonesia baru-baru ini dan keputusan yang tercapai berkenaan dengan Kampuchea.

Tuan Shahrir bin Abdul Samad: Jawapan kepada soalan ini samalah dengan jawapan kepada soalan No. 1 daripada Ahli Yang Berhormat dari Parit pada 9-6-1980. Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan kepada jawapan itu.

PEKERJAAN KEPADA ANAK-ANAK PEKERJA HOSPITAL

45. **Tuan V. Govindaraj** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kementerianya boleh menimbang memberikan pekerjaan kepada anak-anak pekerja-pekerja hospital yang lama berkhidmat di hospital-hospital sebagai mengenang jasa khidmat pekerja-pekerja ini.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Jawatan-jawatan Kerajaan adalah diisikan dengan calon-calon yang mempunyai kelayakan-kelayakan masuk yang diperlukan. Sekiranya anak-anak pekerja hospital tersebut mempunyai kelayakan-kelayakan sedemikian, mereka bolehlah memohon apabila jawatan-jawatan kosong diiklankan dan mereka akan diberikan pertimbangan yang sewajarnya oleh Lembaga Pemilihan yang berkenaan.

PERTUBUHAN ANGKATAN SABILULLAH DAN PEKIDA— HUBUNGAN

46. **Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan kedudukan Pertubuhan Angkatan Sabilullah dari segi pertumbuhannya dan sejak bilakah Kerajaan menyedari adanya pertubuhan ini dan sejauh manakah ia membahayakan keselamatan negara. Adakah Kerajaan sedar bahawa salah satu sayap Angkatan Sabilullah itu ialah pertubuhan yang diberi nama ringkasnya PEKIDA dan adakah pertubuhan ini masih mempunyai hubungan dengan Angkatan Sabilullah.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shaffie: Tentera Sabilullah telah bergiat semula dalam tahun 1972 dan dalam akhir tahun 1978 ianya menukarkan namanya menjadi Pertubuhan Angkatan Sabilullah yang telah memainkan peranan penting sebagai dalang kepada tunjuk perasaan di hadapan

Wisma Negeri pada 23hb Januari, 1980. Berikutnya seramai 9 orang pemimpin dan anggota Pertubuhan Angkatan Sabilullah telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960.

Kerajaan juga menyedari bahawa satu kekecohan telah wujud dalam Pertubuhan Tentera Sabilullah dalam tahun 1977 apabila timbul percanggahan fahaman di kalangan ahli-ahlinya. Akibat dari percanggahan ini pada 31hb Ogos, 1978 ahli-ahlinya yang moderate telah mengasingkan diri mereka dari kumpulan Tentera Sabilullah dan menubuhkan Pertubuhan Kebajikan Dakwah Islamiah (PEKIDA) untuk kegiatan sosial dan kebajikan dan telah mengemukakan permohonan untuk didaftarkan oleh Pendaftar Pertubuhan dan telah diberikan kebenaran sementara untuk bergerak. Sehingga ini kegiatan PEKIDA didapati tidak melanggar undang-undang ataupun Perlembagaan Negara lagi pun PEKIDA tidak pula ada sebarang pertalian dengan Pertubuhan Angkatan Sabilullah.

RAKYAT INDONESIA DI MALAYSIA— BILANGAN

47. Tuan V. David minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan jumlah rakyat Indonesia di dalam Malaysia dan adakah mereka telah diberikan taraf sebagai penduduk tetap.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Damansara, jumlah orang-orang Indonesia yang berada di negeri ini adalah berubah-ubah dari semasa ke semasa kerana mereka ini sentiasa keluar masuk atas tujuan-tujuan tertentu seperti melawat, berniaga dan sebagainya, disebabkan kemasukan orang-orang dari negara Asean tidak memerlukan visa. Pertimbangan dan kelulusan taraf penduduk tetap kepada warganegara Indonesia adalah sama seperti pertimbangan yang diberi kepada pemohon-pemohon kaum-kaum seperti China, India, Singapura dan lain-lain.

PROJEK HOSPITAL DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KETIGA

48. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa banyak projek-projek hospital dan klinik baik di kawasan

bandar ataupun di luarbandar masih belum dilaksanakan sepenuhnya sehingga sekarang, dan jika ya, sama ada ini menjejaskan projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga yang akan berakhir tidak lama lagi.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan merancang untuk menyiapkan 262 buah projek-projek hospital di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Dari jumlah ini 128 projek perubatan telahpun siap setakat bulan Mac 1980, di mana 35 lagi dijangka siap menjelang penghujung tahun ini. Untuk tempoh masa yang sama, kita mempunyai sebanyak 1,095 buah projek-projek kesihatan untuk kawasan-kawasan luarbandar. Sebanyak 407 buah telahpun siap setakat bulan Mac tahun ini, dan 125 buah lagi dijangka siap menjelang tahun ini sekiranya semuanya berjalan dengan lancar.

Pada keseluruhannya, projek-projek ini telahpun berjalan sebagaimana yang dirancang, walaupun terdapat kelewatan dari masa ke semasa terhadap projek-projek tertentu kerana keadaan-keadaan yang kadangkalanya di luar kemampuan kawalan Kementerian ataupun lain-lain agensi Kerajaan. Seperti Ahli Yang Berhormat, saya juga ingin melihat projek-projek ini siap dengan secepat mungkin agar kita dapat memberikan kemudahan-kemudahan yang lebih baik kepada mereka yang memerlukan perkhidmatan-perkhidmatan kita ini, sama ada di bandar-bandar mahupun di kawasan-kawasan luarbandar. Walau bagaimanapun, di samping itu, saya tidak berfikir terdapat mana-mana negara juapun, sama ada yang telah maju ataupun yang sedang membangun, mempunyai suatu rancangan pembinaan dan pembaikan hospital-hospital dan klinik-klinik yang sebegitu luas, sebagaimana yang terdapat di negara ini. Kita akan terus melaksanakan projek-projek ini dengan secepat mungkin, akan tetapi kita perlulah memahami bahawa walaupun dengan perancangan dan hasrat yang terbaik, beberapa kelewatan boleh berlaku jua.

WAKTU TAYANGAN GAMBAR DI PANGGUNG—SEMAKAN SEMULA

49. Tuan Hussein bin Mahmood minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau bercadang hendak meminta pihak berkuasa tempatan supaya menyemak semula permulaan bagi waktu-waktu tayangan wayang gambar di panggung-panggung di negara ini supaya ianya tidak dimulakan sewaktu sembahyang fardu Jumaat dan Maghrib, misalnya permulaan tayangan pada hari Jumaat yang dibuat mulai jam 1.00 tengahari dan tayangan waktu petang tiap-tiap hari mulai jam 6.30 petang ataupun 7.00 malam. Kalau ya, bila dan kalau tidak, kenapa.

Dato' Dr Neo Yee Pan: Buat masa ini Kementerian saya tidak bercadang untuk menasihatkan pihak berkuasa tempatan menyemak semula permulaan bagi waktu-waktu tayangan wayang gambar di panggung-panggung di negara ini supaya ianya tidak dimulakan sewaktu sembahyang fardu Jumaat dan Maghrib. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, waktu tayangan gambar yang boleh dikatakan serentak di seluruh negara telahpun ditetapkan sejak beberapa tahun yang lampau dan waktu-waktu yang berkenaan ini adalah dianggap sesuai bagi segala lapisan masyarakat. Pada hemat saya terpulanglah kepada seseorang individu untuk memilih waktu yang paling sesuai kepadanya demi kesenangan masa, menjalankan urusan-urusan yang penting dan lain-lain lagi untuk menonton wayang gambar.

PENYELEWENGAN PEMBINAAN PERUMAHAN

50. Tuan Chan Teck Chan minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bahawa sejak tahun 1975 hingga tahun 1980 ini, berapakah aduan tentang penyelewengan pembinaan perumahan telah diterima oleh Menteriannya, berapakah daripada aduan ini telah disiasat atau dirujuk kepada BSN dan berapakah kes ini telah dirujuk kepada mahkamah dan berapakah orang telah dihukum serta berapakah kes masih dalam proses penyiasatan, sila nyatakan apakah tindakan yang positif telah diambil untuk memperbaiki dan mencegah segala penyelewengan yang selalu merugikan kepentingan orang ramai dan pembeli.

Dato' Dr Neo Yee Pan: Soalan ini adalah terlalu luas dan tidak berapa jelas dan tepat tentang apa yang dimaksudkan oleh "Penyelewengan Pembinaan Perumahan".

Kebanyakan aduan daripada para pembeli rumah membayangkan pertikaian-pertikaian antara pemaju dan pembeli di atas obligasi kontrak yang seharusnya diselesaikan di mahkamah melalui tindakan civil terhadap pemaju yang boleh diambil oleh pembeli. Oleh yang demikian, kemungkinan tindakan mahkamah diambil secara langsung oleh Kementerian saya ataupun pihak BSN tidak berbangkit. Saya sedar bahawa kebanyakan pembeli-pembeli rumah tidak mampu untuk mengambil tindakan civil terhadap sesuatu pemaju kerana pecah kontrak. Bagaimanapun sudah menjadi tugas utama Kementerian saya untuk mencampurtangan dalam pertikaian tersebut dengan menjalankan kerja-kerja perantaraan antara pihak-pihak yang teriibat supaya masalah yang berkenaan dapat diselesaikan secara perundingan atau tolak ansur. Selain daripada itu Kementerian saya juga meneliti aduan-aduan tersebut bagi menentukan atau melihat secara keseluruhannya tentang sejauh mana pihak pemaju menunjukkan sikap bertanggungjawab dalam menjalankan urusan perumahan. Tindakan-tindakan pentadbiran boleh diambil terhadap pemaju jika difikirkan perlu.

Bagaimanapun, sama ada apa yang telah dilakukan oleh pihak pemaju boleh dianggap sebagai "penyelewengan" bergantung kepada faktor-faktor dan suasana pada keseluruhannya yang telah menyebabkan pecah kontrak yang berkenaan. Tiap-tiap kes pecah kontrak seharusnya dinilai dan diteliti mengikut keadaan masing-masing sebelum ditentukan langkah-langkah yang perlu diambil terhadap pemaju yang berkenaan. Adalah mustahak untuk mewujudkan perspektif dalam masalah-masalah seperti ini supaya usaha-usaha yang menyeluruh dapat diambil untuk mengatasinya.

Dalam tahun 1978 Kementerian saya telah menerima 559 aduan dan 429 telah dapat diselesaikan. Yang lain merupakan pertanyaan-pertanyaan yang telah diberi jawapan yang sesuai. Dalam tahun 1979 Kementerian ini telah menerima 860 aduan dan setakat ini lebihkurang 500 aduan telah dapat diselesaikan.

Kementerian saya juga menerima aduan-aduan yang membayangkan kesalahan-kesalahan di bawah Akta Pemaju Perumahan dan Kaedah-kaedahnya yang dilakukan oleh pemaju-pemaju perumahan yang memerlukan tindakan undang-undang secara langsung diambil terhadap mereka oleh Kementerian saya, pihak BSN atau pihak polis. Siasatan bersama sedang dijalankan ke atas 19 syarikat pemaju kerana kemungkinan melanggar Akta Pemaju Perumahan dan Kaedah-kaedah di bawahnya. Bagaimanapun memandangkan bahawa Kementerian saya tidak mempunyai kuasa-kuasa yang luas kebanyakan kes-kes yang berkenaan telah dan akan diambilalih oleh pihak polis dan BSN.

TUNJUK PERASAAN OLEH PESAWAH DI ALOR SETAR

51. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan orang-orang yang ditahan secara formal di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri berkait dengan demonstrasi pesawah-pesawah yang berlaku di Alor Star pada bulan Januari tahun ini dengan memberikan nama-nama dan sebab-sebab secara individu mengapa mereka ditahan.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tidak ada sesiapa pun yang ditahan di bawah seksyen 8 (1) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 berkait dengan tunjuk perasaan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat.

CHIAN HENG KAI/CHAN KOK KIT (TAHANAN)—MESYUARAT ULANGKAJI

52. Tuan Lee Kaw minta Perdana Menteri menyatakan berapa kalikah Lembaga Penasihat telah bermesyuarat untuk mengkaji tahanan Y.B. Chian Heng Kai, Ahli Parlimen DAP Kawasan Batu Gajah dan Y.B. Chan Kok Kit, Ahli Parlimen, Kawasan Sungai Besi, beri tarikh-tarikh Lembaga tersebut telah bermesyuarat dan apakah perakuan-perakuan yang dibuat oleh Lembaga tersebut.

Tuan Shahrir bin Abdul Samad: Lembaga Penasihat sentiasa mengadakan mesyuarat bagi mengulangkaji kes tahanan Y.B. Tuan Chian Heng Kai, Ahli Parlimen Kawasan Batu Gajah dan juga kes tahanan Y.B. Tuan

Chan Kok Kit, Ahli Parlimen Kawasan Sungai Besi. Setakat ini, Lembaga Penasihat telah mengadakan sebanyak enam (6) kali mesyuarat bagi mengulangkaji kes tahanan Y.B. Tuan Chian Heng Kai.

Tarikh-tarikh mesyuarat itu adalah seperti berikut:

- Kali Pertama pada 14-4-77
- Kali Kedua pada 12-10-77
- Kali Ketiga pada 12-4-78
- Kali Keempat pada 13-10-78
- Kali Kelima pada 20-4-79 dan
- Kali Keenam pada 22-11-79.

Bagi Y.B. Tuan Chan Kok Kit, Lembaga Penasihat telah mengadakan sebanyak tujuh (7) kali mesyuarat bagi mengulangkaji kesnya.

Tarikh-tarikh mesyuarat itu adalah seperti berikut:

- Kali Pertama pada 5-4-77
- Kali Kedua pada 6-10-77
- Kali Ketiga pada 15-3-78
- Kali Keempat pada 17-11-78
- Kali Kelima pada 9-5-79
- Kali Keenam pada 22-11-79 dan
- Kali Ketujuh pada 14-5-80.

Perakuan-perakuan yang dibuat oleh Lembaga Penasihat adalah dikelaskan sebagai rahsia dan tidak boleh dimaklumkan kepada orang ramai.

ANGKATAN BELIA ISLAM (ABIM)— PENGGUNAAN PERKATAAN "ISLAM"

53. Tuan Haji Hashim bin Ghazali minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar kelulusan bagi Angkatan Belia Islam (ABIM) menggunakan perkataan Islam telah mengelirukan rakyat kerana sebahagian daripada pemimpinnya telah mencaci Kerajaan seperti mana perbuatan yang dibuat oleh sebahagian dari pemimpin-pemimpin PAS juga. Jika sedar, adakah beliau bercadang supaya perkataan *Islam* di dalam Angkatan Belia Islam Malaysia itu akan dibatalkan.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Pertubuhan ini menggunakan perkataan ISLAM dalam nama pertubuhannya semata-mata kerana ia adalah merupakan

suatu pertubuhan yang khas untuk menyatupadukan belia-belie Islam sahaja dan tidak terbuka keahliannya kepada belia-belie bukan Islam. Antara kegiatannya menjalankan dakwah Islamiah. Oleh itu penggunaan nama agama itu tidaklah mengelirukan.

Walau bagaimanapun, tindak-tanduk dan tafsiran yang dibuat oleh setengah-setengah pemimpin pertubuhan itulah yang telah menimbulkan keraguan dan kekeliruan di kalangan rakyat. Dalam perkara ini Kerajaan adalah sentiasa mengawasi perkara-perkara seperti ini dan tindakan yang sewajarnya akan diambil mengikut undang-undang jika tindak-tanduk pemimpin-pemimpin berkenaan bertentangan dengan undang-undang yang ada dan yang boleh menjejaskan ketenteraman awam serta keselamatan negara.

Oleh yang demikian, buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk membatalkan perkataan Islam dari digunakan oleh pertubuhan tersebut.

KENDERAAN MENGANGKUT MAYAT DARI HOSPITAL

54. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pada masa lampau kenderaan mengangkut mayat dari hospital ke rumah dan ke kubur telah disediakan oleh Kerajaan tetapi kini kemudahan ini tidak ada bagi kaum India dan China dan jika ia sedar bolehkah Kementerian beliau menimbang mengadakan semula kemudahan ini.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Kementerian Kesihatan memberikan perkhidmatan ini di hospital-hospital Kerajaan yang tertentu semata-mata di atas dasar-dasar peri-kemanusiaan kepada saudara mara dan rakan pesakit-pesakit yang mungkin meninggal dunia di hospital tersebut supaya mayat-mayat mereka boleh dibawa dari hospital-hospital ke rumah mereka. Kemudahan ini akan terus diadakan dan matlamat saya ialah untuk meluaskan lagi perkhidmatan ini ke beberapa hospital-hospital yang memerlukannya, sama ada untuk mayat orang-orang Islam ataupun yang bukan Islam.

Kereta mayat hospital-hospital tidaklah digunakan untuk menghantar mayat ke tempat-tempat pengkebumian. Ianya hendaklah terus menjadi tanggungjawab kaum keluarga dan sahabat-sahabat yang berkenaan.

Saya haruslah menegaskan bahawa Kementerian tidaklah menggunakan ambulans-ambulans untuk tujuan ini dan saya berharap orangramai akan faham mengapa demikian.

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

Peristiwa Mengamuk Askar-Polis di Johor Bahru

3.34 ptg.

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, saya di bawah Peraturan 18 (1) Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat untuk meminta kebenaran hendak mencadangkan supaya ditangguhkan Majlis Mesyuarat dengan tujuan merundingkan perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan.

Tuan Speaker, ini adalah merupakan satu perkara yang tertentu yang berkaitan dengan sekumpulan orang Askar Melayu Di Raja dari Kem Majidi, Johor Bahru, Johor yang tidak berpakaian uniform dengan lebihkurang 100 orang mengamuk di Jalan Siong Nam Johor Bharu pada jam 8.30 malam, 31hb Mei tahun ini. Dalam peristiwa yang mendukacita dan huruhara ini seorang Inspektor Polis dan tiga orang police personnel yang ditugaskan untuk menjaga ketenteraman awam ini telah dicolek ke Kem Majidi dan juga dua buah bas kilang serta empat buah teksi pun telah dipaksa dan dilarikan. Dalam pengamukan yang serius ini seorang Inspektor Polis dan dua orang kakitangannya telah luka dan dirawat di General Hospital Johor Bahru.

Tuan Speaker, memandangkan keseluruhan peristiwa yang serius ini ianya bukan sahaja berkaitan dengan kepentingan orang ramai tetapi juga berkaitan dengan kepentingan negara di mana terlibat ketenteraman awam, (law and order) imej dan disiplin pasukan keselamatan negara kita. Umpamanya pasukan polis yang bertanggungjawab untuk melindungi law and order ini pun dicolek dan dilukai oleh segelintir askar yang sebenarnya dipertanggungjawabkan untuk mempertahankan kedaulatan dan keselamatan harta benda dan nyawa rakyat Malaysia. Tindak-tanduk sekumpulan askar ini bukan sahaja telah mempermainkan-mainkan undang-undang di tangannya serta menjejaskan imej dan disiplin pasukan keselamatan negara kita

tetapi juga ianya telah merosakkan ketenteraman awam (law and order) serta keharmonian kehidupan negara kita, jika sekiranya perkara ini tidak dicegah daripada berlanjutan.

Tuan Speaker, memandangkan keadaan yang serius ini kerana ianya bukan sahaja pertama kalinya berlaku di negara kita, malangnya telah berkali-kali umpamanya peristiwa 2hb Mei, 1979 di Kota Melaka di mana Yang Berhormat Menteri Pertahanan sendiri pernah menjamin ianya tidak akan berlaku dan pasukan keselamatan kita akan didisiplinkan baik melalui suratnya sendiri kepada saya ataupun ucapannya di Dewan ini. Tetapi peristiwa 31hb Mei, 1980 ini di Johor Bahru telah mempertunjukkan betapa seriusnya perkembangan keadaan serupa ini. Maka perkara ini berkehendak disegerakan untuk Dewan yang mulia ini mempertimbangkan bahawa sama ada sebuah Jawatankuasa peringkat Dewan perlu ditubuhkan untuk menyasiat peristiwa-peristiwa ini dan bidang tugasnya bukan sahaja menyasiat tetapi juga merekomenkan cara menyelesaikannya serta langkah-langkah preventive perlu diambil untuk memastikan peristiwa yang akan merosakkan ketenteraman awam (law and order), imej dan disiplin ini tidak akan berlaku lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima usul ini daripada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan saya sudah juga seperti biasa mengadakan penyiasatan bagi hendak menentukan sama ada usul ini patut dikemukakan untuk dibahaskan atau ditolak. Dan saya dapati memang ada perkara ini berlaku. Tetapi perkara ini berlaku ialah di antara kumpulan manusia biasa dengan manusia biasa dan kebetulan pihak tentera yang di luar daripada masa bertugas. Jadi perkara ini memang tertentu dan ada berlaku sebagaimana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat.

Sama ada melibatkan kepentingan orang ramai seluruhnya atau tidak, ini boleh dibahaskan mengikut pandangan dan pendapat seseorang. Sebenarnya perkara ini hanya terlibat kepada orang yang berkenaan itu sahaja pada malam itu dan tidak melibatkan keseluruhan Pasukan Polis Di Raja ataupun Angkatan Tentera Di Raja.

Jadi kerana kepentingan orang ramai itu, saya tidak nampak melainkan orang yang terlibat dalam itu sahaja dan kejadian dalam peristiwa itu. Dan sama ada perkara ini patut

ditangguhkan Dewan ini bagi membincangkan perkara ini terus, saya nampak tidak ada langsung sebab-sebabnya hendak ditangguh, perkara ini sudah berlaku 31hb Mei, dan dalam siasatan saya, tindakan-tindakan atas perkara ini sudah dijalankan oleh kedua-dua pihak bagi menyasiat dan bila didapati mengikut hukuman yang wajar bagi kesalahan itu dan sudah pun ada satu majlis muhibbah akan diatur, dijalankan di Johor Bahru oleh pihak yang suka perkara ini tidak berpanjangan. Jadi saya tidak nampak perkara ini hendak disegerakan hingga ditangguhkan Dewan ini.

Saya berharap kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Peraturan Mesyuarat 18 ini betul-betul patut digunakan untuk perkara yang betul-betul tertentu bagi kepentingan orang ramai yang segera dibahaskan di dalam Dewan ini sehingga patut ditangguhkan, tetapi kalau hari-hari datang perkara penting 18, 18 ini jadi seolah-olah Ahli Yang Berhormat sudah menyalahgunakan peruntukan di dalam Peraturan Mesyuarat ini (*Tepuk*). Saya mengharap kepada semua pihak—semua Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini supaya tidak menyalahgunakan peraturan ini sehingga bukan sahaja membuang masa yang sia-sia bagi Dewan tetapi juga hanya menyalahgunakan ini tetapi ada mendapat faedah iaitu dapat publicity sahaja daripada mass media, itu sahaja. Jadi, saya tolak usul ini.

PENERANGAN Y.B. MENTERI PERTAHANAN

Peristiwa Pergaduhan di Johor Bahru

Tuan Yang di-Pertua: Saya telah diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan untuk membuat satu kenyataan di bawah Peraturan Mesyuarat 14 (i).

3.45 ptg.

Menteri Pertahanan (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin memberi penerangan mengenai perkara yang telah dikeluarkan di Dewan yang mulia ini yang mungkin dibesarkan daripada yang sepatutnya.

Saya merujuk kepada peristiwa yang berlaku di Johor Bahru pada 31hb Mei tahun ini yang membabitkan anggota Angkatan

Tentera yang tidak memakai pakaian seragam, anggota Polis yang juga tidak memakai pakaian seragam dan beberapa orang pemuda-pemuda awam yang disyaki sebagai gangster. Sungguhpun butir-butir mengenai peristiwa ini belum dapat ditentukan dengan jelas kerana perkara ini masih lagi dalam siasatan polis ianya tidaklah boleh dituduh (seperti yang telah dibuat oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka) sebagai “mengamuk” atau “mencolek” oleh suatu kumpulan anggota Askar Melayu Di Raja. Demikian juga peristiwa ini tidaklah boleh dianggap sebagai “mencetuskan huru-hara”. Mengikut siasatan awal yang telah saya buat, peristiwa tersebut hanya berlaku dalam masa beberapa ketika sahaja dan tidak menimbulkan keadaan tegang ataupun genting di kalangan masyarakat di Johor Bahru. Pergaduhan ini tidak menyebabkan kerosakan banyak harta benda atau menimbulkan unsur-unsur perkauman sama sekali. Sebenarnya tidak ada peristiwa apa-apa berlaku berikutan dengan peristiwa 31hb Mei itu dan keadaan di Johor Bahru aman seperti biasa.

Saya sebagai seorang daripada anggota Kerajaan memanglah sentiasa memerhati dengan berat supaya jangan berlaku sebarang keadaan yang boleh menimbulkan huru-hara atau merosakkan keamanan di mana-mana pun di Malaysia ini. Sambil itu saya sedar bahawa peristiwa *pergaduhan biasa* yang dikatakan oleh orang putih “fight or brawls”, mungkin berlaku bila-bila masa pun di manapun di Malaysia ini, baik pun di antara rakyat biasa ataupun yang membabitkan anggota Polis, anggota Angkatan Tentera sebagai warganegara yang biasa. Apakala satu peristiwa itu berlaku, tentulah sekali perbezaan di antara pergaduhan biasa semacam ini dan ancaman serius tidaklah boleh dilupakan, kalau kita ingin hendak mengelakkan tuduhan melampau-lampau daripada dilemparkan dengan sewenang-wenangnya. Sejauh yang saya dapat pastikan pada setakat ini, pergaduhan yang berlaku di Johor Bahru itu berupa pergaduhan biasa dan tidaklah patut dibesar-besarkan sehingga menjadi political issue di Dewan ini.

Saya rasa kurang senang apakala saya dengar cara-cara Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka menceritakan peristiwa di Johor Bahru itu, seolah-olah melaga-lagakan di antara pihak polis dan askar. Ahli Yang Berhormat itu tidak menyebut sama sekali dalam ucapannya bahawa punca pergaduhan ini ada kaitan dengan pertengkaran mengenai

seorang wanita—satu perkara yang biasa yang sering berlaku di mana-mana sahaja dan di kalangan mana-mana golongan rakyat pun.

Ahli Yang Berhormat itu tidak menyebut adanya satu pihak yang mencetus dan yang terbabit daripada mula-mulanya dalam peristiwa itu, iaitu sekumpulan pemuda-pemuda biasa yang terbabit dalam pertengkaran mengenai seorang wanita itu. Ahli Yang Berhormat juga tidak menyebutkan bahawa beberapa orang anggota polis yang terlibat di dalam peristiwa itu hanya datang kemudian untuk meleraikan pergaduhan itu dan tidak dari mula-mulanya sengaja mencari pergaduhan dengan askar. Malangnya pihak polis itu tidak berpakaian seragam dan dalam kekeliruan pergaduhan itu mungkin susah dikenal.

Saya juga hairan mengapa Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tidak menyebutkan bahawa askar-askar itu bertindak luar daripada masa mereka bertugas dan bukan sengaja mencari pergaduhan dengan pihak polis.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada masa untuk penjelasan.

Tuan Chan Teck Chan: Untuk penjelasan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti, bukan masa ini. Sila duduk!

Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud: Sebaliknya beliau menyebut dalam ucapannya “tindak-tanduk”. Kata-kata tindak-tanduk ada mempunyai banyak erti “pre-planned”. Saya petik kata Ahli Yang Berhormat itu, “Tindak-tanduk sekumpulan askar ini bukan sengaja boleh dipermainkan undang-undang di tangannya seperti menjejaskan imej dan disiplin Pasukan Keselamatan negara kita tetapi juga telah merosakkan ketenteraman awam (law and order) keharmonian kehidupan negara kita jika perkara ini tidak dicegah daripada berlanjutan”.

Sebelum Ahli Yang Berhormat itu boleh menentukan sama ada huru-hara telah timbul atau tidak di Johor Bahru beliau sudah pun tergesa-gesa membawa perkara ini ke Dewan yang mulia ini sebagai satu isu. Beliau tidak

sabar lagi menunggu laporan daripada pihak polis yang boleh menentukan apakah sebenarnya bentuk peristiwa ini: sama ada ianya akan menjadi ancaman kepada keamanan atau tidak tiada sesiapa pun ingin melihat pergaduhan berlaku dalam masyarakat kita ini. Dan sesiapa yang melanggar undang-undang dengan mengadakan pergaduhan, mestilah akan menghadapi akibatnya.

Mengenai peristiwa ini, penyiasatan telah pun mulai dibuat oleh pihak polis dan sedang dijalankan. Di antara mereka yang terbabit dalam pergaduhan ini yang didapati salah di bawah undang-undang negeri ini, tentulah akan dihukum mengikut undang-undang ini. Negara ini tidak mengenal perbezaan di antara mana-mana pihak pun dalam menjalankan undang-undang. Sesiapa yang bersalah di bawah mana-mana undang-undang sama ada ia seorang awam atau seorang anggota tentera ataupun polis, tentu sekali akan menerima akibatnya yang telah ditentukan oleh undang-undang kita. Bagi pihak tentera pula, mereka boleh juga mendapat hukuman tentera jikalau didapati salah di bawah undang-undang tentera.

Saya tidak dapat memberi jaminan bahawa saya boleh mengelakkan semua pergaduhan biasa daripada berlaku di kalangan anggota tentera kita, seperti juga saya tidak ada upaya untuk menjamin supaya pergaduhan biasa tidak berlaku di kalangan rakyat biasa. Tetapi, saya boleh memberi jaminan Kerajaan akan bertegas terhadap mana-mana pihak pun yang akan mencetuskan pergaduhan serius yang boleh mengancam keselamatan negara kita. Jikalau saya dapati seseorang tentera terbabit di dalam tindak-tanduk yang mengancam keselamatan negara, saya akan bertindak sekeras-kerasnya.

Tuan Chan Teck Chan: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang hendak apa?

Tuan Chan Teck Chan: Bolehkah saya dapat sedikit penjelasan, Tuan Speaker?

Tuan Yang di-Pertua: Penjelasan ini . . .

Tuan Chan Teck Chan:daripada

Tuan Yang di-Pertua: Nanti, sabar! Di bawah Peraturan Mesyuarat 35, seseorang tidak boleh bercakap dua kali melainkan

dalam Jawatankuasa atau hendak menjelaskan sesuatu yang sudah disalahfahamkan oleh sesuatu pihak.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Speaker, mengenai salah faham.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sekarang boleh.

Tuan Chan Teck Chan: Saya sebenarnya ada menyatakan hanya segelintir askar Melayu tidak beruniform, ertinya mereka tidak dalam waktu bertugas. Saya telah menyatakan kedudukan mereka yang sebenarnya. Kalau mereka tidak beruniform ertinya bukanlah mereka dalam waktu bertugas. Itu saya sudah nyatakan sangat jelas dalam perkataan yang saya gunakan.

Keduanya ialah kerana saya bukan sengaja menjadikan sebagai isu politik ialah kerana ada terlibat seorang Inspektor dan beberapa kakitangan-kakitangan.

Tuan Yang di-Pertua: Itu bukan salah faham, itu lain. Kalau ada yang salah daripada apa yang dicakapkan tadi.

Tuan Chan Teck Chan: Akhirnya, Tuan Speaker, jaminan mengenai tadi Yang Berhormat kata tidak boleh memberikan apa-apa jaminan tetapi pada mesyuarat Dewan yang lepas

Tuan Yang di-Pertua: Nanti! Inipun tak boleh. Seseorang tidak boleh bercakap dua kali melainkan dalam Jawatankuasa—satu. Yang kedua, untuk menerangkan kalau ada salah faham daripada yang dicakapkan itu atau yang ketiga, kerana ia mempunyai satu usul khas, on substantive motion, kalau tidak, tidak boleh bercakap melainkan ditukar peraturan.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PEMEGANG AMANAH RAYA (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pemegang Amanah Raya 1950; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh

Timbalan Menteri Undang-undang; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL UNTUK MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG AHLI PERSENDIRIAN

Rang Undang-undang Kod Peraturan Jenayah (Pindaan) 1980

3.53 ptg.

Tuan Karpal Singh (Jelutong): Tuan Speaker, saya bangun untuk meminta izin Dewan yang mulia ini menurut Perintah Tetap Mesyuarat 49 (1) untuk membentangkan satu Rang Undang-undang Ahli Perseendirian bernama Kod Peraturan Jenayah (Pindaan) 1980 yang berikut, dalam bahasa Inggeris jikalau saya boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Ini pada saya naskah Bahasa Malaysia, baca naskah Bahasa Malaysia, kalau tak ada Setiausaha boleh pinjamkan.

Tuan Karpal Singh: “Dalam perbicaraannya yang dituduh tanpa kebenaran Mahkamah tidak boleh mengemukakan keterangan untuk menyokong alasan “alibi” kecuali hanya jika ia telah memberi notis sebelum habis tempoh yang ditetapkan tentang butir-butir “alibi” tersebut.

Tuan Speaker, seksyen 402A Kod Peraturan Jenayah berbunyi, dalam bahasa Inggeris jikalau saya boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Itu tak apa, boleh!

Tuan Karpal Singh:

Section 402A—

- (1) Where in any criminal trial the accused seeks to put forward a defence of alibi, evidence in support thereof shall not be admitted unless the accused shall have given a notice in writing thereof to the Public Prosecutor at least ten days before the commencement of the trial.
- (2) The notice required by sub-section (1) shall include particulars of the place where the accused claims to have been at the time of the commission of the

offence with which he is charged, together with the names and addresses of any witnesses whom he intends to call for the purpose of establishing his alibi.

Adalah jelas, Tuan Yang di-Pertua, “defence of alibi” yang menurut undang-undang bererti seorang yang dituduh itu berkata ia tidak hadir di tempat di mana jenayah itu dikatakan telah berlaku tidak boleh dikemukakan kecuali si tuduh itu memberi notis secara bertulis 10 hari kepada Pendakwa Raya sebelum perbicaraan itu bermula dan ia berhajat membela diri atas alasan alibi dan beliau terpaksa menghantar nama-nama dan alamat saksi-saksi yang ia ingin memanggil untuk membuktikan alibi itu.

Tuan Speaker, jika seorang yang dituduh itu diwakili oleh seorang peguam maka notis terpaksa diberi 10 hari sebelum mulanya perbicaraan kerana si tuduh itu mempunyai seorang peguam untuk menasihatkannya tentang keperluan tersebut. Akan tetapi seorang yang dituduh yang tidak diwakili oleh seorang peguam akan menghadapi kesiksaan kerana mungkin beliau tidak tahu akan wujudnya seksyen 402A.

Adalah dikatakan bahawa “ignorance of the law is no excuse” tetapi hakikatnya ialah sebilangan besar orang-orang yang dituduh di mahkamah adalah orang-orang yang tidak diwakili oleh peguam. Ini bermakna seorang yang dituduh itu yang tidak mempunyai Peguambela tidak akan dapat mengemukakan defence of alibi jika beliau tidak mematuhi seksyen 402A. Mungkin beliau mempunyai satu alibi yang airtight disokong oleh saksi-saksi yang boleh dipercayai tetapi mahkamah-mahkamah tidak akan dapat menimbang defence of alibi si tuduh itu. Ini akan menyebabkan a miscarriage of justice.

Tuan Speaker, seksyen 402A telah dimasukkan ke dalam Kod Peraturan Jenayah pada 7hb Januari, 1976. Sebelum tarikh tersebut tidak ada apa-apa keperluan dalam undang-undang yang menghendaki seorang yang dituduh itu memberi notis kepada Pendakwa Raya. Si tuduh mungkin boleh kemukakan defence of alibi di saat-saat terakhir dan dengan membuat demikian perakuan pihak pendakwa. Malahan sebelum seksyen 402A itu dikuatkuasakan di mana defence of alibi tidak dibangkitkan oleh orang yang dituduh

itu semasa siasatan Polis, pihak Polis dikehendaki membuat siasatan untuk menentukan di mana beradanya si tuduh itu ketika kesalahan berkenaan dilakukan.

Tuan Speaker, saya bersetuju bahawa pihak pendakwa tidak seharusnya dikejutkan (caught by surprise). Pihak pendakwa sepatutnya diberi masa yang cukup untuk menyemak atau siasat alibi yang diberikan oleh orang-orang yang dituduh itu. Mungkin pihak pendakwa akan menerima alasan alibi dan dengan demikian akan menarik balik tuduhan tersebut.

Tujuan untuk memasukkan seksyen 402A itu adalah menasabah dan mempunyai tujuan-tujuan tertentu, akan tetapi apa yang menjadi masalah ialah seorang yang dituduh yang tidak mempunyai Peguambela mungkin akan mengalami a miscarriage of justice kerana beliau tidak sedar atau faham akan seksyen 402A.

Tuan Speaker, kita mesti menerima hakikat bahawa dalam masyarakat kita orang ramai masih tidak tahu tentang undang-undang malahan hakim-hakim dan peguam-peguam juga mungkin tidak tahu semua undang-undang yang wujud.

Pada masa ini mahkamah-mahkamah di negara kita tidak mempunyai budi bicara untuk membenarkan seorang yang dituduh masa yang lebih panjang untuk mengumpulkan defence of alibi jika beliau tidak memberi secara notis bertulis 10 hari sebelum perbicaraan kepada Pendakwa Raya. Jika sub-section yang dicadangkan itu dapat dimasukkan kepada seksyen 402A maka mahkamah akan mempunyai budi bicara untuk membenarkan masa yang lebih jika memberitahu tentang defence of alibi itu hendak dikemukakan dalam jangka waktu yang ditetapkan, iaitu 10 hari sebelum tarikh perbicaraan.

Peruntukan yang sama juga dalam seksyen 11, Akta Keadilan Jenayah 1967 di England di mana masyarakat England adalah lebih literate jika berbanding dengan Malaysia. Kita sepatutnya mengadakan peruntukan yang dicadangkan oleh saya itu demi kepentingan awam dan juga demi kepentingan keadilan.

Saya berharap Dewan yang mulia ini akan mengizinkan saya mencadangkan Rang Undang-undang tersebut. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Menteri.

4.00 *ptg.*

Menteri Undang-undang (Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, tentang usul Ahli Yang Berhormat supaya diadakan pindaan kepada seksyen 402A Kod Peraturan Jenayah, suka saya menyatakan bahawa peruntukan ini memang diadakan bagi membolehkan pihak-pihak yang bertanggungjawab yang menjalankan penyiasatan menyiasat sama ada keterangan dari segi alibi yang dikemukakan oleh pihak-pihak yang dituduh itu adakah betul ataupun tidak. Jadi tempoh sepuluh hari yang telah ditetapkan dalam undang-undang itu adalah masa yang sekurang-kurangnya patut yang diberi kepada pihak polis untuk menyiasat sama ada keterangan menyokong alasan alibi itu adakah betul ataupun tidak. Tetapi bagi pihak Pendakwa Raya bersetuju dikurangkan masa ini kepada masa yang agak singkat lagi, dua hari ataupun tiga hari adalah satu permohonan yang tidak menasabah dan kerana itu saya berpendapat Dewan ini elok menolak usul Yang Berhormat dari Jelutong itu. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemuka bagi diputuskan satu usul atas nama Yang Berhormat Tuan Karpal Singh yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini mengikut Peraturan Mesyuarat 49 (1), memberi kebenaran kepada Y.B. Karpal Singh untuk memperkenalkan satu Rang Undang-undang Ahli Persendirian yang bertajuk Rang Undang-undang Kod Peraturan Jenayah (Pindaan) 1980 bagi menambah kepada seksyen 402A Kod Peraturan Jenayah (F.M.S. Cap. 6) seksyen-kecil (3) seperti berikut:

“Dalam perbicaraannya yang dituduh tanpa beberapa kebenaran Mahkamah tidak boleh mengemukakan keterangan untuk menyokong alasan “alibi” kecuali hanya jika ia telah memberi notis sebelum habis tempoh yang ditetapkan tentang butir-butir “alibi” tersebut.”

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1979 DAN 1980)

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 4), 1979

DAN

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 1), 1980

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (12hb Jun, 1980).

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa)

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu Majlis ditangguhkan semalam Yang Berhormat Menteri dari Jabatan Perdana Menteri baru sahaja selesai mengemukakan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan bagi tahun 1979 dan juga Anggaran Tambahan Pertama bagi tahun 1980 dan sekarang Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua tahun 1979 iaitu B.2, B.4, B.7, B.8, B.9, B.11, B.14 dan Anggaran Tambahan Pertama tahun 1980 di bawah Belanja Mengurus B.4, B.8 sekarang terbuka untuk perbahasan.

Maksud B.2 B.4, B.7, B.8, B.9, B.11 dan B.14 (Jadual Pertama)—

Maksud B.4 dan B.8 (Jadual Kedua)—

4.03 ptg.

Tuan Mahyiddin bin Haji Mohamed Yassin (Pagoh): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang iaitu satu Akta yang dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (1979 dan 1980).

Di dalam ucapan saya, saya ingin menyentuh beberapa perkara yang diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri iaitu yang pertamanya berhubung dengan Maksud peruntukan B. 4 mengenai Suruhanjaya Pilihanraya di mana Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua tahun 1979 sebanyak \$1,423,500 diperlukan untuk diluluskan oleh Dewan yang mulia ini dan juga peruntukan Belanja Mengurus Tambahan Pertama bagi tahun 1980 sejumlah \$1,547,922 juga perlu diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Suruhanjaya Pilihanraya yang telah menjalankan tugasnya dengan cekap dalam usaha untuk melicinkan perjalanan pendaftaran pengundi dan memilih dan juga penyemakan pendaftaran pemilih-pemilih baru yang dijalankan tiap-tiap tahun. Saya yakin Suruhanjaya ini telahpun dapat menyempurnakan tugas dan tanggungjawab yang telahpun diserahkan kepadanya dengan penuh jujur dan rapi untuk memastikan melalui tugas dan peranannya demokrasi berparlimen akan dapat terus hidup subur dan memberikan perlindungan hidup kepada semua yang menjadi warganegara Malaysia tanpa mengira asal dan keturunan.

Ada terdapat suara-suara sumbang, Tuan Pengerusi, di kalangan segelintir golongan dan kumpulan-kumpulan tertentu khususnya di pihak Pembangkang yang mengatakan bahawa Suruhanjaya ini tidak berlaku adil di dalam beberapa perkara di dalam melaksanakan peranannya sebagai badan yang bebas. Anggapan ini adalah tidak tepat sama sekali.

Tuan Pengerusi, di dalam bidang ini suatu perkara yang ingin saya tekankan ialah tentang perlunya diberikan perhatian yang serius yang harus diberikan oleh segenap lapisan masyarakat dan juga Kerajaan terutama di kalangan orang-orang Melayu tentang adanya bukti-bukti yang menunjukkan bahawa sebahagian besar daripada generasi muda Melayu yang tidak memandang penting dan serius di atas soal mendaftarkan diri sebagai pengundi ataupun pemilih baru.

Baru-baru ini banyak kenyataan-kenyataan yang dapat kita dengar dari pemimpin-pemimpin Melayu dan juga bukan Melayu tentang perkara yang saya sebutkan ini yang dianggap sebagai suatu perkara yang berat. Walaupun diketahui ramai, ramai anak-anak muda dan belia Melayu telah sampai umur bagi membolehkan mereka ini diberikan hak

mendaftar sebagai pengundi terdapat ramai di kalangan mereka ini yang mempunyai sikap complacency ataupun hanya berpuas hati dan mengambil ringan di atas soal untuk mendaftarkan diri sebagai pengundi-pengundi sehingga terdapat ramai yang gagal untuk membuang undi ataupun untuk menjadi pengundi apabila pilihanraya-pilihanraya sama ada kecil ataupun besar dijalankan di negara kita. Sikap yang tidak memandang serius terhadap hak untuk mengundi ini adalah amat merugikan bukan sahaja ia merugikan kepada orang Melayu yang merupakan sebahagian besar daripada penduduk negara ini tetapi lebih lagi merugikan kepada segenap lapisan masyarakat dan negara umumnya.

Di dalam kenyataan-kenyataan yang kita dengar ada terdapat di kebanyakan tempat di dalam negara kita di mana walaupun ramai belia-belia Melayu yang telah sampai umur dan berhak untuk mendaftarkan diri sebagai pengundi tetapi apabila peluang ini dibuka melalui Suruhanjaya Pilihanraya untuk mendaftarkan diri sebagai pengundi, mereka ini telah tidak menampilkan diri mereka ke hadapan untuk berbuat demikian.

Ada terdapat di mana sepatutnya 100% per-tambahan bilangan orang-orang muda Melayu yang telah berhak untuk mendaftar mengundi tetapi apabila kerja-kerja pendaftaran ini dijalankan hanya di antara lima ataupun setingginya 10% sahaja daripada kalangan mereka yang mendaftarkan diri. Perkara inilah yang saya sebutkan tadi amat merugikan bukan sahaja kepada bangsa Melayu tetapi juga kepada negara. Penolakan hak untuk mendaftar walaupun ia diberikan sepenuhnya di dalam Perlembagaan kita adalah suatu penolakan tanggungjawab sebagai seorang warganegara yang mempunyai suara di dalam negaranya yang telah merdeka. Belia-belia Melayu khasnya perlulah memandang berat akan perkara ini dan juga mencontohi semangat yang diamalkan oleh kaum-kaum lain seperti orang-orang Tionghua dan India yang lebih bertanggungjawab dan menyedari akan hakikat hak pengundian bukan sahaja untuk menentukan ia dapat terus menyokong pemerintahan dan Kerajaan Barisan Nasional yang ada pada hari ini, tetapi juga kerana mereka menyedari nasib mereka telah dapat pembelaan yang sewajarnya daripada Kerajaan.

Kita memang memahami bahawa semua belia Melayu yang ada pada hari ini memberikan sokongan yang bulat kepada Kerajaan dan pasti mengetahui bahawa dasar yang ada pada hari ini telah dapat membela nasib bukan sahaja golongan bangsa Melayu tetapi juga kaum-kaum lain di negara ini. Sokongan ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak hanya dapat dipertahankan dengan hanya melalui kata-kata sahaja tanpa disertai dengan pengorbanan dan bukti iaitu deeds not words. Dan di dalam negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen, hak bersuara melalui pengundian dan pilihanraya adalah suatu yang sudah pasti dan tidak boleh ditolak ansur dan oleh yang demikian kesedaran di atas hak dan hakikat ini perlu hidup subur di dalam setiap dada mereka yang menjadi warganegara Malaysia lebih-lebih lagi di kalangan belia-belia Melayu. Kalau sekiranya belia-belia bukan Melayu yang yakin kepada Kerajaan hari ini dan menggunakan hak pemilihan sebagai cara yang unggul untuk menyuarakan sokongan mereka kepada Kerajaan, maka kita tidak lihat suatu sebab kenapa orang-orang Melayu, khasnya kalangan muda dapat tampil ke hadapan dengan rasa penuh tanggungjawab untuk mengamalkan semangat sebagaimana yang diamalkan oleh bangsa-bangsa lain. Kepada belia-belia dan orang-orang Melayu khususnya saya ingin dan suka menegaskan bahawa orang-orang Melayu perlu memberi sokongan yang tidak berbelah bagi kepada Kerajaan menerusi UMNO ataupun parti-parti komponennya dan orang Melayu perlu terus kekal menjadi tunjang kepada kekuatan politik negara bukan kerana ia mahu mengeksploitasi kepercayaan itu untuk semata-mata memperjuangkan nasib orang Melayu sahaja, tetapi kita penuh yakin dengan kekuatan politik Melayu itu akan memberi jaminan kestabilan politik, sosio-ekonomi negara untuk kebahagiaan dan faedah semua kaum. Pimpinan negara sekarang memberikan tempat yang wajar kepada semua kaum di samping melindungi hak-hak istimewa kaum bumiputra.

Pasti rakyat tidak dapat memberikan sokongan walau satu undipun kepada mana-mana pertubuhan politik lain seumpama DAP ataupun PAS yang menyarankan perubahan-perubahan radikal melalui revolusi dan tunjuk perasaan, sebagaimana suara lantang yang dikeluarkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling semalam. Sifat-sifat chauvinistic, extremist dan racialist yang diamalkan oleh setengah kumpulan parti-parti Pembangkang

itu akan hanya menimbulkan keadaan huru-hara dalam negara kita kalau ianya diamalkan. Di atas kesedaran inilah belia-belia, terutama orang-orang Melayu perlu lebih bertanggungjawab dan menggunakan hak hakiki mereka untuk bersuara sebagai pengundi dalam pilihanraya bagi mengekalkan Kerajaan yang adil dan bijaksana yang ada pada hari ini.

Oleh yang demikian, saya ingin membuat beberapa cadangan. Yang pertama segenap dan seluruh pertubuhan-pertubuhan sama ada orang Melayu ataupun bukan Melayu dan juga persatuan-persatuan sukarela dan badan-badan sukarela yang lain mengambil daya utama untuk menyedarkan kalagan belia-belia Melayu tentang tugas dan tanggungjawab mereka untuk mendaftarkan diri sebagai pemilih apabila telah sampai umurnya untuk berbuat demikian. Rancangan-rancangan yang intensif dan teratur perlu disusun untuk menghasilkan matlamat ini.

Kedua, Suruhanjaya Pilihanraya perlu juga mengkaji semula cara pendaftaran pemilih dan penyemakan daftar pemilih dijalankan untuk ia lebih memberikan kesan lagi. Cara pendaftaran yang dijalankan semasa yang lalu umpamanya dengan menunggu mereka yang ingin mendaftar datang ke balai raya adalah tidak berkesan. Pembanci-pembanci dan pegawai-pegawai pendaftar perlu diarah untuk keluar dan menyongsong ke rumah-rumah mereka yang boleh mendaftarkan diri sebagai pengundi. Saya juga ingin mencadangkan supaya Suruhanjaya Pilihanraya menjalankan kajian kasar sebelum penyemakan dan pendaftaran pengundi baru dijalankan setiap masa untuk selama sekurang-kurangnya seminggu sebelum sesuatu pendaftaran itu dijalankan guna memberi pandangan dan perhatian kepada mereka yang terlibat dengan kerja-kerja ini mana-mana yang patut diberikan tumpuan dan perhatian yang lebih.

Keempat, bilangan penyelia, pembanci dan pendaftar-pendaftar yang berpengalaman perlu ditambah dan juga sistem penyeliaan yang lebih tersusun dan rapi perlu diadakan. Saya juga ingin mencadangkan supaya apabila sesuatu pemilihan ataupun pendaftaran pengundi dijalankan pada sesuatu masa, Penyelia Pilihanraya di peringkat Negeri-negeri hendaklah diarahkan untuk mengadakan bilik gerakan pendaftaran pengundi ataupun pemilih-pemilih baru supaya dengan

cara itu mereka dapat meneliti secara terperinci dan pada setiap hari pendaftaran itu dijalankan untuk dapat mengikuti perkembangan kerja-kerja yang dijalankan oleh pembanci-pembanci dan sebagainya. Dan juga dengan cara itu mereka akan dapat mengeluarkan arahan-arahan yang tertentu di tempat-tempat yang tertentu untuk menjalankan suatu approach yang lebih intensif.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, ialah tentang maksud B. 8—Jabatan Perdana Menteri khasnya di bawah Butiran (Kod) (61). Menyediakan kemudahan-kemudahan dan Bantuan-bantuan bagi peniaga-peniaga kecil di mana wang sejumlah \$18,250,000 diperlukan untuk diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Jabatan Perdana Menteri kerana telah memberikan perhatian yang amat berat kepada usaha-usaha untuk menambahkan kemudahan-kemudahan dan bantuan kepada peniaga-peniaga kecil, khasnya kaum bumiputra. Tetapi Tuan Pengerusi, saya ingin memberikan beberapa perhatian dan pandangan tentang cara-cara bantuan-bantuan itu dikeluarkan dan dikelolakan. Sebagaimana kita tahu peruntukan bagi menyediakan kemudahan-kemudahan dan bantuan-bantuan bagi peniaga kecil itu adalah disalurkan melalui Pejabat Kemajuan Negeri yang ada di negeri masing-masing, tetapi apa yang saya dapati setakat ini cara-cara pelaksanaan dan juga pengelolan wang itu tidak begitu licin dan lancar.

Pertama perlu diadakan suatu sistem yang lebih rapi dan lebih teratur supaya diadakan suatu rancangan induk di peringkat Negeri dan diletakkan di bawah kuasa Pegawai Kemajuan Negeri untuk membuat penelitian dan kajian yang lanjut di seluruh kawasan-kawasan dan daerah-daerah di dalam sesebuah negeri di mana jawatankuasa itu yang telahpun ditugaskan untuk membuat kajian itu boleh mengambil kira perkara-perkara yang penting seumpama untuk mencari tempat-tempat yang sesuai di kawasan-kawasan dan daerah-daerah untuk dibina kedai-kedai ataupun gerai-gerai dan tapak-tapak perniagaan untuk bumiputra. Melalui Jawatankuasa ini dan diselaraskan dengan Yunit Perancangan Ekonomi yang telahpun ditubuhkan di peringkat negeri-negeri, mereka juga boleh menyusun satu rancangan latihan yang intensif sebelum kaum-kaum peniaga itu ditempatkan di dalam gerai-gerai yang

telahpun dibina di bawah peruntukan ini, dan perlu juga diadakan suatu skim songsonian (follow-up) terhadap usaha-usaha menempatkan bumiputra di dalam tempat-tempat yang telahpun disediakan oleh Kerajaan itu.

Suatu perkara yang menjadi masalah yang dihadapi oleh pentadbiran daerah ialah tentang masalah tanah dan tapak bagi mengadakan gerai-gerai dan kedai-kedai untuk bumiputra ini. Sebagaimana yang kita ketahui dalam bandar-bandar besar dan pekan-pekan besar biasanya tanah-tanah tidak lagi dimiliki oleh Kerajaan bahkan dimiliki oleh orang-orang perseorangan ataupun oleh pihak swasta dan untuk menempatkan bumiputra di dalam bandar-bandar Kerajaan perlulah membuat kajian yang teliti sebab kita tidak mahu bumiputra ditempatkan di dalam gerai-gerai, tetapi dibina di luar daripada kawasan-kawasan yang penting dan strategik di bandar-bandar dan luar-luar bandar. Oleh yang demikian, apa yang saya ketahui setakat ini peruntukannya telahpun disediakan di bawah Kepala B. 8 ini tidak boleh digunakan untuk membeli ataupun mengambil balik tanah. Perkara ini perlulah dikaji semula oleh Jabatan Perdana Menteri untuk membolehkan peruntukan ini bukan sahaja digunakan bagi membina gerai-gerai tetapi juga untuk membeli ataupun mengambil balik tanah-tanah yang penting dan strategik di dalam kawasan-kawasan bandar dan sebahagian besar daripada peruntukan itu perlulah diperuntukkan daripada projek ini.

Satu perkara lagi yang sabit dengan hal ini ialah bahawa setakat ini apa yang dimaklumkan kepada kita peruntukan ini hanya boleh digunakan bagi membina gerai-gerai yang berbentuk "lock-up shop", kedai-kedai yang dibuka di sebelah pagi dan ditutup di sebelah petang dan dibuka sebelah paginya dan sebagainya, dan tidak merupakan satu tempat perniagaan yang boleh dikatakan dapat digunakan sepenuhnya ataupun bilabla masa. Saya percaya rancangan ini perlu dikaji semula bahawa bumiputra bukan sahaja perlu tetapi kedai-kedai yang lebih sempurna di atas kawasan-kawasan yang lebih luas supaya mereka dapat menjalankan perniagaan mereka dengan lebih teratur dan lebih menguntungkan lagi. Juga perlulah dikaji bentuk-bentuk bangunan-bangunan yang disediakan dan juga kemudahan-kemudahan yang lain bagi membantu peniaga-

peniaga kecil ini seperti mengadakan kemudahan api dan air yang lengkap dengan pondok telefon untuk kemudahan perhubungan, tempat buang sampah dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya ingin mengucapkan sekali lagi sebanyak terima kasih kepada Jabatan Perdana Menteri di atas peruntukan yang telahpun disediakan itu dan berharap cadangan-cadangan yang telahpun saya kemukakan akan diambil perhatian untuk dipraktikkan dan sekali lagi saya menyokong akan Rang Undang-undang ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat daripada Bukit Mertajam.

4.25 ptg.

Tuan Seow Hun Khim (Bukit Mertajam): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua Tahun 1979, Maksud B. 4 mengenai Suruhanjaya Pilihanraya.

Tuan Pengerusi, adalah sangat-sangat mustahak kita mempunyai sebuah Suruhanjaya Pilihanraya yang bebas dan tidak berat sebelah jika kita hendakkan pilihanraya dan proses demokrasi di negara ini adil dan saksama. Umpamanya Suruhanjaya Pilihanraya hendaklah bebas menjalankan tugas-tugas perlembagaannya tanpa sebarang ketakutan atau campurtangan parti-partai pemerintah.

Salah satu tugas penting Suruhanjaya Pilihanraya ialah untuk membataskan sempadan-sempadan kawasan pilihanraya. Sungguhpun urusan menjalankan pembatasan kawasan-kawasan pilihanraya tidak akan bermula sebelum 1982 kerana urusan menjalankan pembatasan yang terakhir sekali telahpun dijalankan pada tahun 1974, pemimpin-pemimpin UMNO dan Menteri-menteri telahpun mula berkata bahawa Wilayah Persekutuan dan Negeri Kelantan akan mempunyai lebih banyak lagi kerusi-kerusi Parlimen.

Ini jelas membuktikan bahawa parti-partai pemerintah sedang predetermine urusan pembatasan kawasan-kawasan pilihanraya dalam urusan pembatasan kawasan-kawasan pilihanraya akan datang, dan ini bermakna merupakan satu arahan kepada Suruhanjaya Pilihanraya.

Amalan seperti ini harus dikutuk dan saya menyeru Kerajaan supaya menghormati dengan sepenuhnya otonomi dan kebebasan Suruhanjaya Pilihanraya supaya memastikan Suruhanjaya Pilihanraya dapat menjalankan tugas-tugas perlembagaannya tanpa menakuti sesiapa demi mempertahankan proses demokrasi.

Saya ingin juga

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sebelum menyambung tolong duduk dahulu, Mengikut daripada Maksud B. 4—Suruhanjaya Pilihanraya. Soal-soal yang dikemukakan dalam Anggaran Perbekalan Tambahan ini ialah Gaji dan Upahan, Pendaftaran Tahunan Pemilih dan Penyemakan Daftar-daftar Pemilih, Perjalanan Pilihanraya dan kemudian Elaun dan lain-lain habuan Wang dan Tambahan Kos Kakitangan. Kalau boleh Yang Berhormat tumpukan kepada itu.

Tuan Seow Hun Khim: Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh B. 4—Suruhanjaya Pilihanraya—Butiran (Kod) 1100—Gaji dan Upahan—Aktiviti (2) Pendaftaran Tahunan Pemilih dan Penyemakan Daftar-daftar Pemilih (a) Semenanjung Malaysia.

Prinsip yang harus diikuti dalam urusan pendaftaran pemilih-pemilih ialah untuk menentukan setiap bakal pemilih didaftarkan supaya beliau dapat mengambil bahagian dalam memupuk bukan sahaja proses demokrasi bahkan juga dalam menentukan masa depan negara.

Sungguh malangnya, urusan pendaftaran pemilih-pemilih yang dijalankan setakat ini telah gagal dalam objektif ini kerana sebilangan besar bakal pemilih-pemilih yang hendak mendaftarkan diri sebagai pemilih-pemilih tetapi tidak dapat membuat demikian.

Saya difahamkan pada tahun ini, Suruhanjaya Pilihanraya akan mengadakan satu sistem pendaftaran yang baru dengan mengadakan unit-unit pendaftaran yang bergerak.

Ucapan Dr Mohd. Nor bertajuk “Apa akan terjadi jika matlamat Dasar Ekonomi Baru tidak tercapai di dalam tahun 1990” yang dilafazkan di Konvensyen UMNO Negeri Melaka tidak kurang daripada menghasut communalism dan chauvinism dan haruslah dikutuk sama sekali supaya pegawai-pegawai

Kerajaan yang lain tidak akan mengikut jejak langkahnya itu. Dalam pada ini, saya menyeru Kerajaan mengambil tindakan tatatertib terhadap Dr Mohd. Nor supaya menunjukkan bahawa pegawai-pegawai Kerajaan bukan sahaja tidak berpartisan dalam parti politik tetapi juga akan menjadi an example of racial moderation.

Saya juga ingin sentuh Maksud B. 8 Butiran (Kod) 2500 mengenai Rukun Tetangga. Amalan yang dilakukan oleh pegawai-pegawai Rukan Tetangga di mana mereka mengejutkan orang-orang yang sedang tidur waktu malam hendaklah dikecam kerana ia menyebabkan commotion dan disorder.

Skim Rukun Tetangga telah hilang segala untuk mana ia diadakan maknanya dan kini dianggap sebagai a great nuisance. Saya dengan seriusnya menyeru Kerajaan supaya menimbang membatalkan sistem Rukun Tetangga sama sekali.

Menurut Kertas Perintah 20 Tahun 1980 muka surat 13, sebanyak \$327,000 dikehendaki untuk membayar elaun sementara bagi anggota-anggota RELA yang bertugas untuk mengawal pendatang-pendatang haram Vietnam

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, kalau dilihat dalam Maksud B. 8 berkenaan dengan Rukun Tetangga, Butiran (Kod) 2200 itu menyebut berkenaan dengan soal Urusetia Rukun Tetangga. Kalau Yang Berhormat menyentuh Butiran 2500 itu adalah berkenaan Sewaan; Butiran 2200 berkenaan Pengangkutan Barang-barang. Jadi tidak usahlah Yang Berhormat tumpukan kepada dasar, tumpukan kepada belanjawan.

Tuan Seow Hun Khim: Terima kasih. Pendatang-pendatang haram Vietnam di pusat-pusat tahanan di Kelantan, Trengganu, Pahang dan Johor dan pengawalan kapal Hai Hong.

Saya ingin bertanya Menteri yang berkenaan nyatakan butir-butir dalam anggaran perbelanjaan tambahan ini yang bersangkutan dengan angka \$327,000 ini kerana saya dapati angka tersebut adalah tersibar di merata tempat dalam Kertas Perintah tersebut.

Saya ingin menitikberatkan satu point di sini dan itu ialah untuk menyeru Kerajaan memandang masalah pelarian khususnya

sebagai satu masalah keperimanasian dan bukan memandang masalah tersebut dari kacamata yang lain. Saya teringat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah berkata sekali lagi bahawa pelarian-pelarian Vietnam tidak boleh menetap di sini kerana menurutnya "not to upset the ethnic equation". Jika begitu, saya menggesa Kerajaan supaya ethnic equation tidak harus diterbalikkan dan jika pelarian-pelarian tertentu dibenarkan menetap di Malaysia, maka pertimbangan-pertimbangan hendaklah dibuat semata-mata atas sebab-sebab perikemanusiaan dan bukan atas sebab-sebab ugama atau perkauman.

Tuan Pengerusi, saya ingin sentuh Maksud B. 9, Jabatan Perkhidmatan Awam, Butiran (Kod) 4100 mengenai Kemajuan Kerjaya di mana S1½ juta di kehendaki untuk menampung kenaikan kos yuran pengajian bagi penuntut-penuntut Malaysia di United Kingdom.

Menurut angka-angka yang diberikan sendiri oleh Kerajaan, biasiswa-biasiswa Persekutuan yang diberikan kepada penuntut-penuntut bukan Melayu untuk melanjutkan pelajaran tinggi di seberang laut tidak sampai 10%. Ini adalah sangat tidak adil dan parti DAP menyeru Kerajaan untuk membetulkan keadaan ini tanpa mengurangkan satu biasiswa pun yang diberikan kepada pelajar-pelajar Melayu dengan menggandakan dua kali biasiswa-biasiswa yang diberikan kepada anak-anak bukan Melayu semasa tempoh Rancangan Malaysia Keempat dari 1980-1985 supaya mereka dapat melanjutkan pelajaran tinggi mereka di luar negeri.

Saya mahu bercakap sedikit lagi tentang Maksud B. 4 Suruhanjaya Pilihanraya mengenai pendaftaran tahunan pemilih-pemilih. Dalam mesyuarat UMNO Wilayah Persekutuan, Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn yang juga adalah Pengerusi UMNO di Wilayah Persekutuan telah dilaporkan sebagai berkata bahawa ahli-ahli UMNO akan dipilih untuk menjadi pegawai-pegawai pendaftaran semasa urusan pendaftaran pemilih-pemilih dijalankan pada tahun ini. Saya ingin bertanya mengapa terdapat diskriminasi semacam ini terhadap parti-parti Pembangkang dalam satu urusan pendaftaran pemilih-pemilih?

Saya mencadangkan Suruhanjaya Pilihanraya harus membenarkan parti-parti politik membantu dalam urusan pendaftaran pemilih-pemilih dengan memberikan mereka borang-

borang yang perlu dan selepas satu taklimat diberikan oleh pegawai-pegawai Suruhanjaya Pilihanraya kepada mereka.

Sistem pendaftaran pemilih yang sedia ada adalah kurang cekap dan Parti DAP menyeru Suruhanjaya Pilihanraya memberi perhatian yang dalam dan serius terhadap idea mengenalkan sistem pendaftaran automatik di mana terdapat kemudahan-kemudahan yang akan membenarkan pendaftaran automatik dijalankan di sepanjang tahun umpamanya, kemudahan-kemudahan tersebut boleh diadakan di pejabat-pejabat pos di mana seorang yang sudahpun meningkat umur 21 tahun boleh mendaftarkan diri dan pejabat-pejabat pos boleh menghantar borang-borang yang sudahpun diisi itu kepada Suruhanjaya Pilihanraya. Untuk merangka satu sistem pendaftaran pemilih yang memuaskan tidak memerlukan bakat atau ingenuity yang besar dan Suruhanjaya Pilihanraya hendaklah memberi perhatian yang serius terhadap cadangan ini.

Akhirnya, saya menggesa Kerajaan mengenalkan hak mengundi kepada semua rakyat Malaysia yang berumur di antara 18 hingga 21 tahun sepertimana dilakukan di negara-negara lain. Kerana jika pemuda-pemuda kita yang berumur di antara 18 hingga 21 tahun diharapkan membawa senjata untuk mempertahankan serta juga mengorbankan diri mereka untuk tanahair. Jika mereka boleh diharapkan berbuat demikian, maka mereka harus juga hendaklah diberi hak untuk menentukan masa depan negara serta juga masa depan diri mereka sendiri.

Sebelum saya tamatkan ucapan saya, ingin saya bertanya Suruhanjaya Pilihanraya mengapakah Laporan Suruhanjaya Pilihanraya mengenai Pilihanraya Umum 1978 masih belum diterbitkan lagi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kinabatangan.

4.42 ptg.

Tuan Abdul Ghani bin Misbah (Kinabatangan): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan bagi 1979 dan 1980. Di dalam menyatakan sokongan saya terhadap Rang Undang-undang ini sukalah saya untuk mengemukakan beberapa cadangan berkenaan dengan yang melibatkan

beberapa Kementerian yang tertentu. Pertama sekali iaitu Maksud B. 65 Kementerian Kerajaan dan Kemudahan Awam.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat masa sekarang ini kita sedang berbahas berkenaan dengan Jabatan Perdana Menteri B.2 sampai B. 14 bagi tahun 1979 dan B. 4 sampai B. 8 bagi tahun 1980. B. 65 belum datang lagi.

Tuan Abdul Ghani bin Misbah: Kalau begitu saya tangguhkan dahulu.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

4.44 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: (Pasir Puteh): Tuan Pengerusi, dalam menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini, saya suka memulakan ucapan saya di dalam B. 7—Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran. Sebenarnya, kuasa pentadbiran dan kuasa-kuasa yang diberi kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran ini kita tidak dapat menafikan dalam peraturan yang ada, sebagai sebuah badan yang bebas. Tetapi di dalam menjalankan tanggungjawab oleh kerana Suruhanjaya ini di bawah satu Kerajaan berpolitik, Kerajaan Barisan Nasional, maka pandangan dari orang-orang politik adalah perlu diambil kira, terutama orang-orang politik daripada Barisan Nasional.

Tuan Pengerusi, saya cuba hendak menyentuh soal temuduga yang dijalankan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran kepada guru-guru Kerajaan yang melanjutkan pelajaran di universiti-universiti untuk mendapat perpindahan kategori C1 atau C2 kepada D1. Sebagaimana yang kita tahu jawapan yang diberi oleh pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran sekiranya guru ini gagal untuk mendapat D1 dengan mengatakan prestasi temuduga guru tersebut tidak memuaskan maka guru tersebut tidak diberi hak bagi mendapat D1. Tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian guru tersebut telahpun berkhidmat dengan Kerajaan hampir 10 tahun dan guru tersebut telahpun berjawatan tetap dan berpencen dan guru tersebut telahpun mendapat kelulusan separuh gaji yang diluluskan oleh pihak Kementerian Pelajaran dan guru tersebut

telahpun mengambil pelajaran yang dikhaskan atau yang telah diluluskan pengkhususannya oleh pihak Kementerian Pelajaran. Tetapi malangnya guru ini tidak diberi kelulusan dengan alasan prestasinya kurang dan tidak sepatutnya semasa temuduga. Kalaulah sekiranya guru ini tidak berkecayuan bagaimana guru ini telah berkhidmat hampir 10 tahun di dalam perkhidmatan Kerajaan dan guru ini tetap sebagai guru Kerajaan hanya untuk perpindahan di antara kategori C1 atau C2 kepada D1 dan yang paling malang sekali guru ini tidak diberi pelepasan supaya guru ini boleh dilepaskan daripada perkhidmatan perguruan kerana kita tahu perkhidmatan perguruan bukan merupakan perkhidmatan yang paling menarik dalam perkhidmatan yang ada tetapi malangnya tidak diberi pelepasan kepada guru ini untuk meninggalkan jawatannya dengan mengatakan silalah guru tersebut membuat permohonan pada masa akan datang. Yang paling malang sekali guru yang berkhidmat hampir 10 tahun ini gagal mendapat kategori D1 menerima gaji yang paling rendah, lebih rendah daripada seorang guru baru, seorang guru baru yang baru kelepasan universiti. Lebih rendah daripada guru attachment, kerana guru ini diberi gaji lama semasa dia C1 atau C2. Inilah yang paling menyedihkan kita dan guru ini selalunya akan ketinggalan beberapa tahun sebelum dilantik kepada D1.

Jadi saya rasa, oleh kerana peraturan yang ada dan kita tidak menyangkal kuasa-kuasa yang diberi kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran tetapi dari segi kemanusiaan, dari segi kelayakan, dari segi sepatutnya kerana perkhidmatannya yang lama maka prestasinya hanya dengan alasan prestasi semasa temuduga maka ini alasan sebagai seorang politik tidak boleh menerima alasan yang diberi oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran.

Oleh itu, saya meminta kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran supaya menimbang semula di dalam temuduganya supaya guru-guru seperti ini diberi tempat dan haknya yang sewajarnya kerana guru ini telahpun diluluskan oleh pihak Kementerian untuk melanjutkan pelajaran dalam pelajaran yang telah diberi pengkhususan yang khas. Inilah yang menyedihkan saya dan saya berharap pihak yang bertanggungjawab dalam pentadbiran Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran ini akan memberi pengadilan atau pertimbangan yang sewajarnya kepada guru-guru

seperti ini supaya kita tidak akan mengecewakan segolongan pegawai Kerajaan, guru ini merupakan pegawai Kerajaan yang telah berkhidmat dan telah menerima pencen, telah disahkan dalam jawatannya tetapi dikecewakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran untuk mendapat D1. Dan pemergian guru-guru ini ke universiti adalah merupakan satu pengorbanan kepada keluarga, kepada kehidupannya yang baru hendak memulakan penghidupan baru setelah guru ini lepas daripada universiti. Jadi pertimbangan yang sewajarnya sekali lagi saya berharap pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran memberikan pertimbangan yang saksama.

Selain daripada itu, saya suka menyentuh kepada Suruhanjaya Pilihanraya. Saya akan menyentuh dalam Butiran (Kod) 1200: (3)—Perjalanan Pilihanraya. Nampaknya satu pihak tidak begitu senang hati dan masih lagi menuduh tentang adil dan tidak saksamanya Suruhanjaya Pilihanraya ini dan masih meragui tentang campur tangan parti pemerintah di dalam perjalanan pilihanraya. Saya rasa tuduhan ini adalah tuduhan yang tidak bertanggungjawab dari pihak Pembangkang yang membayangkan kekecewaan golongan ini terhadap sesuatu perkara yang tidak dapat dicapainya. Saya berani menegaskan di sini sekiranya Suruhanjaya ini tidak menjalankan keadilan dan tidak menjalankan pertimbangan yang saksama terhadap perjalanan pilihanraya-pilihanraya dalam negara ini kita tidak akan dapat melihat beberapa muka Pembangkang yang ada di dalam Dewan ini. Ini menyatakan bukti yang Kerajaan kita telah menjalankan keadilan, dan campur tangan pemerintah yang diragukan oleh pihak Pembangkang, saya rasa tidak payah diungkit-ungkit di dalam Dewan ini kerana pemerintah merupakan haknya yang mutlak untuk menentukan kedudukan pegawai-pegawai pilihanraya. Kalau sekiranya pegawai pilihanraya itu memberatkan kepada Pembangkang, maka Pembangkang juga tidak akan berpuas hati kerana ini adalah matlamat dan perasaan dari pihak Pembangkang. Dan ungkitan daripada pemecahan kawasan pilihanraya juga merupakan satu ungkitan dan juga kebimbangan serta tuduhan, serta juga perkara yang takut-takut berlaku dan tuduhan dan juga kebimbangan ini patut dikutip kerana mereka ini adalah merupakan satu kebimbangan yang belum lagi pihak berkenaan melahirkan keadaan ini cuma satu kebimbangan. Kalau kebimbangan seperti ini

dilahirkan maka kita bumiputra banyak kebimbangan di dalam negara ini. Begitu jugalah kebimbangan, saya akan menyentuh . . .

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, saya benarkan tadi berkenaan dengan sedikit dasar disentuh di dalam Perjalanan Pilihanraya. Tetapi sebenarnya di dalam perkara Aktiviti 1100, Maksud B. 4 itu ialah Perjalanan Pilihanraya dari segi perbelanjaan. Tolong tumpukan kepada itu.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Ya, terima kasih, Tuan Pengerusi. Jadi pihak ini masih ragu-ragu tentang proses demokrasi dan saya rasa pihak berkenaan akan menuju mencari demokrasi yang lain, yang lain daripada negara ini.

Tuan Pengerusi, saya juga menyentuh di dalam pilihanraya ini tentang pendaftaran tahunan pemilih dan penyemakan daftar pemilih. Jadi jikalau sekiranya Perdana Menteri sebagai seorang UMNO, Perdana Menteri sekarang bukan daripada DAP maka apa yang dicakapnya dan yang dipercayainya ialah kepada orang-orang UMNO. Jadi, kalau pihak berkenaan percaya kepada orang UMNO maka sepatutnya dalam menjalankan pendaftaran pengundian ini adalah diberi tanggungjawab kepada pegawai-pegawai atau orang-orang UMNO tetapi pihak berkenaan tidak akan percaya dan memang takut, pihak Kerajaan memang tidak percaya dan takut kepada pihak Pembangkang untuk menjadi ejennya di dalam segala segi demi untuk keselamatan ataupun demi untuk menentukan pembetulan atau menentukan keluhuran perjalanan di dalam sesuatu pendaftaran pemilih. Dengan sebab itulah kita tidak ragu-ragu lagi bahawa orang UMNO tidak pernah mengecewakan hasrat Kerajaan dalam negara ini dan orang UMNO tidak pernah melambatkan matlamat pihak Kerajaan untuk mencapai sesuatu dalam negara ini.

Jadi, kepercayaan Pengerusi UMNO Wilayah dan juga Perdana Menteri adalah patut disokong dan saya menyanjung tinggi kenyataan ini bahawa untuk menubuh atau untuk menegakkan negara ini kepercayaan yang penuh kepada orang-orang UMNO di dalam segala segi perkhidmatan dan jawatan atau kerja adalah diberi, kalau tidak kehancuran akan berlaku.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu juga negara berpolitik tidak dapat lari daripada orang-orang yang berparti. Jikalau sekiranya

pegawai-pegawai Kerajaan ada yang daripada golongan UMNO maka ini adalah secara kebetulan dan tanggungjawab yang lebih patut diberi kepada orang ini.

Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh di dalam B. 8 iaitu Jabatan Perdana Menteri.

Saya suka menyebut sedikit di dalam Butiran (Kod) 1200: (4) iaitu Keselamatan Negara. Mengikut kenyataan yang diberi oleh Dr Mohd. Nor bahawa apa akan terjadi jikalau sekiranya Dasar Ekonomi Baru tidak tercapai? Inilah yang ditakut-takut oleh DAP. Mereka ini adalah pesimis ataupun cenderung kepada kegagalan maka mereka takut Dasar Ekonomi Baru gagal. Jadi, saya juga berani menyatakan di dalam Dewan ini apa akan terjadi kepada negara ini kalau dasar dan matlamat Dasar Ekonomi Baru tidak akan tercapai. Lebih-lebih penting lagi jangan cuba menghalang kaum bumiputra di dalam mendapat hak-haknya di dalam Dasar Ekonomi Baru. Golongan yang cuba menyebut sesuatu perkara yang telah mereka nikmati selama ini, golongan yang cuba menimbulkan satu perkara yang telah dinikmati oleh satu golongan dalam negara ini selama ini masih dibangkit-bangkitkan di dalam Dewan ini maka selama itu golongan bumiputra tidak akan membenarkan perkara itu akan berlaku. Maka kenyataan Dr Mohd. Nor itu patut dipuji dan saya sebagai golongan bumiputra patut berpegang teguh bahawa apa yang akan terjadi kepada negara ini dan kepada golongan yang cuba hendak menghalang kepada tercapainya Dasar Ekonomi Baru dalam negara ini.

Jadi, sebagai mengakhiri ucapan saya, saya tidak akan menyentuh banyak lagi perkara-perkara yang dibangkit di dalam ini, kerana tidak ada perkara-perkara yang penting tetapi walau macam manapun saya berharap di dalam apa kenyataan yang dibuat di dalam Dewan ini hendaklah berasas dan jangan cuba mengungkit-ungkit kepada satu kaum bumiputra. Ertinya hendak cuba menggagalkan Dasar Ekonomi Baru yang hendak memberi persamaan kepada golongan yang tidak sama selama ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kota Setar.

4.58 *ptg.*

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar (Kota Setar): Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih di atas kebaikan Tuan Pengerusi memberi peluang kepada saya bercakap sedikit sebanyak dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan yang telah diminta oleh pihak Kerajaan kepada Dewan ini. Saya ingin menyentuh sedikit sebanyak Maksud B. 4—Suruhanjaya Pilihanraya.

Tuan Pengerusi, apa yang difahamkan Suruhanjaya Pilihanraya ini diadakan untuk memberi peluang kepada siapa juga yang sampai genap umurnya 21 tahun, boleh mengundi walaupun di mana juga dia tinggal, di bandarkah ataupun di luar bandarkah ataupun di atas gunungkah, di mana-mana juga, sebagaimana kita tahu orang-orang Asli yang duduk di dalam hutan belantara itupun boleh mengundi. Itu maksudnya diadakan Suruhanjaya Pilihanraya ini.

Tetapi apa yang menjadi ketidakkepuasan hati saya selaku seorang politician lebih-lebih lagi Pembangkang, kadangkala terdapat orang-orang yang sampai umur 21 tahun tetapi dia tidak dapat mengundi oleh kerana namanya tidak ada di dalam Buku Daftar Pengundi. Mengikut kebiasaan yang lepas parti-parti politik ini tidak digalakkan kadang-kadang tidak dibenarkan untuk mengambil bahagian untuk menolong Penolong Pegawai Pendaftar untuk mendaftarkan pengundi-pengundi. Kalaulah benda itu berlaku, saya haraplah pihak Suruhanjaya Pilihanraya ini memberikan sedikit kelonggaran kepada parti-parti politik oleh kerana parti-parti politik ini, memang suka sangat (interested) supaya dia dapat mendaftarkan pengundi-pengundi. Dengan pendaftaran itu mereka yang didaftar namanya dia ingat yang mendaftarkan itu katanya PAS, mungkin dia akan mengundi PAS pada waktu pilihanraya, ini benda-benda yang dimahukan oleh parti-parti politik sama ada PASKah, DAPkah, UMNOKah, Barisan Nasionalkah—semuanya begitu.

Saya berasa kesal sekali apa yang berlaku di dalam negeri Johor, Tuan Pengerusi, sebagaimana saya terbaca dalam suratkhbar iaitu salah seorang daripada pemimpin Kerajaan Negeri Johor di dalam satu ucapannya; barangkali ucapan di hadapan penyokong-penyokong Barisan Nasional sendiri khasnya UMNO. Dia kata pendaftaran

pengundi selepas daripada tahun 1978 sampai tahun 1980 ini di negeri Johor pengundi baharu telah didaftarkan sebanyak 38,700 orang pendaftar baharu, tetapi yang sedih katanya dalam 38,700 itu pengundi Melayu cuma 3,000 orang yang terdaftar, selain 35,000 itu bukan Melayu. Inilah perkara yang patut difikirkan oleh pihak Kerajaan khususnya pihak Suruhanjaya Pilihanraya ini supaya jangan berlaku perselisihan yang besar sebab kalaulah berlaku perselisihan yang besar ini amat ruginya orang-orang Melayu itu sendiri dalam menunaikan kewajibannya sebagai pengundi tidak boleh mengundi. Ini kemungkinan oleh kerana orang-orang Melayu ini duduk di luar bandar, orang-orang yang bukan Melayu-China duduk di bandar oleh kerana senang Penolong Pegawai Pendaftar ini mendaftarkan pengundi-pengundi di bandar maka banyak terdaftar, tetapi di luar bandar Penolong Pegawai Pendaftar ini oleh kerana susah dia hendak pergi ke sana ke sini jauh perjalanannya maka dia tinggalkan begitu sahaja kerana itu berlaku perkara yang begini adanya.

Oleh itu, Tuan Pengerusi, saya berharap sangatlah perkara-perkara yang semacam ini jangan berlaku, sebab kalau berlaku amat rugi bagi pengundi-pengundi Melayu itu sendiri akibatnya amat tidak baiklah bukan sahaja bagi PAS, bagi UMNO pun sama jugalah sebab PAS dan UMNO ini Melayu, kalau Melayu tidak boleh mengundi banyak, maka rugilah orang Melayu.

Tuan Pengerusi, pada 10hb Jun yang lalu kalau tidak silap saya, satu jawapan telah diberi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Bachok berhubung dengan dokumen kad pengenalan yang hilang boleh mengundi. Saya bersetuju. Saya quote, Tuan Pengerusi. . . .

Tuan Pengerusi: Ini perkara apa Yang Berhormat?

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Perkara pilihanraya.

Tuan Pengerusi: Dia begini, ini ialah gaji dan upahan yang berkaitan dengan pendaftaran tahunan. Gaji dan upahan berkenaan dengan perjalanan pilihanraya. Kalau boleh Yang Berhormat tolong tumpukan kepada belanjawan.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Ini perjalanan pilihanraya.

Tuan Pengerusi: Tetapi jangan sampai banyak kepada polisi—dasar.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Pengerusi, masalah ini masalah hendak mengundi mengikut kata Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, kalau kad pengenalan kita hilang, jadi surat yang diberikan oleh pihak yang berkuasa menggantikan kad pengenalan yang hilang itu boleh kita mengundi, lebih-lebih lagi kalau kita membaharui kad pengenalan.

Ada satu kertas kenyataan penerima buat kad pengenalan baharu itu boleh kita mengundi tetapi nasib tidak baik, selepas Pilihanraya Bukit Raya di Kedah baharu-baharu ini kami sebagai sebuah parti politik, kami membuat post-mortem. Maksudnya mencari sebab-sebab kenapakah PAS ini boleh kalah di Bukit Raya sedangkan Bukit Raya itu, Tuan Pengerusi, kubu PAS, semua diakui oleh pihak lawan dan pihak kawan tetapi fasal apa PAS kalah.

Dalam menyabitkan kekalahan itu tersabit satu masalah. Masalahnya Pegawai-pegawai Pilihanraya ataupun P.O. (Presiding Officer) yang menjaga polling station itu kebanyakannya tidak menerima dokumen-dokumen yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran sebagai satu perkara yang sah bagi menentukan ini boleh mengundi dengah sah. Maksudnya begini, apabila seseorang pengundi membaharui kad pengenalanya maka sebelum dia mendapat kad pengenalan yang dibaharui itu diberikan kepadanya satu dokumen untuk menunjukkan bahawa kad pengenalanya sekian-sekian nombor tetapi yang ini Pegawai Penyelia tidak menerima sebagai kertas sah maka diberilah kepada orang-orang ini undi ganti—dia tidak bagi undi yang sah.

Saya dapat membuktikan hal ini dengan betul, kalau mahu kertas undi ganti itupun ada di dalam tangan saya. Jadi, apabila saya tengok dan mengkaji kertas yang diberikan sebagai undi ganti itu pangkah bulan—pangkah PAS. Jadi bererti sebanyak sedikit ini satu permainan yang dimainkan oleh pihak yang tertentu bagi mengalahkan PAS, kalau itu permainan. Kalau tidak permainan saya berharaplah supaya perkara ini jangan berlaku, supaya perkara ini betul-betul jadi macam mana yang dijawabkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan

Perdana Menteri bahawa dokumen-dokumen lain yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara sebagai pengenalan diri atau bukti bahawa kad pengenalannya hilang atau sedang dibaharui boleh diterima sebagai pengenalan diri untuk membuang undi semasa pilihanraya dengan syarat nama orang yang berkenaan ada dalam daftar pemilih itu, ini yang saya mahu. Jadi kalau tidak ada permainan, saya tidak mahulah ada syak hendak menuduh melalui, tetapi saya harap lain kali pihak-pihak yang berkenaan, Pegawai Pendaftaran atau Suruhanjaya Pilihanraya itu menerima dokumen-dokumen ini sebagai satu dokumen yang sah boleh menggantikan kad pengenalan itu sendiri, itu dukunya.

Saya rasa itu sahajalah yang saya hendak bangkitkan dalam Dewan ini dan saya ucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

5.11 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, saya suka mengambil bahagian dalam perbincangan ini.

Yang pertamanya saya suka merujuk kepada perkara B. 14—Perangkaan. Satu peruntukan tambahan sejumlah \$5.7 juta adalah diperlukan bagi melaksanakan kerja banci penduduk tahun 1980. Jika dipertimbangkan kenyataan bahawa banci perumahan dan penduduk ada dilaksanakan pada tahun 1970 adalah sesuatu yang wajar bahawa tindakan yang diambil supaya membuat bancian sekali lagi supaya maklumat dan data terakhir dapat dikumpulkan bagi membolehkan pihak berkuasa berkenaan untuk merancang pembangunan masa depan negara.

Berhubung dengan bancian pada kali ini sungguhpun Pengerusi Jawatankuasa Penerangan Banci Perumahan dan Penduduk telah membuat kenyataan (publicity) dalam surat-khabar tetapi saya memahami bahawa terdapat ramai orang yang masih belum diberitahu sepenuhnya akan apa yang mereka perlu lakukan dan saya suka mengesyorkan dengan sesungguhnya bahawa satu kempen memberi penerangan menerusi poster-poster dari risalah-risalah secara intensif mestilah dijalankan bagi menjelaskan kepada orang ramai akan apa yang perlu mereka lakukan

nanti. Dengan meletakkan risalah-risalah (leaflets) di pusat-pusat penerangan sahaja saya berpendapat adalah tidak mencukupi tetapi apa yang perlu dibuat ialah supaya risalah-risalah ini dapat disebarkan kepada orang ramai daripada rumah ke rumah. Banci tahun 1980 tidak sahaja hanya satu pungutan data perumahan dan penduduk tetapi juga satu tugas untuk mengetahui keperluan penduduk mengenai sosio ekonomi atau kehidupan mereka supaya pihak berkuasa boleh membantu mengatasinya.

Tuan Pengerusi, perumahan tentunya menjadi satu keutamaan oleh kerana banciaan ini boleh membantu pihak berkuasa mengetahui bagaimanakah seriusnya masalah kekurangan rumah pada masa sekarang dan apakah yang perlu dilakukan untuk mengatasinya. Saya suka juga menggesa Menteri yang berkenaan supaya menjelaskan sama ada mereka mempunyai kakitangan yang cukup bagi mengendalikan kerja bancian tahun 1980 ini dan sekiranya rumah tertinggal dalam exercise ini apakah yang perlu seseorang penduduk yang terlibat melakukan.

Selain daripada itu saya suka juga berucap sedikit mengenai Suruhanjaya Pilihanraya. Saya memperhatikan bahawa jumlah \$1.5 juta sedang diperlukan sebagai peruntukan tambahan bagi membayar kos menjalankan urusan pendaftaran memilih secara integrated registration system sebagai yang tercatat dalam Kertas Perintah No. 22, muka surat 4. Saya faham bahawa integrated registration system ini yang akan dilancarkan pada tahun ini akan melibatkan penubuhan unit-unit bergerak yang bertugas dari rumah ke rumah dan di pejabat-pejabat bagi mendaftar pemilih-pemilih. Sungguhpun saya tidak bermaksud untuk membantah sistem baru pendaftaran bergerak ini tetapi saya suka menegaskan ke atas kepentingan untuk menentukan yang setiap kerja yang ditugaskan menggerakkan unit bergerak ini adalah cekap dan bersikap dedikasi terhadap kerja mereka, kalau tidak ianya akan hanya membazirkan wang yang berjumlah \$1.5 juta untuk kerja-kerja ini ialah pendaftaran pemilih-pemilih.

Satu sebab kenapa Suruhanjaya Pilihanraya gagal mendapat tindak balas daripada orang ramai semasa melaksanakan pendaftaran pemilih-pemilih yang lepas ialah kerana sistem statik itu terbukti mengandungi banyak kelemahan. Satu contoh ialah pada masa-masa yang lalu ramai bakal-bakal pengundi gagal mendaftarkan diri mereka kerana masa

yang diperuntukkan adalah tidak sesuai untuk pergi ke pusat-pusat pendaftaran dan jika mereka dapat pergi ke pusat tersebut mereka mendapati yang pusat-pusat itu tidak ada kakitangan yang bertugas mengikut jadual untuk pendaftaran dalam kawasannya.

Di Kuala Lumpur Bandar sebagai satu contoh, dalam kempen pendaftaran pemilih yang lepas saya sendiri telah menerima banyak rungutan-rungutan daripada orang ramai, bakal-bakal penghuni bahawa apabila mereka sampai ke pusat pendaftaran itu mereka mendapati bahawa di dalam pusat itu tidak ada kakitangan yang dapat membantu mereka mendaftarkan nama mereka sebagai pemilih-pemilih. Saya pun telah mengambil inisiatif untuk menyasiat sama ada ini benar atau tidak.

Apabila saya ada menyasiat saya mendapati ada benar bahawa tidak ada kakitangan yang bekerja mengikut jadual untuk mendaftarkan pemilih itu. Oleh yang demikian, parti DAP menganggap bahawa sistem statik yang dijalankan sehingga sekarang adalah tidak puas hati. Mungkin Wakil daripada Pasir Puteh tidak memahami keadaan ini. Tadi Yang Berhormat Wakil dari Pasir Puteh telah membuat tuduhan terhadap parti DAP dan menuduh pihak kami mengungkit-ungkit perkara-perkara yang tertentu tetapi apa yang kita mempersoalkan di sini ialah sama ada sistem yang dijalankan sehingga sekarang adalah berkesan (effective) dan sekiranya tidak berkesan saya anggap adalah menjadi tanggungjawab Wakil-wakil Rakyat untuk menyampaikan masalah untuk perhatian pihak yang berkuasa supaya tindakan dapat diambil untuk memperbetulkan keadaan ini.

Tuan Pengerusi, adalah menjadi pandangan saya bahawa tidak kira apa sistem baru yang kita lakukan, tindak balas orang ramai tidak akan menggalakkan melainkan pihak Kerajaan bersedia memberikan pertimbangan serius kepada seruan kita yang kerap kali disuarakan dalam Dewan ini dan juga di luar Dewan mengenai kemungkinan untuk mewajibkan pendaftaran pemilih-pemilih.

Satu perkara lagi saya ingin menyentuh di sini ialah berkenaan dengan kemudahan dan bantuan untuk peniaga-peniaga kecil. Berhubung dengan peruntukan tambahan berjumlah \$18.2 juta yang diperlukan oleh Jabatan Perdana Menteri untuk menyediakan kemudahan-kemudahan dan bantuan untuk peniaga-peniaga kecil, saya suka mengambil

kesempatan ini untuk mendapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sama ada bentuk-bentuk bantuan yang disediakan kepada penaja-penaja ataupun peniaga-peniaga kecil boleh dipohon oleh penaja-penaja dari semua kaum. Ini adalah untuk maklumat saya.

Saya juga ingin tahu berapakah jumlah yang telah disediakan kepada peniaga-peniaga kecil dalam Wilayah Persekutuan setakat ini mengenai kemudahan-kemudahan dan bantuan untuk mereka.

Tuan Pengerusi, akhirnya di bawah Jabatan Perdana Menteri, saya ingin membawa perkara mengenai rancangan pemulihan kampung yang telah diuruskan oleh Kerajaan menerusi Jabatan Perdana Menteri dalam bulan Julai, 1979. Saya faham bahawa dalam tahun 1979 Kerajaan memperuntukkan lebih kurang \$38 juta bagi melaksanakan rancangan pemulihan kampung dan untuk tahun 1980 sejumlah lebih kurang \$62 juta telah diluluskan untuk skim ini.

Tujuan skim ini, Tuan Pengerusi, ialah bagi Kerajaan memberikan sejumlah \$1,000 bagi membina semula sebuah rumah dalam sesebuah kampung yang didapati dalam keadaan yang sangat lama, yang sangat buruk dan menghadapi bahaya roboh dan oleh itu tidak selamat untuk didiami. Saya ingin mengetahui daripada Yang Berhormat Menteri sama ada satu skim seumpama ini boleh juga dilaksanakan dalam satu kampung baru yang mana banyak didapati rumah-rumah lama yang tidak lagi selamat untuk didiami dan dengan ini akan memberi faedah kepada penduduk-penduduk kampung baru juga. Jika ini tidak boleh dilaksanakan saya juga ingin mendapat tahu kenapa tidak berbuat demikian. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Ulu Muda.

5.23 ptg.

Tuan Hashim bin Endut (Ulu Muda): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong di atas Anggaran Belanjawan Tambahan yang dibentangkan di hadapan kita ini di bawah Jabatan Perdana Menteri di bawah tajuk Suruhanjaya Pilihanraya.

Nampaknya apa yang dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihanraya sekarang masalah penyemakan daftar pengundi tidaklah seperti yang lepas iaitu daripada statik kepada

bergerak pergi ke rumah-rumah dan itupun nampaknya pendaftaran pengundi-pengundi tidaklah secara menyeluruh dan kalau boleh saya mintalah kerana di dalam kawasan saya agak ganjil sedikit kerana banyak orang-orang keturunan Thai rakyat Malaysia yang jumlahnya hampir 5,000 orang di dalam kawasan saya tetapi hanya terdapat lebih kurang 1,700 orang sahaja yang boleh mengundi dan masih banyak lagi mereka yang berhak mengundi tidak mendaftar mengundi dan kalau boleh saya meminta pegawai-pegawai pendaftaran penyemakan pengundi ini supaya dibolehkan masuk ke dalam wat-wat mereka, tempat perkampungan mereka, di dalam wat di mana mereka boleh berkumpul dan di situlah tempat yang sehabis-habis baiknya bagi pegawai penyemakan daftar pengundi ini menjalankan tugas.

Di dalam kawasan saya jumlah wat-wat Siam yang ada lebih daripada sebelas buah semuanya dan penduduknya lebih kurang 5,000. Di dalam penyemakan ini terdapat juga masih ramai rakyat Thai keturunan Malaysia tetapi mereka tidak boleh mendaftarkan diri kerana kononnya mereka memiliki kad merah, walhal mereka ini adalah diberarakkan di sini sudah tiga atau empat keturunan semenjak wujudnya Tanah Melayu mereka berada di situ. Jadi, oleh yang demikian kita mintalah pihak Kementerian yang berkenaan supaya memberi kerakyatan kepada mereka ini patut juga disemak sama supaya selaras dengan membolehkan mereka ini mendaftar menjadi pengundi biasa.

Saya tertarik benar apa yang dikatakan oleh wakil dari Kota Setar tadi supaya penyemakan pengundi-pengundi itu hendaklah dijalankan oleh parti politik, kata beliau. Pada pandangan saya cara yang dijalankan melalui parti politik ini ada baik dan ada tidak baiknya. Tetapi kalau kita beri kepada parti politik PAS menjadi pendaftar mungkin parti politik PAS tidak akan mendaftarkan orang-orang yang mirip kepada ahli UMNO ataupun parti-parti lain. Tetapi memadailah benda ini saya agak kalau kita serah kepada Tuan Pegawai Daerah dan melalui Pegawai Daerah, melalui Penghulu-penghulunya akan melantik pegawai-pegawai menjadi penyemak Daftar Pengundi ini dan apa yang saya minta kalau boleh mereka yang akan menjalankan tugas ini biarlah mereka daripada anak tempatan

sendiri yang mana mereka lebih tahu dan lebih masak dengan keadaan tempat mereka sendiri. Dengan jalan yang demikian saya yakin dan percaya maka sudah tentu lebih ramai lagi rakyat Malaysia yang berhak mengundi iaitu yang berumur 21 tahun ke atas sudah tentu akan mendaftar menjadi pemilih di dalam pilihanraya yang akan datang.

Bersangkut dengan pilihanraya juga, Tuan Pengerusi, ingin saya mengesyorkan kepada Suruhanjaya Pilihanraya supaya penyemakan semula kawasan pilihanraya patut sangat dilakukan kerana contoh di dalam kawasan yang saya menjadi wakilnya kedudukan kawasan itu begitu ganjil sekali. Kalau saya hendak pergi berjalan dalam kawasan saya terpaksa memakan hampir ratus batu. Begitu sukar, begitu sulit. Oleh yang demikian kalaulah sampai masa penyemakan, kedudukan kawasan pilihanraya inginlah saya meminta kepada Suruhanjaya Pilihanraya supaya memikir masalah daerah Sik itu supaya dijadikan satu kawasan pilihanrayanya kerana sangat sukar dan sangat sulit bagi mana-mana Wakil Rakyat hendak menjalankan tugas dengan sempurna, kalaulah keadaan kawasan pilihanraya itu dicampurkan dengan daerah Pengang sepertimana yang ada pada hari ini.

Masalah menyusun semula itu adalah senang, hanya ambil sebahagian daripada Ulu Muda dicampur dengan sebahagian daripada Kota Setar di adikan kawasan pilihanraya Sik dan penduduk-penduduk di dalam daerah Sik sekarang telah meningkat lebih daripada 50,000 dan yang boleh mengundi pun lebih daripada 30,000. Ini wajar dan mustahak benar diberi perhatian yang serius oleh pihak Suruhanjaya Pilihanraya ini.

Tuan Pengerusi, berbangkit kepada semakan semula Daftar Pemilih ini kerana masa sekarang telahpun sampai bagi mereka menjalankan tugas setidak-tidaknya saya tahu di dalam kawasan saya penyemakan semula sedang dijalankan. Apa yang perlu bagi parti-parti politik bermain hanya menyeru dan meminta kepada pengundi-pengundi, kepada penduduk-penduduk yang layak mengundi, itu parti-parti politik boleh main, janganlah parti-parti politik ini mengambil peranan menjalankan tugas itu tetapi tugas kita merayu dan meminta kepada mereka yang belum mengundi, yang belum mendaftar sebagai pengundi supaya

mereka juga boleh pergi daftar diri mereka di tempat-tempat yang kita cadang, yang kita minta, yang sedang tidak statik seperti-mana dahulu lagi.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu ingin juga saya meminta lagi sekali kepada Suruhanjaya Pilihanraya supaya mengkaji semula daftar pengundi di dalam pilihanraya yang lalu terutamanya di kawasan pilihanraya kecil Bukit Raya baru lepas di mana terdapat banyak sangat orang-orang yang berhak mengundi yang ada namanya mereka telah ada di dalam daftar pengundi di dalam pilihanraya 1978 tetapi apabila mereka itu keluar beramai-beramai hendak pergi mengundi di dalam pilihanraya kecil Bukit Raya terdapat juga nama-nama mereka itu tercicir di dalam daftar pengundi itu dan ini menjadi satu masalah yang rumit kepada pengundi-pengundi yang hendak mengundi dan di atas tuduhan Wakil Rakyat Kota Setar mengatakan Presiding Officer di dalam pilihanraya yang lepas di Bukit Raya yang menyebabkan kalahnya parti PAS di kubu PAS itu, ini adalah satu tuduhan yang sangat tidak patut, kerana kita percaya Presiding Officer yang diberi tugas, mereka sudah tentu menjalankan tugas dengan adil dan saksama yang telah disaksikan oleh parti-parti yang berlawan di situ, tidak ada jalan bagi mereka itu menyeleweng di dalam menjalankan tugas mereka. Oleh yang demikian, saya mintalah apa yang dituduh oleh Wakil Rakyat dari Kota Setar itu adalah satu tuduhan yang sangat tidak patut kepada mereka yang menjalankan tugas dengan jujur dan ikhlas untuk menjalankan tugas negara di dalam pilihanraya tersebut. Sebenarnya dalam pilihanraya itu PAS kalah bukanlah silap pegawai, tetapi PAS kalah kerana pengaruh mereka tidak ada lagi dalam kubu mereka sendiri.

Tuan Pengerusi di dalam Pecahan-kepala B.8 iaitu Jabatan Perdana Menteri, kita ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Jabatan Perdana Menteri kerana meminta tambahan peruntukan \$29.58 juta lagi dan ini adalah satu peruntukan yang banyak, kita percaya ianya terlibat banyak rancangan yang akan dijalankan oleh Jabatan Perdana Menteri bersangkutan dengan tugas-tugas yang diberikan kepada Jabatan Perdana Menteri tetapi saya sungguh tertarik hati apa yang diucapkan oleh Wakil Rakyat dari Petaling semalam semasa membahaskan peruntukan ini nampaknya beliau ada mengatakan iaitu tak guna luluskan wang banyak,

kerana kita percaya sekarang zaman inflasi, pegawai-pegawai kita mesti diberi layanan secukup-cukupnya supaya dengan secara memberi gaji yang lebih seperti mana yang akan dilaksanakan dalam bulan Julai ini, kita yakin dan percaya bahawa pegawai-pegawai akan menjalankan tugasnya dengan jujur dan ikhlas. Wakil Rakyat dari Petaling membangkitkan berkali-kali masalah kenaikan gaji Wakil Rakyat dan sebagainya, katanya tak patut tetapi beliau lupa bahawa beliau sebagai seorang Wakil Rakyat Parlimen, Wakil Rakyat Parlimen, Wakil Rakyat Negeri dan juga Ketua Pembangkang, beliau sendiri akan memperolehi untung yang lebih daripada \$7,000 lebih.

Tuan Pengerusi: Dari mana dapat \$7,000?

Tuan Hashim bin Endut: Daripada surat khabar yang saya baca.

Tuan Pengerusi: Surat khabar tak boleh pakai. Ini belum lagi dibahas. Ini kita bincang Maksud B.8.

Tuan Hashim bin Endut: Jadi kalaulah beliau kata tak guna luluskan wang banyak, pegawai tak bekerja, tuduhan itu sangatlah tidak patut. Sebagai Ketua Pembangkang, saya mintalah kepada Wakil Rakyat tersebut apa juga tuduhan-tuduhan, kenalah jujur dan ikhlas, walaupun Ketua Pembangkang, tetapi kenalah bangkang secara jujur dan ikhlas.

Tuan Pengerusi: Itu dasar tak boleh bercakap dalam Jawatankuasa ini, kalau dasar perkhidmatan itu boleh.

Tuan Hashim bin Endut: Tak mengapa, Tuan Pengerusi. Ini adalah teguran-teguran yang saya beri kerana nampaknya Ketua Pembangkang ini selalu apa yang kita buat, semuanya tak betul kepada beliau. Jadi sebagai Wakil Rakyat sebelah Kerajaan, saya ingin juga menegur perjalanan beliau itu yang nampaknya tak berapa betul sebagai Ketua Pembangkang.

Tuan Pengerusi, akhirnya pada pendapat saya, apa yang diminta oleh Kerajaan di bawah Jabatan Perdana Menteri itu adalah sangat patut dan menasabah dan saya dengan ini menyokong sepenuhnya supaya peruntukan ini ditambah.

Tuan Pengerusi: Jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.35 ptg.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu inginlah saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah menyokong peruntukan yang diperlukan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat nampaknya banyak juga, tentulah barangkali saya tidak dapat mengulas satu persatu tetapi saya akan cuba mengulas mana yang perlu diberi ulasan.

Perkara yang dibangkitkan oleh hampir semua Ahli Yang Berhormat, saya rasa ialah mengenai Suruhanjaya Pilihanraya di mana ditimbulkan beberapa perkara mengenai dengan pendaftaran yang berjalan dengan tidak licin dan juga tuduhan-tuduhan yang mengatakan di dalam pilihanraya ada berlaku perkara-perkara yang tidak diingini, seperti yang dibangkitkan oleh salah seorang dari Ahli Yang Berhormat yang mengatakan bahawa pegawai yang bertugas telah tidak menerima pengundi dan tidak memberikan kertas undi yang betul untuk membuang undi.

Perkara yang saya rasa perlu diterangkan di sini ialah mengenai dengan pendaftaran di mana yang saya katakan tadi ada Ahli-ahli Yang Berhormat tidak puas hati mengenai dengan perjalanan mendaftar pemilih-pemilih yang berhak untuk membuang undi iaitu mereka yang sudah mencapai umur 18 tahun juga disuarakan. Ramai anggota masyarakat kita terutama sekali orang-orang muda tidak keluar mendaftarkan diri sebagai pengundi.

Dalam perkara ini juga ada salah seorang daripada Ahli Yang Berhormat itu mengesyorkan supaya pendaftaran pengundi itu dijalankan oleh pihak parti mereka.

Saya rasa, Tuan Pengerusi, kerja untuk mendaftarkan pengundi-pengundi itu tentu sekali tidak boleh diserahkan kepada parti, kerana ini boleh menimbulkan keraguan kepada parti-parti lain. Oleh itu, seperti apa yang berlaku pada masa ini kerja untuk mendaftar pengundi-pengundi ini adalah dijalankan oleh pegawai-pegawai Kerajaan yang telah dilantik untuk membuat kerja-kerja itu dan saya memberi jaminan bahawa pegawai-pegawai ini sudah dilatih dan mempunyai pengetahuan yang cukup dan

mereka adalah merupakan pegawai-pegawai yang bertanggungjawab dan menjalankan pendaftaran pengundi-pengundi itu dengan adil dan saksama.

Mengenai dengan penduduk-penduduk atau rakyat kita yang tidak mahu mendaftarkan diri sebagai pengundi, ini saya rasa adalah satu perkara yang harus kita tinjau dari keadaan yang ada di negara kita ini. Negara kita ini adalah sebuah negara demokrasi di mana kebebasan itu diberi kepada rakyat untuk memilih pemimpin-pemimpin atau Wakil-wakil Rakyat maka adalah menjadi tugas setiap rakyat yang telah mencapai umur 21 tahun mendaftarkan diri menjadi pengundi dan kemudian keluar mengundi apabila masanya sudah sampai. Dalam perkara ini Kerajaan tidaklah berniat untuk mengadakan satu peraturan supaya pendaftaran mengundi ini diwajibkan atau dimestikan kerana seperti saya katakan tadi kita adalah sebuah negara yang demokrasi di mana kebebasan setiap seorang itu diberi untuk menentukan sama ada apa yang dia kehendaki. Di dalam hubungan ini saya rasa peranan parti-parti politik atau pemimpin-pemimpin masyarakat amatlah perlu supaya mereka ini menggalakkan anak-anak muda yang sudah mencapai umur 21 tahun supaya mendaftarkan diri dan di sini saya mengharaplah semua yang berkenaan supaya bekerjasama untuk menggalakkan masyarakat kita yang sudah sampai umur itu keluar mendaftarkan diri beramai-ramai.

Kerajaan memang sedar bahawa masalah pendaftaran ini memang timbul kerana negara kita ini al maklum sahaja kebanyakannya masyarakat kita tinggal di luar-luar bandar maka itulah Kerajaan hari ini telah mengambil keputusan untuk mengadakan satu sistem pendaftaran yang baru yang mana pasukan-pasukan bergerak akan berjalan di tempat-tempat yang tertentu untuk mendaftarkan rakyat kita yang sudah sampai umur 21 tahun. Dalam menjalankan pilihanraya ini ada peraturan-peraturan yang tertentu yang telah ditetapkan mengikut undang-undang iaitu misalnya apabila seseorang itu hendak mengundi di masa pengundian dijalankan terlebih dahulu namanya mesti ada dalam senarai mengundi, kalau tidak maka dia tidak boleh mengundi dan begitu juga ada peraturan yang mengatakan di mana keraguan timbul maka kertas-kertas undi yang lain boleh diberi sebagai pengganti kertas-kertas undi biasa. Ini ada dalam peraturan dan ini

sedang dijalankan dan ini perlu diteruskan untuk memastikan bahawa mereka yang mengundi itu benar-benar orang yang berhak mengundi dan tidak pula orang yang tidak berhak mengundi, maka itulah peraturan-peraturan itu diadakan oleh Kerajaan.

Perkara yang ditimbulkan lagi oleh Ahli Yang Berhormat dari Fagoh iaitu mengenai dengan bantuan yang diberi kepada peniaga-peniaga kecil tidak berjalan begitu licin dan teratur. Saya rasa Tuan Pengerusi, apa yang telah kita buat hari ini adalah mencukupi di mana bantuan ini disalurkan melalui Pegawai-pegawai Kemajuan Negeri dan Pegawai-pegawai Kemajuan Negeri ini biasanya meminta kerjasama Pegawai-pegawai Daerah untuk melaksanakan Skim Peniaga-peniaga Kecil ini di seluruh negara kita dan Skim Peniaga-peniaga Kecil ini adalah dihadkan kepada gerai-gerai sahaja kerana seperti yang dapat kita perhatikan ini adalah terhad kepada peniaga-peniaga kecil sahaja, maka itu mereka mahu berniaga secara besar-besaran misalnya mahu mendapat sebuah kedai maka agensi-agensi Kerajaan yang lain ada memberi kemudahan-kemudahan mengenai perkara ini.

Tuan Pengerusi, satu perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam iaitu beliau itu meminta dibatalkan sahaja sistem Rukun Tetangga kerana menurut beliau ini mengganggu rakyat kerana rakyat sedang tidur lena di tengah malam, kemudian dibangunkan—menyusahkan rakyat. Ingin saya mengingatkan di sini bahawa Skim Rukun Tetangga ini diadakan oleh Kerajaan adalah semata-mata untuk kepentingan rakyat.

Kita tahu pada masa ini terutama sekali di bandar-bandar perkara-perkara jenayah dan lain-lain perkara yang tidak diinginkan bertambah dan dengan adanya Rukun Tetangga ini bertugas maka ini akan menolong masyarakat itu sendiri supaya terhindar daripada perkara-perkara yang tidak diinginkan itu.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah membangkitkan mengenai dengan ucapan seorang pegawai, Dr Mohd. Nor bin Abdul Ghani di Seminar Ekonomi di Melaka di mana beliau mengatakan ucapan itu adalah tidak diinginkan dan boleh menimbulkan suatu suasana yang tidak baik.

Tuan Pengerusi, perkara ini telahpun saya beri jawapan kepada Ahli Yang Berhormat dari Petaling pada 10hb Jun, 1980 dan untuk memberi makluman apa yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu beliau hanya memetik sebahagian sahaja daripada ucapan itu dengan tidak memetik sepenuhnya ucapan itu, maka itu beliau telah salah mentafsirkan ucapan Pengerah itu. Misalnya beliau tidak ada memuatkan satu ayat yang akhir dalam ucapan itu yang berbunyi, dengan izin:

“Ini boleh membawa kekacauan dan porak-peranda yang tidak diinginkan di negara kita”.

Ucapan pegawai berkenaan kalau kita lihat keseluruhannya, lihat sepenuhnya dan jangan ambil sebahagian sahaja daripadanya maka jelas menunjukkan beliau itu memberi pandangan jikalau ini berlaku ianya akan membuatkan huru-hara di dalam negara kita ini. Maka itu saya rasa seperti saya katakan tadi saya telahpun memberi jawapan kepada Ahli Yang Berhormat dari Petaling mengenai perkara itu dan saya tidak berniat untuk memanjangkannya lagi.

Mengenai cadangan Yang Berhormat itu yang meminta supaya umur 21 tahun itu dikurangkan kepada 18 tahun, saya rasa pada masa ini Kerajaan masih berpendapat bahawa peraturan yang ada dewasa ini adalah mencukupi.

Yang Berhormat dari Kota Setar ada juga menyentuh mengenai orang-orang yang mahu membuang undi tetapi tidak ada Kad Pengenal, seperti yang saya sebutkan tadi, ini ada dalam peraturan-peraturan yang ada sekarang dan pegawai-pegawai yang berkenaan adalah menjalankan tugasnya mengikut peraturan-peraturan itu dan saya rasa peraturan-peraturan itu atau undang-undang itu boleh diperolehi jika dikehendaki oleh Yang Berhormat itu.

Walau bagaimanapun sekiranya terdapat tidak kepuasan hati dalam mana-mana pilihanraya, mereka yang berkenaan bolehlah seperti mengikut undang-undang itu juga membuat petition atau membuat pengaduan kepada mahkamah supaya perkara itu dapat dikaji oleh yang berkuasa.

Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Pandar ada menyentuh mengenai dengan Rancangan Pemulihan Kampung. Rancangan Pemulihan Kampung ini adalah dijalankan

oleh Kerajaan untuk membantu masyarakat kita yang miskin yang tinggal di luar bandar khususnya di mana rumah mereka itu adalah sangat tua dan tidak selamat lagi untuk didiami. Dalam hubungan ini Kerajaan telah berusaha untuk memberi klasifikasi (classification) kampung yang mana kampung-kampung ini diberi klasifikasi A, B dan C dan kampung yang di bawah kategori C adalah diberi keutamaan oleh Kerajaan di mana di kampung ini terdapat lebih banyak rumah-rumah yang memerlukan bantuan mengikut di dalam Rancangan Pemulihan Kampung ini. Sekiranya terdapat kampung-kampung yang sedemikian di lain-lain tempat, Kerajaan akan juga mengambil perhatian tetapi buat sementara ini kerana rancangan ini baru bermula maka terpaksa ditumpukan kepada kampung-kampung yang paling teruk dahulu untuk memastikan bahawa mereka ini mendapat keutamaan dan rancangan ini nanti tentulah akan diperluaskan kepada lain-lain kampung di mana juga masyarakat memerlukan bantuan ini.

Tuan Pengerusi, saya rasa itu sahajalah perkara yang perlu saya terangkan dan lain-lain perkara atau teguran-teguran yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian ini ataupun Jabatan Perdana Menteri akan mengambil perhatian dan mana-mana yang sesuai akan kita laksanakan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah wang sejumlah \$16,962,985 untuk Anggaran Tambahan Belanja Mengurus Kedua bagi tahun 1979 di bawah Kepala B.2, 4, 7, 8, 9, 11 dan 14. Begitu juga untuk Anggaran Tambahan Pertama tahun 1980 Belanja Mengurus di bawah Kepala B.4 dan 8 menjadi sebahagian daripada Jadual, hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$20,000 untuk Maksud B. 2, \$1,423,500 untuk Maksud B. 4, \$98,000 untuk Maksud B. 7, \$4,838,319 untuk Maksud B. 8, \$4,749,690 untuk Maksud B. 9, \$77,000 untuk Maksud B. 11 dan \$5,765,476 untuk Maksud B. 14 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan wang sebanyak \$1,547,922 untuk Maksud B. 4 dan \$29,592,000 untuk Maksud B. 8 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengemukakan anggaran perbelanjaan tambahannya.

Maksud B. 15, B. 18 dan B. 20 (Jadual Pertama)—

Maksud B. 15 dan B. 18 (Jadual Kedua)—

Maksud P. 15 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4), 1979)—

Maksud P. 15 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1980)—

5.53 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Tuan Pengerusi, saya mohon izin untuk membentangkan Anggaran Belanja Mengurus dan Pembangunan Tambahan Kedua tahun 1979 dan Tambahan Pertama 1980 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Jabatan-jabatan di bawahnya yang merupakan tanggungan Kementerian saya.

Jumlah yang dipohon ialah sebanyak \$23,821,568 dan daripada jumlah tersebut sejumlah \$2,310,712 adalah bagi Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua 1979; sejumlah \$159,050 bagi Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama 1980.

Daripada jumlah yang dipohon itu juga sejumlah \$15,712,664 adalah bagi Anggaran Pembangunan Tambahan 1979 dan sejumlah \$5,639,142 adalah bagi Anggaran Pembangunan Tahun 1980.

Tuan Pengerusi, mula-mula saya ingin menerangkan Anggaran Belanja Mengurus Kepala Bekalan B. 15. Kementerian ini memerlukan sejumlah \$2,100,962 di bawah Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua 1979 bagi membiayai perbelanjaan berikut:

\$246,000	Pembayaran sewa ruang pejabat bagi Kementerian dan Jabatan Perumahan Negara kerana kenaikan kadar sewa.
\$15,100	Bagi menyelesaikan bil-bil tahun 1978 mengenai peretakan plan-plan projek perumahan.
\$29,000	Perbelanjaan petrol bagi kereta-kereta rasmi Kementerian.

\$8,500	Bagi pembelian satu mesin penyalin; dan
\$1,802,392	Bayaran carum bantuan cukai harta-harta Kerajaan Persekutuan di kawasan Penguasa-penguasa Tempatan.

Jumlah ini telah didahulukan daripada Kumpulan Luar Jangka.

Sementara itu di bawah Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama 1980 Kementerian ini memerlukan sejumlah \$58,550 yang mana tambahan itu adalah bagi pembelian dua buah kereta untuk kegunaan Kementerian.

Kepala Bekalan B.18 tambahan sebanyak \$86,550 adalah dikehendaki oleh Jabatan Arkib Negara di bawah Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua, 1979 untuk membolehkan Jabatan ini membina pagar keselamatan, pondok Pegawai Keselamatan dan pemasangan Sistem Pengesan Asap dan alat pemadam api untuk Pusat Perkhidmatan Rekod dan pemasangan Sistem Pengesan Asap untuk bangunan pejabat lama Tunku Abdul Rahman Putra di Jabatan Arkib Negara.

Di bawah Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama 1980 sebanyak \$100,500 adalah diperlukan bagi membina pagar keselamatan, pondok Pegawai Keselamatan dan Sistem Pemadam Api dan Pengesan Asap untuk Pusat Perkhidmatan Rekod dan Sistem Pengesan Asap untuk bangunan lama Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj di Jabatan Arkib Negara.

Peruntukan tambahan sebanyak \$86,550 yang diluluskan pada bulan Oktober 1979 bagi rekod tersebut tetapi pihak JKR tidak dapat melaksanakannya kerana kesuntukan masa.

Kepala Bekalan B.20 di bawah Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua 1979 sejumlah \$123,200 adalah diperlukan oleh Jabatan Percetakan Negara untuk maksud lain-lain perbelanjaan tidak termasuk Emolumen Perkhidmatan dan Bekalan serta Pemilikan Harta Modal.

Tuan Pengerusi, izinkan saya menerangkan tambahan bagi Anggaran Belanja Pembangunan Tambahan Keempat, 1979 bagi Kementerian saya. Kepala Pembangunan

P. 15 di bawah Anggaran Belanja Pembangunan Tambahan Keempat, 1979 sebanyak \$15,712,664 adalah dikehendaki di bawah Butiran (Projek) 2 dan Butiran (Projek) 31 bagi membiayai perbelanjaan berikut:

- (1) \$13,789,517 bagi membantu sejumlah 9 buah Penguasa-penguasa Tempatan lagi yang akan disusun semula di bawah Akta Kerajaan Tempatan, 1976 untuk grant pelancaran dan grant tahunan.
- (2) \$1,923,147 merupakan peruntukan semula daripada peruntukan 1978 bagi pelaksanaan projek-projek Kemajuan Perkampungan. Bagi tahun 1980 di bawah Butiran (Projek) 31 sebanyak \$5,639,142 adalah dikehendaki bagi membiayai projek-projek kecil di kawasan perkampungan.

Tuan Pengerusi, saya mohon kelulusan Dewan yang mulia ini bagi Anggaran Belanja yang disebutkan di atas di bawah Jabatan-jabatan menjadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala B. 15, B. 18 dan B. 20 di bawah Tambahan Belanja Mengurus dan juga Kepala P. 15 di bawah Anggaran Pembangunan Tambahan sekarang terbuka untuk perbincangan.

Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

6.00 ptg.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Pengerusi, terutamanya saya suka merujuk kepada Maksud P. 15 yang terkandung dalam Kertas Perintah 26, muka surat 3. Saya perhatikan bahawa Dewan ini diminta melulus satu peruntukan tambahan berjumlah \$5.6 juta berhubung Anggaran Pembangunan Tambahan di bawah P. 15 untuk tahun 1980 bagi tujuan untuk membiayai projek-projek kecil di kampung-kampung baru dan lain-lain kampung yang berhampiran.

Sungguhpun saya tidak bertujuan membantah permintaan peruntukan tambahan untuk pembangunan kampung-kampung baru tetapi saya suka menegaskan bahawa hendaknya tidak akan ada apa-apa diskriminasi untuk tujuan-tujuan politik dalam membiayai projek-projek kecil di dalam semua kampung-kampung baru di seluruh negara. Hendaknya tidaklah menjadi satu situasi di mana

kampung-kampung baru yang berada di dalam kawasan yang dikuasai oleh Parti Pembangkang tidak diberikan apa-apa peruntukan untuk projek-projek kecil.

Saya sesungguhnya rasa sedih untuk menyatakan di sini bahawa nampaknya diskriminasi politik yang diamalkan dalam kampung-kampung baru ialah kawasan yang dikuasai oleh ahli-ahli yang terpilih dari parti Pembangkang. Saya ingin memberi satu contoh di sini dan itu ialah berkenaan dengan Kampung Baru Serdang dan Kampung Baru Puchong. Saya adalah menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri bagi kawasan Serdang dan saya merasa amat dukacita bahawa semua permintaan saya yang disampaikan kepada pihak-pihak yang berkenaan, berkenaan dengan projek-projek kecil untuk Kampung Baru Serdang iaitu dalam kawasan saya sering ditolak atas sebab tidak ada peruntukan yang disediakan.

Tuan Pengerusi: Ini minta kepada negerikah atau kepada Federal?

Tuan Lee Lam Thye: Ini saya ada menyampaikan kepada dua pihak iaitu negeri dan juga Kementerian yang berkenaan.

Tuan Pengerusi: Kalau itu, peruntukan di bawah negeri

Tuan Lee Lam Thye: Ya, saya tahu, tetapi di sini apa yang saya membahaskan ialah tentang perbelanjaan untuk membiayai projek-projek kecil di dalam kawasan kampung-kampung baru dan saya beri satu contoh di mana nampaknya ada diskriminasi politik tentang pembayaran.

Tuan Pengerusi: Contoh itu di peringkat negeri, tidak di sini. Jadi supaya jangan berlaku di sini pula?

Tuan Lee Lam Thye: Itu saya tahu, saya faham tetapi tadi saya kata bahawa apabila saya menyampaikan permintaan untuk mendapat peruntukan projek-projek kecil kepada Pejabat Daerah saya diberitahu bahawa tidak ada peruntukan dan apabila saya menyampaikan surat itu kepada Kementerian yang berkenaan, saya juga diberitahu bahawa tidak ada peruntukan. Itu saya tidak faham saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi sedikit penjelasan atas hal ini.

Tuan Pengerusi, ini jelas menunjukkan yang tadi saya ada kata bahawa tidak ada keadilan dan nampaknya ada diskriminasi yang nyata dan tanpa diragukan bahawa semua permintaan saya ditolak atas sebab-sebab politik. Kerajaan mestilah mengambil perhatian berat bahawa semua penduduk-penduduk yang tinggal di Kampung Baru Serdang adalah juga pembayar-pembayar cukai dan oleh itu mereka juga berhak kepada pembangunan dan projek-projek pembangunan kecil. Saya suka menegaskan di sini bahawa mereka tidaklah boleh dinafikan hak mereka kepada pembangunan dengan sebab mereka hanya tidak dapat berkongsi pemikiran politik dengan Barisan Nasional dan mengambil keputusan mengundi DAP dalam pilihanraya yang lalu.

Walau bagaimanapun, saya menggesa Timbalan Menteri yang berkenaan supaya mengambil perhatian serius mengenai perkara ini iaitu kes di dalam Kampung Baru Serdang dan mengambil tindakan untuk menghentikan diskriminasi ini demi kepentingan keadilan dan sosial.

Akhirnya saya suka merujuk kepada Kertas Perintah No. 20, muka surat 18 di mana ada dinyatakan bahawa tambahan sebanyak \$2.1 juta adalah dikehendaki bagi membiayai perbelanjaan berikut:

Yang pertama \$246,000 sebagai pembayaran sewa ruang pejabat bagi Kementerian dan Jabatan Perumahan untuk negara kerana kenaikan harga sewa. Di sini saya suka mendapat izin untuk menyebut sedikit tentang masalah pentadbiran berkenaan dengan Jabatan Perumahan Negara.

Saya suka menggesa Timbalan Menteri yang berkenaan supaya membenarkan Dewan ini mengetahui apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh pihak Kementerian mengenai cara-cara mempercepatkan pembangunan perumahan kos rendah di negara ini. Saya juga ingin tahu apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian dalam memperkuat Jabatan Perumahan Negara bagi mendirikan lebih banyak rumah kos rendah dalam memenuhi keperluan golongan berpendapatan rendah oleh kerana Jabatan itu ada berhubung dengan Kerajaan Negeri untuk peruntukan tanah bagi maksud pembangunan dan bertanggungjawab untuk bekerjasama dengan agensi-agensi negeri dan pemaju

swasta dalam melaksanakan program-program Kerajaan. Saya suka menegaskan betapa pentingnya ditentukan yang matlamat projek perumahan kos rendah Kerajaan dapat dicapai.

Kementerian Perumahan hendaklah berbuat sedaya upaya ke atas kekurangan daripada pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga yang mana setakat ini hanya 20% sahaja yang siap dan 80% lagi dalam berbagai peringkat. Kementerian Perumahan hendaklah mengambil tindakan meneliti bahawa semua negeri adalah memberikan keutamaan kepada rumusan Pelan Induk mengenai perumahan kos rendah. Tanah hendaklah pada masa sekarang diperuntukkan sebahagiannya oleh semua Kerajaan Negeri untuk projek-projek perumahan kos rendah supaya projek-projek Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Keempat boleh dimulakan tepat pada masanya. Kerjasama daripada Kerajaan Negeri adalah sangat penting jika Kerajaan ingin mencapai matlamat perumahannya di bawah rancangan ini.

Akhirnya, saya juga ingin mengetahui sama ada Kementerian sedang mengkaji cadangan-cadangan supaya ditubuhkan satu Lembaga Perumahan untuk mereliti seterusnya pelaksanaan satu dasar perumahan yang lebih sempurna untuk negara kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Tanah Merah.

6.08 ptg.

Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh beberapa perkara mengenai permintaan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Perkara yang pertama sekali saya ingin sentuh, Kertas Perintah 24/1980, muka surat 2, Maksud P. 15, Butiran (Projek) 2—Bantuan khas kepada Penguasa-penguasa Tempatan.

Saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Kerajaan Pusat kerana telah memberi bantuan-bantuan yang tertentu kepada pihak Penguasa-penguasa Kerajaan Tempatan yang telahpun diubahsuai semula mulai 1-1-79 dan dengan pengubahsuaian tersebut maka pihak Kementerian ini telahpun mengeluarkan launching

grant ataupun bantuan khas kepada Penguasa-penguasa Tempatan mengikut kadar-kadar yang tertentu.

Di dalam masalah ini, Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan supaya pihak Kementerian ini membuat beberapa perkara memandangkan bahawa kawasan tanggungjawab dan pengalaman bagi pihak Penguasa Tempatan ataupun apa yang dinamakan sekarang ini Majlis-majlis Daerah bagi tiap-tiap negeri itu adalah luas daripada Penguasa-penguasa Tempatan yang dahulu, maka sudah tentulah bidang tugas ataupun tanggungjawab mereka itu bertambah. Maka dengan itu, saya ingin mencadangkan yang pertama sekali minta Kementerian ini menyemak kembali tentang ataupun jumlah launching grant yang telah diperuntukkan kepada Majlis-majlis Daerah pada tahun 1980 untuk menentukan sama ada wang itu benar-benar dapat digunakan bagi faedah seluruh Majlis Daerah yang berkerajaan sama ada wang tersebut dapat digunakan kerana memandangkan bahawa keadaan Majlis Daerah yang saya sebutkan tadi adalah luas.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, dalam hal ini saya mencadangkan diadakan kursus-kursus kepada bukan sahaja Yang di-Pertua, Pengerusi Majlis Daerah ataupun Setiausaha-setiausaha Daerah yang selalunya adalah terdiri daripada Pegawai Daerah sendiri dan Penolong Pegawai Daerah tetapi hendaklah diberi kursus yang tertentu kepada pegawai-pegawai di bawah iaitu supporting staff kepada pihak pe tadbiran Majlis Daerah. Kerana tidak ada ertinya jikalau launching grant ataupun wang yang banyak diberikan sekiranya cara pengawasan ataupun penggunaan wang itu tidak dapat dijalankan dengan sepenuh-penuhnya. Di samping itu juga, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya pihak Kementerian ini melalui Kerajaan Negeri mengadakan kursus-kursus bagi Ahli-ahli Majlis Daerah, terutama sekali mereka yang datangnya bukan daripada pegawai-pegawai Kerajaan, kerana mungkin Ahli-ahli Majlis Daerah yang berkenaan, terutama sekali kepada kawasan-kawasan luar bandar adalah baru sahaja terdedah kepada konsip Kerajaan Tempatan ini dan sudah tentu mereka berkehendakkan pertolongan yang tertentu supaya projek-projek Majlis Daerah ataupun Penguasa-penguasa Tempatan ini dapat berjalan dengan lebih baik, lancar dan sempurna.

Perkara yang ketiga yang hendak saya sentuh berhubung dengan Maksud P. 15, Kertas Perintah 26 iaitu Butiran Projek 31—Kemajuan Perkampungan.

Di bawah peruntukan ini pihak Kementerian ini memohon sebanyak \$7,397,142.00 untuk membiayai projek-projek kecil di kawasan Kampung-kampung baru dan kampung-kampung lain di persekitarannya. Di dalam hal ini, saya ingin bertanya kepada Kementerian ataupun Timbalan Menteri berkenaan apakah yang ditakrifkan dengan kampung-kampung persekitarannya. Sejauh manakah had daripada sempadan kampung-kampung melampaui batas kampung-kampung baru itu masuk ke kawasan-kawasan kampung-kampung yang lain yang hendak dijaga oleh pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini.

Kalau sekiranya untuk menjaga kawasan-kawasan hanya sedikit sahaja pada pandangan saya, Tuan Pengerusi, perkara ini adalah tidak memadai, kerana tidak ada ertinya kalau sekiranya di kampung-kampung baharu mereka ataupun penduduk-penduduknya dapat menikmati perkara-perkara seperti air, api dan sebagainya tetapi penduduk-penduduk di persekitaran kampung-kampung tidak dapat menikmati perkara ini walhal mereka juga adalah rakyat kepada Kerajaan yang sama-sama ada Kerajaan Pusat mahupun Kerajaan Negeri.

Perkara yang akhirnya, Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Kertas Perintah 20, B. 15 Butiran (Kod) 4100 iaitu wang sebanyak \$240,000 diminta bagi pembayaran sewa ruang pejabat bagi Kementerian dan Jabatan Perumahan Negara kerana kenaikan kadar sewa. Di bawah peruntukan ini, saya ingin menyentuh sedikit mengenai Jabatan Perumahan Negara sendiri. Saya ingin bertanya kepada Menteri yang berkenaan atau Timbalan Menteri berkenaan adakah setakat hari ini telah difikirkan untuk menentukan peratus yang tertentu atau kadar yang tertentu apabila sesuatu pihak pemaju swasta hendak mendirikan rumah. Adakah pernah difikirkan sekian-sekian peratus hendaklah termasuk dalam takrif rumah kos rendah sepertimana yang dikehendaki oleh pihak Kementerian.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, dalam masalah ini juga, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri berkenaan kerana

saya dapati banyak yang berlaku di luar-luar bandar di mana pemaju-pemaju perumahan yang mungkin berlesen atau tidak berlesen kadang-kadang menjalankan usaha-usaha mereka itu dengan keadaan yang tidak begitu menguntungkan dan pernah menganiayai pihak-pihak yang hendak membeli rumah mereka itu. Walaupun belum lagi mereka mendapat sesuatu kelulusan sama ada masalah plan, tapak dan sebagainya telah dijalankan iklan-iklan secara tidak rasmi untuk mengutip wang pendahuluan \$1,000 atau sebagainya. Dan setelah papan iklan itu dipaparkan di tapak rumah tersebut, maka didapati pada saat itu apabila bakal-bakal pembeli-pembeli rumah datang hendak bertanya maka jawapannya, Tuan Pengerusi, rumah-rumahnya semua sudah di "book". Persoalan saya yang selanjutnya, sama ada pihak Kementerian beliau keep track ataupun sentiasa menyasiat perkara-perkara ini tanpa menerima rungutan-rungutan, dakwaan ataupun petition daripada pihak orang ramai. Jikalau sekiranya perkara ini belum lagi dibuat maka saya ingin mencadangkan di sini supaya pihak Kementerian ini untuk menjamin supaya pihak orang ramai tidak dianiaya oleh pihak-pihak pemaju perumahan sama ada yang berdaftar ataupun tidak mengadakan satu pasukan petugas untuk mencari pemaju-pemaju perumahan sama ada yang rasmi atau yang bogus supaya mereka ini dapat dibawa ke muka pengadilan.

Dengan ini saya menyokong peruntukan yang dipohon oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Pengerusi: Selepas Yang Berhormat dari Menglembu, setelah itu Yang Berhormat Menteri akan menjawab.

6.17 ptg.

Tuan P. Patto (Menglembu): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambil bahagian di atas permintaan daripada pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk Dewan meluluskan beberapa permintaan kewangan.

Tuan Pengerusi, dalam permintaan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan terdapat pihak Kementerian dan Kerajaan Tempatan meminta supaya \$5,639,142 untuk

pembangunan bagi tahun 1980 sebagai Anggaran Tambahan (Pertama) dan \$15,712,664 sebagai Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 4) di tahun sudah.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga menyentuh tentang B. 15 bagi Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua 1979 dan juga B. 15 Belanja Mengurus Anggaran Tambahan Pertama 1980.

Tuan Pengerusi, dalam permintaan daripada pihak Kementerian ada disebutkan bahawa pihak Kementerian memerlukan sebanyak \$15,712,664 iaitu \$13,785,517 bagi membantu sejumlah 9 buah Penguasa-penguasa Tempatan yang akan disusun semula di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1979. Saya hairan sedikit, Tuan Pengerusi, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan sama ada Akta Kerajaan Tempatan 1979 atau 1976 sebelum saya sambung, sebab saya keliru sedikit. Mengikut Akta yang diluluskan oleh Parlimen ialah 1976 tetapi dicetak di dalam Memorandum 1979. Saya tidak tahu sama ada satu Akta 1979. Akta yang diluluskan oleh Parlimen ialah dalam tahun 1976 tetapi dicetak dalam Memorandum sebagai tahun 1979. Saya tidak tahu sama ada satu Akta 1979.

Tuan Pengerusi: Ini bukan Akta tetapi ini Anggaran Tambahan kali yang ke empat bagi tahun 1979.

Tuan P. Patto: Bukan di Kertas Perintah 24 muka 2—Butiran (Projek) 31—Kemajuan Perkampungan di mana ada disebutkan (i) \$13,789,517.

Tuan Pengerusi: Oh! Akta ini.

Tuan P. Patto: Ya, Akta ini.

Tuan Pengerusi: Ya, sila teruskan.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Pengerusi, sebenarnya Akta Tahun 1976.

Tuan Pengerusi: Jadi ini salahlah. Terima kasih kerana menarik perhatian. Sepatutnya Yang Berhormat Timbalan Menteri mula-mula tadi sudah membetulkan berkenaan dengan ini. Sila teruskan.

Tuan P. Patto: Tuan Pengerusi, dalam memberi bantuan kepada Penguasa-penguasa Tempatan saya rasa bantuan-bantuan ini adalah sebagai launching grants kepada Majlis-majlis Bandaran khususnya kepada Majlis-majlis Daerah yang ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976. Tuan Pengerusi, saya tidak berapa faham apakah nilai-nilai yang diambil kira sebelum pihak Kementerian meluluskan Launching Grant ini bagi setiap Penguasa-penguasa Tempatan. Oleh kerana menurut Fasal 3 dalam Akta Kerajaan Tempatan pihak Menteri yang berkenaan adalah terlibat dalam menentukan kawasan manakah yang akan menjadi satu kawasan di bawah Penguasa Tempatan. Dengan izin, Tuan Pengerusi, saya petik sedikit Fasal 3 ini dalam bahasa Inggeris kerana saya tidak ada dalam bahasa Malaysia:

“ADMINISTRATION OF LOCAL AUTHORITIES

For the administration of local government under this Act, the State Authority, in consultation with the Minister and the Secretary of the Election Commission may, by notification in the *Gazette*:

- (a) declare any area in any such state to be a local authority area, assign and end to such local authority area, define the boundaries of such local authority area, and determine the status of the local authority for such local authority area, and such status shall be that of a municipal council or district council.”

Jadi dengan secara tidak langsung pihak Kementerian terlibat dalam menentukan berapa besarkah satu-satu kawasan yang akan diletakkan di bawah Penguasa Tempatan. Sekiranya ini menjadi tanggungjawab Kementerian yang berkenaan maka sudahlah pasti apakah nilai-nilai yang diambil kira sebelum Launching Grant diberi kepada satu-satu Penguasa Tempatan, oleh kerana ada saya menerima daripada beberapa Penguasa Tempatan di negeri Perak bila mana Launching Grant yang diberikan itu tidak mencukupi. Oleh kerana sebelum satu-satu tempat itu digazettekan sebagai satu Penguasa Tempatan, terdapat banyak Majlis-majlis Tempatan, Majlis-majlis Bandaran, Lembaga

Bandaran yang, dengan izin, in a bad financial state of affairs, dan sekiranya Launching Grant yang diberi itu tidak mencukupi maka masalah-masalah dahulunya wujud dalam Majlis Tempatan, di dalam Lembaga Bandaran itu terus akan kekal oleh kerana penyakit ini akan dibawa kepada Majlis Daerah. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi sedikit penjelasan atas perkara itu.

Seterusnya saya juga sentuh Kertas Perintah 26 iaitu Maksud P. 15. Di bawah Maksud P.15 sebanyak \$5,639,142 diminta diluluskan oleh Dewan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam Memorandum ini ada menyebutkan bahawa daripada jumlah ini sebanyak \$1,391,142 merupakan peruntukan semula daripada peruntukan tahun 1979 yang tidak dapat dibelanjakan dalam tahun tersebut. Apakah sebabnya wang sebanyak lebih \$1 juta tidak dapat dibelanjakan walaupun telah diperuntukkan bagi tahun 1979? Adakah ini mencerminkan bahawa Kementerian beliau walaupun diluluskan wang tetapi tidak mempunyai keupayaan untuk membelanjakan wang itu, ataupun adakah Kementerian memikirkan bahawa peruntukan yang dibuat dalam tahun 1979 itu sudah lebih, kalau lebih mengapakah ia diminta untuk diluluskan oleh Dewan?

Saya juga ingin mendapat tahu daripada jumlah ini wang akan digunakan bagi projek-projek kecil di kawasan Kampung-kampung Baru dan juga kampung-kampung lain di persekitarannya. Saya ingin ulangi soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah tadi. Di manakah had bagi kampung-kampung yang dikatakan di persekitaran Kampung-kampung Baru ini, berapa batukah jauh daripada sempadan Kampung Baru dan sebagainya supaya kita dapat satu gambaran yang lebih jelas tentang tempat-tempat yang akan menerima faedah.

Dalam soal ini dalam masa-masa lampau terdapat di sana sini, bukan di seluruh negara tetapi di sana sini, permainan politik di dalam pemberian-pemberian untuk projek-projek kecil. Pihak Kementerian tentu sedar dan setuju bahawa setiap rakyat dalam negara ini tanpa mengira apakah parti politik yang mereka menyokong atau mereka menjadi ahlinya, mereka berhak untuk menerima facilities (infrastructure) seperti jalan-jalan tar, lampu (street lighting) pasar, padang permainan kanak-kanak, longkang dan sebagainya. Tetapi nampaknya di dalam masa-masa lampau ada di sana sini permainan politik khususnya politik MCA digunakan di mana peruntukan hanya diberi kepada satu dua Kampung-kampung Baru yang diwakili oleh Ahli-ahli Parlimen daripada parti MCA. Saya rasa ini adalah tidak sihat dan melanggar prinsip hak setiap pembayar cukai (taxpayer's right) untuk expect dan menerima faedah-faedah seperti ini. Mereka tidaklah menuntut satu-satu yang tidak boleh diberi oleh Kerajaan tetapi yang boleh dan yang diberi tetapi didiskriminasikan menurut fahaman politik.

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup. Ada hendak sambung lagi?

Tuan P. Pato: Ya.

Tuan Pengerusi: Saya benarkan Yang Berhormat sambung sedikit lagi pada hari Isnin kerana hari Isnin saya akan bataskan masa bercakap sebab ada 18 Kementerian yang mesti diluluskan pada hari Isnin juga. Mengikut Peraturan Mesyuarat hanya 2 hari dibenarkan untuk dalam Jawatankuasa ini.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan Yang di-Pertua: Mesyuarat ditang-pada pukul 2.30 petang.
guhkan hingga hari Isnin, 16hb Jun, 1980

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.